

**PENGGUNAAN UNSUR WARNA DALAM  
SIMPULAN BAHASA CINA**

**TAY CHIN HUEY**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK**

**UNIVERSITI MALAYA**

**KUALA LUMPUR**

**2016**

**PENGGUNAAN UNSUR WARNA DALAM  
SIMPULAN BAHASA CINA**

**TAY CHIN HUEY**

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN BAHASA  
MODEN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2016**

**UNIVERSITI MALAYA**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **TAY CHIN HUEY**

No. Pendaftaran/Matrik: **TGA070020**

Nama Ijazah : **Sarjana Pengajian Bahasa Moden**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**Penggunaan Unsur Warna Dalam Simpulan Bahasa Cina**

Bidang Penyelidikan: **Sosiolinguistik**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 3hb March 2016

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 3hb March 2016

Nama: **Dr Emily Lau Kui Ling**

Nama: **Chiah Seng**

Jawatan: **Penyelia**

Jawatan: **Penyelia**

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji perubahan makna unsur warna yang terkandung dalam simpulan bahasa Cina. Tumpuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti kekerapan penggunaan sesuatu warna dalam simpulan Bahasa Cina dan perubahan makna mengikut setiap unsur warna yang dikaji. Aspek kajian dilanjutkan dengan pengkategorian simpulan bahasa Cina yang berunsur warna ke dalam beberapa kategori budaya Cina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa warna putih merupakan warna yang mempunyai kekerapan penggunaan yang paling tinggi diikuti oleh warna emas, kuning, hijau dan merah. Warna-warna dalam simpulan bahasa Cina adalah kata adjektif yang menyifatkan perkataan sebaliknya. Kebanyakan unsur warna yang terkandung dalam simpulan bahasa Cina mengalami dua jenis perubahan makna iaitu metafor dan perluasan makna. Terdapat beberapa simpulan bahasa yang berunsur warna tergolong dalam pelbagai kategori budaya. Faktor-faktor seperti adat resam, tradisi, nilai hidup, pembentukan amanah, budaya turut mempengaruhi penghasilan himpunan simpulan bahasa yang mengandungi unsur warna. Kajian ini bertujuan untuk memupuk minat para pelajar untuk mengenali dan mempelajari simpulan bahasa Cina. Penghargaan terhadap ciptaan simpulan bahasa sejak berkurun lamanya juga merupakan tujuan kajian ini. Seseorang yang aktif dalam penggunaan simpulan bahasa dapat diklasifikasikan sebagai golongan yang celik bahasa.

## ABSTRACT

This study presents an investigation of change of meaning in Chinese proverbs with colours. The focus of this study is to identify the frequency of the use of colours in Chinese proverbs and the change of meaning in each colour. Another aspect of this study is categorization of Chinese proverbs into several categories according to Chinese cultures. White was found to be the most frequently used in Chinese proverbs, followed by gold, yellow, green and red. The colours in Chinese proverb are the adjectives which describe the word before or after it. Most of the colours in the Chinese proverbs have some forms of meaning change in two types : metaphors and extended meanings. There are some Chinese proverbs which consist of colours classified in various categories of cultural significant. Factors such as custom, tradition, religion, value, trust, culture, spirit of perseverance and others play a part in influencing the production of Chinese proverbs which contain colours. This study also hopes to cultivate interest of the students to know and learn Chinese proverbs. Appreciation of proverbs is another byline of this study. A person who is active in idiomatic expressions can be classified as a literate person.

## PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr Emily Lau Kui Ling dan Encik Chiah Seng yang sudi memberi nasihat dan membimbing saya dengan sabar sepanjang penulisan kajian ini.

Kepada suami yang tercinta, Encik Lim Chee Wei, dan ibu yang dihormati, Madam Por Geok Sim, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kerana memberi sokongan moral, bersabar dan segalanya sehingga tamat pengajian. Di sini, saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada ayah yang telah meninggal dunia walaupun mendiang tidak dapat berkongsi kegembiraan ini bersama-sama.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr Goh Chin Shuang dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam dan rakan-rakan sejawat yang sudi memberi cadangan dan pertolongan yang efektif kepada saya dalam usaha menyiapkan kajian ini.

## ISI KANDUNGAN

Abstrack	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Isi kandungan	v
Senarai Rajah	ix
Senarai Jadual	ix

### **BAB 1 : PENGENALAN**

1.0	Latar Belakang Kajian	1
1.1	Pernyataan Masalah	6
1.2	Objektif Kajian	7
1.3	Soalan Kajian	8
1.4	Kepentingan Kajian	9
1.5	Batasan Kajian	10
1.6	Definisi Operasional	11
1.7	Kesimpulan	12

### **BAB 2 : SOROTAN KAJIAN**

2.0	Pengenalan	13
2.1	Pengertian Kata (词义 <i>cíyì</i> )	13
2.1.1	Makna Asal (本义 <i>běnyì</i> )	13
2.1.2	Perluasan Makna (引申义 <i>yǐnshēnyì</i> )	14
2.1.3	Makna Metafor (比喻义 <i>bǐyùyì</i> )	16
2.2	Lambang dan Makna	18

2.2.1	Lambang	18
2.2.2	Makna	19
2.3	Perlambangan dalam Simpulan Bahasa	20
2.4	Konsep Warna	21
2.5	Sejarah Unsur Warna dalam Bahasa Cina	25
2.6	Penggunaan Kata Warna dalam Simpulan Bahasa Cina	27
2.7	Budaya dan Budaya Masyarakat Cina	29
2.8	Warna dalam Budaya Cina	32
2.9	Kesimpulan	40

### **BAB 3 : METODOLOGI**

3.0	Pengenalan	42
3.1	Reka Bentuk Kajian	42
3.1.1	Kaedah Kualitatif	42
3.2	Konsep dan Kerangka Teori	49
3.3	Pemilihan Sampel	50
3.4	Prosedur Kajian	53
3.5	Pengumpulan Data	54
3.6	Kaedah Pengkategorian Data	56
3.7	Kesimpulan	57

### **BAB 4 : ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

4.0	Pengenalan	58
4.1	Analisis frekuensi penggunaan unsur warna dalam simpulan bahasa Cina	58
4.1.1	Kekerapan warna yang muncul dalam simpulan bahasa Cina	58
4.1.2	Kedudukan unsur warna dalam simpulan bahasa Cina	60



4.2	Analisis perubahan makna unsur warna dalam simpulan bahasa Cina	69
4.2.1	Ciri-ciri makna unsur warna dalam simpulan bahasa Cina	69
4.2.1.1	Ciri- ciri warna putih dalam simpulan bahasa Cina	70
4.2.1.1.1	Perkataan <i>putih</i> yang menunjukkan makna warna putih	71
4.2.1.1.2	Perkataan <i>putih</i> yang tidak menunjukkan makna warna putih	74
4.2.1.2	Ciri- ciri warna emas dalam simpulan bahasa Cina	81
4.2.1.2.1	Perkataan <i>emas</i> yang menunjukkan makna warna emas	82
4.2.1.2.2	Perkataan <i>emas</i> yang tidak menunjukkan makna warna emas	83
4.2.1.3	Ciri- ciri warna kuning dalam simpulan bahasa Cina	91
4.2.1.3.1	Perkataan <i>kuning</i> yang menunjukkan makna warna kuning	92
4.2.1.3.2	Perkataan <i>kuning</i> yang tidak menunjukkan makna warna kuning	94
4.2.1.4	Ciri- ciri warna hijau dalam simpulan bahasa Cina	100
4.2.1.4.1	Perkataan <i>hijau</i> yang menunjukkan makna warna hijau	101
4.2.1.4.2	Perkataan <i>hijau</i> yang tidak menunjukkan makna warna Hijau	102
4.2.1.5	Ciri- ciri warna merah dalam simpulan bahasa Cina	108
4.2.1.5.1	Perkataan <i>merah</i> yang menunjukkan makna warna merah	109
4.2.1.5.2	Perkataan <i>merah</i> yang tidak menunjukkan makna warna merah	109
4.2.6	Kesimpulan	114
4.3	Analisis simpulan bahasa Cina yang mengandungi unsur warna mencerminkan budaya Cina	115
4.3.1	Analisis pelbagai aspek budaya Cina yang terkandung dalam simpulan bahasa Cina yang berunsur warna	116
4.3.1.1	Mencerminkan budaya sejarah masyarakat Cina (反映中华民族的历史文化)	120
4.3.1.2	Mencerminkan kebijaksanaan dan pengalaman masyarakat Cina zaman kuno (反映古代中华民族的智慧和经验)	121
4.3.1.3	Mencerminkan budaya mental masyarakat Cina	

zaman kuno ( <i>反映古代中华民族的心理文化</i> )	128
4.3.1.4 Mencerminkan budaya agama ( <i>反映佛教文化</i> )	134
4.3.1.5 Mencerminkan budaya yang terselit di antara nama tempat dengan budaya negara China ( <i>反映地名与中国文化</i> )	135
4.3.1.6 Mencerminkan upacara adat istiadat budaya Cina ( <i>反映中华文化的礼仪习俗</i> )	137
4.4 Kesimpulan	140
 <b>BAB 5 : KESIMPULAN</b>	
5.0 Pengenalan	142
5.1 Dapatan Kajian Umum	142
5.2 Implikasi Kajian	144
5.3 Cadangan Kajian yang Seterusnya	146
5.4 Kesimpulan	146
 <b>BIBLIOGRAFI</b>	147
 <b>SENARAI LAMPIRAN</b>	153

## SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	: Piramid Pengalaman Warna	23
-----------	----------------------------	----

## SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	: Contoh Warna	22
Jadual 3.1	: Simpulan Bahasa Yang Mengandungi Unsur Hijau, 青 ( <i>qīng</i> )	44
Jadual 3.2	: Lambang dan Makna Simpulan Bahasa yang Berunsur Hijau, 青 ( <i>qīng</i> ) dan Jenis Peubahan Semantik Hijau	45
Jadual 3.3	: Simpulan Bahasa dalam Kategori Budaya	47
Jadual 3.4	: Contoh Jadual Kekerapan	55
Jadual 3.5	: Contoh Senarai Set Kategori Warna	55
Jadual 3.6	: Posisi Warna dalam Simpulan Bahasa	56
Jadual 4.1	: Peratusan Kekerapan Unsur Warna Simpulan Bahasa Cina	58
Jadual 4.2	: Posisi Warna dalam Simpulan Bahasa	60
Jadual 4.3	: Peratusan Kekerapan Dua Kategori Makna Warna <b>Putih</b>	70
Jadual 4.4	: Peratusan Kekerapan Dua Kategori Makna Warna <b>Emas</b>	81
Jadual 4.5	: Peratusan Kekerapan Dua Kategori Makna Warna <b>Kuning</b>	92
Jadual 4.6	: Peratusan Kekerapan Dua Kategori Makna Warna <b>Hijau</b>	101
Jadual 4.7	: Peratusan Kekerapan Dua Kategori Makna Warna <b>Merah</b>	108
Jadual 4.8	: Simpulan Bahasa dalam Kategori Budaya	117

# BAB 1 PENGENALAN

## 1.0 Latar Belakang Kajian

Bahasa merupakan suatu sistem simbol yang digunakan oleh anggota masyarakat bahasa untuk berkomunikasi dan berinteraksi sesama mereka berlandaskan budaya yang dimiliki mereka bersama (Soenjono, 2003). Zulkifley menjelaskan bahawa pola pemikiran sesuatu masyarakat tergambar secara jelas dalam bahasa.

‘Bahasa dikatakan sebagai penyerlah akal budi yang paling nyata. Hanya dengan bahasa, manusia dapat menangani dan mengungkapkan pengalaman yang telah atau bakal ditempuhi dalam kehidupan harian’ (Zulkifley Hamid, 1996, p.55). Bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi tetapi juga sebagai saluran bagi memaparkan kehidupan sesuatu masyarakat dalam menghadapi kehidupan harian. Ini bermakna pandangan dunia sesebuah masyarakat dapat dilihat melalui aspek budaya, sejarah kehidupan dan pemikiran masyarakat yang dipapar melalui bahasa.

Manusia merupakan satu-satunya makhluk yang dikurniakan dengan kebolehan berbahasa. Dengan berbekalkan akal fikiran, manusia mampu mengamati alam sekitar dan perkara yang berlaku di sekeliling mereka. Pemerhatian ini termasuklah tingkah laku manusia, interaksi sesama manusia, haiwan, alam sekitar dan sebagainya. Melalui sistem kognitif dan bahasa, manusia dapat berkomunikasi dan berhubung antara satu sama lain. Dengan keintelektualan yang ada, manusia turut menghasilkan karya kesusasteraan, peribahasa dan juga kata pepatah. Melalui karya kesusasteraan dan peribahasa yang dihasilkan, budaya dan adat resam sesuatu masyarakat itu dapat disebarkan dan diketahui umum (Saidatul Nornis, 2001).

Peribahasa sesuatu bahasa merupakan khazanah dan aspek yang paling indah dan bernilai dalam bahasa itu. Penciptaan peribahasa itu ialah hasil kebijaksanaan suatu masyarakat yang menghimpunkannya dari zaman-berzaman dan mewarisinya secara turun-temurun (Noraini & Mascitah, 2011, p.2).

Menurut Cihăi (1999, p.4477), kata pepatah merupakan bahasa biasa dalam kalangan manusia yang mempunyai kuasa ekspresif yang kuat. Kata pepatah terdiri daripada gabungan perkataan yang ringkas dan padat serta hukuman ayat yang tetap. Penggabungan perkataan dengan semantik adalah padat dan tidak boleh dialih sesuka hati. Kata pepatah dihasilkan secara kolektif (*umbrella term*) di mana ia merangkumi peribahasa, simpulan bahasa dan bahasa kiasan (Neo, Heng & Lee, 2014, p.17).

Peribahasa merupakan bahasa kiasan yang digunakan oleh masyarakat untuk menambah dan mengindahkan pertuturan dalam kehidupan seharian mereka. Perkara yang dikategorikan dalam penggolongan peribahasa termasuklah perumpamaan, simpulan bahasa, pepatah, perbilangan dan kiasan. Peribahasa ini sebenarnya melambangkan kekayaan sesebuah masyarakat dari segi kebudayaan, pemikiran dan falsafah hidup anggota masyarakat tersebut. (Noraini & Mascitah, 2011, p.2).

Setiap masyarakat mempunyai peribahasanya yang unik dan tersendiri yang diwarisi daripada satu generasi ke generasi yang seterusnya. Penguasaan dan pengetahuan serta mengenali bahasa ibunda sendiri dengan lebih mendalam adalah sangat digalakkan supaya warisan ini dapat dikekalkan dalam sesebuah masyarakat tersebut. Justeru, kajian yang dijalankan ini diharap dapat memupuk pemahaman dan

minat masyarakat ini untuk mendalami bahasa khususnya penggunaan simpulan bahasa dan kebudayaan yang terkandung dalam kesusasteraan Cina.

Menurut Dai (2003), simpulan bahasa ialah sinonim yang memperkayakan gaya penulisan. Simpulan bahasa terdiri daripada susunan kata yang pendek, terisi dengan makna yang luas, mengandungi unsur kebenaran dan menggambarkan istilah di sebaliknya. Memandangkan simpulan bahasa merupakan unsur bahasa yang penting dalam cabang kesusasteraan dan mencerminkan unsur kebudayaan masyarakat penggunanya, kajian sewajarnya dilakukan untuk mengkaji ciri-ciri yang unik yang terkandung dalam simpulan bahasa. Kajian yang dijalankan ini akan menumpukan perhatian pada penggunaan unsur warna dalam simpulan bahasa Cina.

Simpulan bahasa dalam bahasa Cina dikenali sebagai 成语 (*chéngyǔ*). Orang Cina mempunyai koleksi kesusasteraan yang lama (Wan Mohd, 1991). Lagenda-lagenda dan mitos-mitos dalam kesusasteraan Cina telah wujud lebih daripada dua ribu tahun Sebelum Masihi. Menurut kamus Cina 古今汉语词典 (*Gǔjīn Hànyǔ Cídiǎn*) (2004, p.165), kebanyakan simpulan bahasa Cina terdiri daripada empat patah perkataan yang berstruktur ringkas dan berbentuk tetap. Simpulan bahasa membayangkan nilai-nilai dan falsafah pegangan masyarakat Cina. Setiap simpulan bahasa mempunyai latar belakang yang menarik, misalnya cerita yang baik, cerita benar dan juga cerita dongeng. Terdapat simpulan bahasa yang menunjukkan perkembangan dalam bidang ilmu sains, bidang penciptaan teknikal, bidang kesenian, budaya dan adat istiadat, persekitaran dan aspek-aspek lain (Liu, 2000).

Menurut Wang & Wang (2013), simpulan bahasa adalah bahasa yang wujud melalui pembentukan ungkapan yang unik dan tetap dalam proses penggunaannya.

Sebagai satu bentuk bahasa, simpulan bahasa mempunyai ciri dan corak tersendiri dan digunakan dengan kerap sama ada dalam bentuk bahasa tulisan atau lisan kerana simpulan bahasa boleh digunakan untuk menyampaikan pelbagai maklumat bagi bahasa dan budaya apabila komunikasi berlaku sesama manusia. Dalam pelbagai keadaan, simpulan bahasa adalah refleksi daripada alam sekitar, kehidupan dan sejarah kebudayaan penutur asli dan ia juga berkait rapat dengan semangat mereka. Simpulan bahasa biasanya digunakan dalam semua jenis bentuk bahasa, sama ada dalam bentuk formal atau tidak formal. Terdapat simpulan bahasa yang mudah difahami dengan hanya melihat makna tersurat perkataan itu, manakala juga terdapat simpulan bahasa yang lebih rumit. Contoh simpulan bahasa yang senang difahami ialah 大同小異 (*dàtóng xiǎoyì*). 大 : besar; 同 : sama; 小 : kecil; 异 : perbezaan. Maksudnya, hampir keseluruhan sesuatu perkara atau benda itu sama, dan hanya terdapat sedikit perbezaan sahaja. Jadi, dengan hanya membaca simpulan bahasa ini seintas lalu, seseorang itu berupaya untuk memahami maksud keseluruhan simpulan bahasa itu.

Ungkapan simpulan bahasa Cina mempamerkan kepintaran manusia hasil daripada gabungan pengalaman, pengamatan dan pengajaran manusia. Simpulan bahasa terbentuk daripada gabungan pelbagai jenis unsur yang dikutip daripada pengalaman hidup seharian masyarakat pada zaman dahulu. Ia dibentuk berdasarkan pengalaman hidup dan perkara yang dialami serta pemerhatian terhadap sesuatu perkara. Melalui proses ini, simpulan bahasa dibentuk satu demi satu dan mula digunakan dalam komunikasi seharian. Dalam pada itu, didapati bahawa simpulan bahasa ini diwarnai dengan unsur perlambangan unik yang melibatkan penggunaan unsur warna dalam ungkapan simpulan bahasa tersebut.

Selain penggunaan unsur warna, unsur-unsur lain yang turut wujud dalam simpulan bahasa termasuklah unsur alam yang digunakan sebagai lambang untuk sesuatu makna seperti unsur haiwan iaitu kucing, anjing, harimau, tikus, lembu, ular, kambing, ayam, naga, itik, udang dan lain-lain lagi. Unsur tumbuh-tumbuhan turut digunakan misalnya; bunga, pokok, akar, mawar, rebung dan lain-lain lagi. Unsur cakerawala yang digunakan pula adalah seperti langit, bulan, matahari, bintang, sungai dan lain-lain lagi. Kesemua unsur ini diaplikasikan oleh pencipta peribahasa pada zaman dahulu dalam menghasilkan peribahasa melalui pengalaman, pemerhatian dan kepekaan mereka (Tengku Azeezeen, 2008).

Unsur warna merupakan suatu unsur perlambangan yang dipilih untuk mengungkapkan makna yang tertentu dalam suatu simpulan bahasa. Makna yang dimaksudkan di sini termasuklah budaya masyarakat, kelakuan dan perasaan manusia, peranan sesuatu watak, gambaran sesuatu pemandangan, kemewahan status, keunikan, pantang larang, perlambangan kerabat diraja, agama dan adat dan lain-lain (Liu, 2000).

Warna ialah sifat cahaya yang ditentukan oleh panjang gelombang (atau oleh kandungannya sebagai paduan untuk beberapa panjang gelombang). Julat panjang gelombang nampak untuk cahaya dikenali sebagai *spektrum*<sup>1</sup> (Rem, 2001).

Warna amat penting dalam kehidupan manusia. Warna memainkan peranan yang penting dalam pelbagai fungsi dan aspek dalam kehidupan harian kita. Oleh sebab perkataan yang memberi pengertian warna ini amat berkait rapat dengan bahasa, maka kajian ini akan berusaha untuk mengkaji aspek makna, lambang, fungsi dan kedudukan warna dalam simpulan bahasa Cina terutamanya dari sudut bahasa.

---

<sup>1</sup> Menurut Dewan Bahasa Pustaka, spektrum ialah cahaya berwarna-warni seperti warna pelangi yang terjadi apabila sesuatu sinar diuraikan oleh kaca prisma dll. Sumber daripada laman sesawang <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=spektrum>



Setiap warna dalam simpulan bahasa Cina membawa makna yang tersendiri. Umpamanya, menurut Kamus Bahasa Cina Moden (2002), putih melambangkan sifat bersih, jernih, jujur, murni, suci, tulen dan tulus. Warna merah pula membawa makna seperti darah, menyala, saga, kegembiraan, kemewahan dan kekayaan. Di sebaliknya, hitam membawa maksud gelap, dukacita, haram, malang, suram dan pantang-larang. Hijau pula membawa maksud masih mentah dan muda.

Selain simpulan bahasa Cina, penggunaan warna turut dapat diperhatikan dalam beberapa contoh ungkapan simpulan bahasa Melayu. Misalnya, terdapat beberapa hal dinyatakan secara halus dengan menggunakan unsur warna putih dalam simpulan bahasa Melayu. Umpamanya, *putih* mata bermaksud kecewa, *putih* tulang bermaksud lebih baik mati dan *putih* hati membawa maksud jujur. Simpulan bahasa, sesungguhnya, menjadi cermin bagi bangsa masing-masing. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kata adjektif warna menjadi amat penting dalam bahasa (Nathesan, 1998).

Kajian ini hanya memfokuskan pada perubahan makna terhadap unsur warna dalam simpulan bahasa Cina dan seterusnya dilanjutkan dengan pengkategorian simpulan bahasa Cina yang berunsur warna ke dalam beberapa kategori budaya Cina.

## **1.1 Pernyataan Masalah**

Simpulan bahasa Cina kaya dengan unsur-unsur budaya. Ia mempunyai asal-usul yang mencerminkan keadaan masyarakat penggunanya pada masa itu. Simpulan bahasa dihasilkan berdasarkan sejarah, prosa klasik, cerita khayalan, puisi atau hasil pertembungan dengan bahasa lain (Liu, 2000). Semua ciri ini menjadikan simpulan bahasa Cina begitu istimewa. Namun, semakin banyak masyarakat Cina kurang

mengutamakan simpulan bahasa (Lam, 2008). Keadaan ini menyebabkan penggunaannya semakin berkurangan. Fenomena penggunaan peribahasa dan simpulan bahasa semakin terpinggir akibat daripada penggunaannya yang amat kurang dalam komunikasi harian. Para remaja jarang menggunakan peribahasa dan simpulan bahasa malah ada yang kurang menyedari akan kewujudan peribahasa dan simpulan bahasa.

Walau bagaimanapun, tradisi penggunaan peribahasa dan simpulan bahasa harus diteruskan. Adalah penting bagi kita untuk mengetahui dan mengekalkan penggunaan peribahasa dan simpulan bahasa ini kerana ia merupakan salah satu warisan yang perlu dihargai dan dipelihara oleh bangsa itu sendiri. Hal ini dapat mengekalkan penggunaan warisan kesusasteraan sesuatu bangsa yang telah diwarisi sejak turun temurun dan seterusnya dapat memupuk perpaduan dan mencapai kemuafakatan sesebuah bangsa itu.

Memandangkan simpulan bahasa merupakan unsur bahasa yang unik dan penting dalam masyarakat penggunanya, maka kajian ini akan bertumpu kepada kajian terhadap unsur warna dengan meninjau apakah makna metafor dan perluasan makna yang ditonjolkan oleh unsur-unsur warna di bawah perubahan makna sesuatu warna tersebut. Kajian seterusnya dilanjutkan dengan pengkategorian simpulan bahasa Cina yang berunsur warna ke dalam beberapa kategori budaya Cina.

## **1.2 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dengan lebih mendalam lagi tentang unsur warna yang terkandung dalam simpulan bahasa Cina. Secara khususnya, objektif kajian ini ialah untuk membuat tinjauan tentang kekerapan penggunaan unsur warna dalam simpulan bahasa Cina dan mengkaji makna metafor dan perluasan makna yang

ditonjolkan oleh unsur-unsur warna di bawah perubahan makna sesuatu warna. Seterusnya, unsur-unsur warna dikaji dari pelbagai kategori budaya masyarakat Cina. Ini dapat membantu masyarakat Cina mengenali budaya dan kehidupan masyarakat sendiri dengan lebih mendalam. Ini juga dapat menghidupkan kembali martabat kesusasteraan bangsa Cina dan seterusnya menurunkan tradisi penggunaan simpulan bahasa kepada generasi yang seterusnya. Dengan ini, objektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengenalpasti jenis warna yang kerap digunakan dalam simpulan bahasa Cina.
2. Mengkaji simpulan bahasa Cina yang mengandungi unsur warna dari segi perubahan makna.
3. Melihat bagaimana unsur warna dalam simpulan bahasa Cina mencerminkan budaya Cina.

Bagi memenuhi objektif-objektif ini, 3 soalan kajian telah dihasilkan.

### **1.3 Soalan Kajian**

Kajian ini akan mengkaji secara mendalam untuk menjawab soalan-soalan yang berikut :

1. Apakah warna yang kerap digunakan dalam simpulan bahasa Cina?
2. Apakah perubahan makna unsur warna dalam simpulan bahasa Cina yang dikaji?
3. Bagaimanakah simpulan bahasa Cina yang mengandungi unsur warna mencerminkan budaya Cina?

#### 1.4 Kepentingan Kajian

Dalam dunia simpulan bahasa Cina, satu gambaran yang lebih jelas tentang lambang warna dapat dihasilkan berdasarkan simpulan bahasa Cina yang kaya dengan unsur-unsur kebudayaan, sejarah dan nilai-nilai sosial ini. Dengan ini, penghasilan kajian ini juga diharap dapat mewujudkan satu pemahaman yang lebih konkrit tentang unsur-unsur warna dalam budaya masyarakat Cina.

Simpulan bahasa telah diturunkan sejak zaman dahulu. Menurut Tengku Azeezeen (2008), manusia pada zaman moden ini yang dibanjiri kemajuan dan leka dalam mengejar kemodenan telah mengabaikan asal-usul kesusasteraan klasik masyarakat sendiri. Tanpa menyedari tentang nilai estetik dan seni yang tinggi dalam simpulan bahasa itu, ada kalanya simpulan bahasa telah dianggap kuno dan ketinggalan zaman serta tidak sesuai lagi untuk digunakan pada zaman kini.

Justeru, simpulan bahasa ini harus diimbaz kembali dan dihidupkan semula agar masyarakat Cina dapat menyedari semula kepentingan bahasa, mengenali kesusasteraan sendiri, mengingati sumbangan tokoh-tokoh dalam bidang sastera, mengenali budaya diri sendiri, melanjutkan keindahan bahasa ibunda supaya tidak luput atau tergugat sehingga bila-bila masa sahaja (Tengku Azeezeen, 2008, p.9). Melalui kajian ini, pengetahuan mengenai kognisi, konsep dan persepsi yang terkandung dalam simpulan bahasa Cina akan diperolehi dan boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada pengkaji.

Penggunaan simpulan bahasa yang tepat amat digalakkan terutamanya dalam penulisan (Paitoon, 2012, p.133). Hal ini demikian kerana sesuatu hasil penulisan yang memuatkan simpulan bahasa akan menjadi lebih menarik dan indah gaya bahasanya.

Selain itu, penggunaan simpulan bahasa dalam penulisan dan pengucapan adalah digalakkan kerana ciri-ciri kehalusan dan keindahan santun kata dapat dipaparkan.

Dalam kajian ini, selain meninjau simpulan bahasa Cina dari perspektif warna, konotasi budaya juga akan dikaji. Hasil kajian dapat memberi gambaran yang jelas tentang aspek budaya masyarakat Cina yang terselit dalam simpulan bahasa Cina melalui unsur warna. Penghargaan terhadap ciptaan simpulan bahasa sejak berkurun lamanya juga merupakan kepentingan kajian ini. Diharapkan kajian ini juga dapat memanfaatkan pelajar yang sedang mempelajari bahasa Cina sebagai bahasa kedua atau ketiga dengan membantu mereka memahami budaya masyarakat Cina.

### **1.5 Batasan Kajian**

Memandangkan terdapat banyak kamus simpulan bahasa di pasaran, dua kamus telah dipilih untuk kajian ini. Data diambil daripada kamus *Chéngyǔ Tōngjiǎn Cídiǎn* iaitu *成语通检词典* : terbitan *中华书局 (Zhōnghuá Shūjú)*, Beijing 2013 dan *Xīnhuá Chéngyǔ Cídiǎn* iaitu *新华成语词典* : terbitan *商务印书馆 (Shāngwù Yìnshūguǎn)*, Beijing 2011. Kebanyakan simpulan bahasa Cina mempunyai ungkapan sebanyak empat patah perkataan. Terdapat juga sesetengah simpulan bahasa yang melebihi empat patah perkataan. Kajian ini hanya terbatas kepada simpulan bahasa yang terdiri daripada empat patah perkataan. Simpulan bahasa yang terdiri lebih daripada empat patah perkataan tidak diambil kira sebagai data. Pengkaji memilih kedua-dua kamus ini kerana kamus-kamus ini disyorkan sebagai instrumen kajian yang sesuai dalam penyelidikan dan juga rujukan yang berwibawa dalam bidang akademik. Bilangan simpulan bahasa yang terkandung amat mencukupi dikumpul sebagai data.

Simpulan bahasa merangkumi pelbagai unsur yang amat luas, antaranya termasuk unsur budaya, agama dan adat resam, prikemanusiaan, unsur alam, undang-undang, kehidupan masyarakat, pemikiran manusia dan lain-lain aspek. Kajian ini hanya meliputi kajian simpulan bahasa Cina yang mengandungi unsur warna sahaja. Dari sini, kita dapat memerhatikan cara simpulan bahasa ini diperlihatkan atau dikonseptualisasikan dari sudut budaya. Asmah (1986) mengatakan bahawa bahasa sebagai petunjuk bagi kebudayaan adalah suatu perkara yang sudah lama diketahui kerana bahasa mencerminkan kebudayaan penutur, cara kehidupan dan juga persekitaran fizikal dan sosial sesebuah masyarakat.

Terdapat banyak data perlu dianalisis sekiranya kajian terhadap kesemua unsur warna (13 jenis) yang terkandung dalam simpulan bahasa Cina dilakukan. Oleh itu, kajian ini terbatas kepada 5 jenis warna yang mempunyai kekerapan yang paling tinggi (Sila rujuk jadual kekerapan 4.1).

## **1.6 Definisi Operasional**

Unsur warna - Warna merupakan sejenis unsur penting dalam grafik kerana ia dapat memberikan kesan psikologis kepada orang yang melihatnya. Warna mampu memberikan saranan yang mendalam kepada manusia. Warna juga berhubung kait dengan latar belakang budaya sebuah bangsa tertentu yang mungkin memberikan penilaian berbeza untuk penggunaan warna-warna yang berbeza.

Simpulan bahasa Cina merupakan ungkapan bahasa Cina yang terdiri daripada empat patah perkataan yang mempunyai susunan tetap dan mantap dengan pengertian

tertentu (Yao, 1998). Sesetengah simpulan bahasa mempunyai bilangan perkataan yang melebihi empat patah perkataan.

## **1.7 Kesimpulan**

Setelah membincangkan latar belakang kajian, objektif kajian, kepentingan dan permasalahan kajian terhadap simpulan bahasa Cina, diharapkan kajian ini dapat menarik minat pembaca untuk meneruskan kajian tentang simpulan bahasa. Simpulan bahasa memainkan peranan amat penting dalam bidang kesusasteraan untuk menonjolkan keunikan budaya masyarakat tersebut dan cara masyarakat tersebut menggunakan unsur-unsur yang tertentu dalam penghasilan simpulan bahasa ini.

Bab yang seterusnya akan memperkembangkan lagi pemahaman tentang penggunaan simpulan bahasa dalam masyarakat serta kajian unsur warna-warna yang pernah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji dahulu dan sekarang.

## BAB 2 : SOROTAN KAJIAN

### 2.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan mengemukakan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan topik kajian ini. Pembentangan teori-teori dan kajian-kajian lepas merangkumi pengertian kata, aspek warna, budaya, simpulan bahasa, warna dalam budaya dan sebagainya.

### 2.1 Pengertian Kata (词义 Cíyì)

Perkembangan pengertian kata dibahagikan kepada tiga kategori iaitu *makna asal* (本义 běnyì), *perluasan makna* (引申义 yǐnshēnyì) dan *makna metafor* (比喻义 bǐyùyì) (Huang, 2009).

#### 2.1.1 Makna Asal (本义 běnyì)

Makna asal sesuatu perkataan mempunyai dua penerangan. Pertama, pengertian dari sumber, iaitu maksud yang paling asal (本义 běnyì). Kedua, pengertian aplikasi perkataan, iaitu maksud yang selalu diguna dianggap sebagai makna asas (基本意义 jīběn yìyì).

Terdapat banyak makna asal telah hilang. Dalam kamus umum, makna asal tidak dikategorikan dalam pengertian makna. Namun, apabila membaca bahan kuno, makna asal sesuatu perkataan mesti difahami dengan merujuk kepada kamus-kamus seperti 辞源 (Cí Yuán), 汉语大字典 (Hànzì Dàzìdiǎn), 说文解字 (Shuōwén Jiězì) dan lain-lain. Sesetengah makna asal masih dikekalkan sehingga hari ini tetapi tidak dapat



menonjolkan maksud secara sendiri sebaliknya ia mesti dikolokasi dengan perkataan lain.

Makna asal bagi perkataan “askar” (兵 *bīng*) ialah senjata. Contoh simpulan bahasa yang mengandungi perkataan 兵 *bīng* ialah pertarungan yang sengit iaitu 短兵相接 (*duǎnbīng xiāngjiē*) dan bersedia untuk berperang atau bertanding iaitu 秣马厉兵 (*mòmǎ lìbīng*). Makna asal bagi perkataan “sup” (汤 *tāng*) ialah air panas. 汤 *tāng* wujud dalam simpulan bahasa 扬汤止沸 (*yángtāng zhǐfèi*) dan 赴汤蹈火 (*fùtāng dǎohuǒ*). 扬汤止沸 (*yángtāng zhǐfèi*) bermaksud menghentikan air daripada mendidih dan mencurahkan semula. 赴汤蹈火 (*fùtāng dǎohuǒ*) pula bermaksud melompat ke dalam air panas dan berjalan melalui api.

Makna asal bagi perkataan “jalan” (走 *zǒu*) difahamkan sebagai lari. Namun, “走 *zǒu*” menunjukkan seseorang berjalan kaki di bawah makna asas. “兵 *bīng*” pula merujuk kepada askar di bawah makna asas. Oleh kerana makna asas bagi sesuatu perkataan selalu diguna, maka makna asalnya kadang kala diganti oleh makna asas (Li, 1993, p.68). Seseengah makna asal masih diutamakan sehingga hari ini. Dalam keadaan ini, makna asal dan makna asas boleh menjadi konsisten

### 2.1.2 Perluasan Makna (引申义 *yǐnshēnyì*)

Perubahan makna terbentuk hasil daripada beberapa pendekatan. Salah satu pendekatan yang penting ialah perluasan makna (引申义 *yǐnshēnyì*). Perluasan makna (引申义 *yǐnshēnyì*) berlaku di mana makna perkataan bertukar dari tahap subordinate ke tahap superordinate, iaitu skop makna perkataan telah diperluaskan. Perluasan makna

(引申义 *yǐnshēnyì*) diperkembang daripada makna asas. Makna yang diperluas mempunyai makna yang sama atau bertentangan dengan makna asas. Sebagai contoh, perkataan “dalam” (深 *shēn*). Makna asas bagi “深 *shēn*” ialah jarak yang besar dari permukaan ke dasar atau dari bahagian luar ke bahagian dalam. Contoh seperti “sungai ini sangat dalam” (这条河很深 *zhè tiáo hé hěn shēn*); gunung dalam (深山 *shēnshān*); perigi dalam (深井 *shēnjǐng*) dan lain-lain. Frasa-frasa ini menonjolkan makna asas “深 *shēn*” iaitu dalam.

Dalam proses perubahan makna, “深 *shēn*” kemudian diperluas makna kepada “深奥 *shēnào*”, “深刻 *shēnkè*”, “深入 *shēnrù*” dan “深厚 *shēnhòu*”. Contohnya, falsafah yang mendalam (很深的哲学 *hěn shēn de zhéxué*); persahabatan yang mendalam (友谊很深 *yǒuyì hěn shēn*). “深 *shēn*” juga diperluas makna kepada masa yang lama, contohnya “夜深人静 *yèshēn rénjìng*”. Selain itu, “深 *shēn*” juga menggambarkan kegelapan sesuatu warna, contohnya “颜色太深 *yánsè tài shēn*”.

Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa perhubungan antara perluasan makna dengan makna asas bagi perkataan “深 *shēn*” terdiri daripada dasar yang sama.

Merujuk kepada 说文解字 (*Shuōwén Jiězì*), makna asal bagi perkataan “口 *kǒu*” ialah mulut. Mulut bukan sahaja merupakan organ makan bagi manusia dan haiwan bahkan juga merupakan organ vokal. “口 *kǒu*” diperluas makna daripada mulut kepada penjodoh bilangan “一家五口 *yì jiā wǔkǒu*”. “口 *kǒu*” merupakan organ yang amat penting di kalangan manusia dan haiwan. Maka, “口 *kǒu*” diambil sebagai unit untuk mengambil kira bilangan ahli bagi sesebuah keluarga.

### 2.1.3 Makna Metafor (比喻义 *bǐyùyì*)

Metafor merupakan makna tetap yang dihasilkan melalui perumpamaan makna asal. Dalam kata lain, makna metafor juga tergolong dalam salah satu jenis perluasan makna daripada makna asal sesuatu perkataan (Li, 1993, p.60).

Metafor terbentuk melalui persamaan atau keserupaan antara perkara untuk menghasilkan makna baru. Ia merupakan pemindahan nama berdasarkan perhubungan makna. Dengan ini, metafor mewakili sejenis kaedah yang menunjukkan persamaan antara satu benda dengan yang lain. Sebagai contoh, perkataan “mulut” iaitu 嘴 (*zuǐ*) merupakan salah satu deria manusia. Makna metafor “mulut” pula digambarkan sebagai laluan masuk bagi sesuatu objek. Makna asal bagi frasa “tulang dan daging” iaitu 骨肉 (*gǔròu*) ialah tulang dan daging. Makna metafornya bertukar menjadi pertalian yang tidak dapat dipisahkan. Frasa “手足 (*shǒuzú*)” merujuk kepada tangan dan kaki. Namun, makna telah berubah menjadi hubungan persaudaraan iaitu 手足情 (*shǒuzúqíng*) apabila “手足 (*shǒuzú*)” dikolokasi dengan “情 (*qíng*)”.

Di bawah makna metafor, “口 *kǒu*” diumpamakan sebagai saluran sesebuah bekas. “口 *kǒu*” juga digambarkan sebagai laluan masuk dan keluar sesebuah bangunan seperti “进口 *jìnkǒu*” dan “出口 *chūkǒu*”. Mulut manusia mempunyai persamaan dengan saluran bekas iaitu satu akses untuk beralih ke dalam dan ke luar. Dengan ini, makna metafor “口 *kǒu*” dapat ditonjolkan.

Didapati bahawa adalah sukar untuk membezakan *perluasan makna* (引申义 *yǐnshēnyì*) dan *makna metafor* (比喻义 *bǐyùyì*). Berikut ialah dua jenis keadaan untuk memastikan perubahan makna dikategorikan sebagai makna metafor :

(i) Objek yang ditunjukkan oleh makna asas digambarkan secara spesifik (具体 *jùtǐ*), iaitu sesuatu yang wujud manakala makna yang ditunjukkan melalui makna metafor digambarkan secara abstrak (抽象 *chōuxiàng*). Sebagai contoh, “bulu” (皮毛 *pímáo*). Makna asal 皮毛 *pímáo* ialah kulit yang berbulu. Contoh ayat ialah bulu cerpelai dan bulu musang merupakan bulu yang amat berharga (貂皮、狐皮都是极贵重的皮毛 *diāopí、húpí dōushì jí guìzhòng de pímáo*). Di bawah perubahan makna metafor, 皮毛 *pímáo* merujuk kepada pengetahuan secara permukaan sahaja. Contoh ayat ialah berpengetahuan cetek (略知皮毛 *luèzhī pímáo*).

Melalui contoh di atas, pengkaji mendapati bahawa makna asas bagi 皮毛 *pímáo* iaitu kulit yang berbulu merupakan sesuatu yang spesifik. Sebaliknya, apabila 皮毛 *pímáo* digambarkan sebagai pengetahuan secara permukaan, ia merupakan sesuatu yang abstrak.

(ii) Sifat objek yang ditunjukkan oleh makna asas dan makna metafor mempunyai jurang perbezaan yang besar. Hal ini memudahkan orang ramai menganggap ia tergolong dalam metafor. Sebagai contoh, “meletup” iaitu “放炮 *fàngpào*” menunjukkan tembakan peluru. Makna asas ini kemudian diubah menjadi makna metafor iaitu serangan yang ganas terhadap sesuatu perkara.

Pengkaji menegaskan bahawa makna metafor yang diubah secara sementara bukan merupakan makna metafor yang sebenar sebaliknya penggunaannya perlu diaplikasi dalam suatu jangka masa yang panjang di samping ia telah lama dikukuhkan dalam bidang pengertian makna.

Selain daripada perluasan makna (引申义 *yǐnshēnyì*) dan makna metafor (比喻义 *bǐyùyì*), pengertian kata (词义 *cíyì*) juga merangkumi metonomi (借代义 *jièdàiyì*), makna simbolik (象征义 *xiàngzhēngyì*) dan sebagainya. Pengertian kata terbentuk hasil daripada aplikasi bahasa dan proses perkembangannya dalam jangka masa yang panjang. Memandangkan skop tesis ini perlu dihadkan berdasarkan jumlah perkataan, kajian ini hanya menfokuskan pada perubahan makna daripada makna asal kepada makna metafor atau perluasan makna.

## 2.2 Lambang dan Makna

### 2.2.1 Lambang

Merujuk kepada *Kamus Dewan* (2005, p.876), lambang merupakan tanda yang mengatakan atau mengenalkan sesuatu barang, simbol, isyarat (seperti kain, pasu, bendera dan lain-lain lagi) : *Warna kuning dengan bulan sabit dan bintang melambangkan Islam adalah agama rasmi Malaysia. Bintang bersudut empat belas melambangkan tiga belas negeri di Malaysia dan Wilayah Persekutuan. 14 jalur melambangkan negeri-negeri Malaysia dan ibu negeri. Warna biru melambangkan perpaduan. Warna putih melambangkan kesucian. Warna merah melambangkan keberanian.* Kajian ini akan mengkaji unsur warna dalam simpulan bahasa yang melambangkan atau memberikan makna yang tersirat terhadap simpulan bahasa itu.

Menurut Ogden & Richards (1972), lambang ini bersifat konvensional tetapi dapat diorganisasi, dirakam dan dikomunikasikan. Lambang juga merupakan tanda tetapi lambang tidak memberi tanda secara langsung, contohnya warna putih dalam masyarakat Cina merupakan lambang kesucian manakala warna kuning merupakan warna khas yang melambangkan keluarga kerabat diraja.

Lambang boleh wujud dalam pelbagai bentuk atau konsep. Dengan itu, lambang ialah pengwujudan konsep (Tengku Azeezeen, 2008, p.31). Kebanyakan konsep yang kita gunakan adalah terikat kepada budaya. Kita bergantung kepada pemahaman suatu masyarakat terhadap pengetahuan dan pengalaman yang tidak sama dengan masyarakat yang lain. Ini kerana setiap budaya mempunyai pandangan masing-masing yang unik. Ini dapat dilihat dalam simpulan bahasa Cina yang akan dikaji ini, berfokuskan kepada aspek unsur warna iaitu terdapat lambang yang memberikan maksud tertentu.

### **2.2.2 Makna**

Linguistik kognitif mengkonsepsikan hubungan kognitif dan makna (Jalaluddin, Nor Hashim, Anida & Zaharani, 2012, p.460). Premis yang diutamakan adalah “*meaning is embodied*”, iaitu pengalaman ini menkonsepsikan makna (Lakoff, 1987). Makna dianggap tidak wujud secara tersendiri daripada orang yang mencipta atau menggunakannya oleh aliran linguistik kognitif. Makna dilihat sebagai struktur konseptual yang lazim (*conventionalized conceptual structure*). Menurut Lakoff (1987), ungkapan bahasa mempunyai hubungan yang erat dengan manusia dan ini bermaksud pengalaman dan interaksi manusia dengan dunia nyata mencerminkan pengkonsepsian makna dalam mental.

Menurut Awang Had Salleh (1959, dlm. Zulkifley Hamid, 1996), makna adalah sesuatu yang luas yang mempunyai hubungan langsung dengan otak penutur; untuk mengetahui makna dengan tepat, seseorang mesti mendalami perkara yang difikirkan oleh penutur, dan berfikiran selaras dengan beliau. Dalam kajian ini, pengkaji harus

mendalami maksud yang disampaikan oleh lambang warna dalam simpulan bahasa sebelum dan selepas perubahan makna berlaku terhadap sesuatu warna.

Bahasa dikatakan terdiri daripada unsur bunyi dan unsur makna. Ahmad al-Mutawakkil (2006) mengatakan bahawa terdapat dua jenis makna iaitu makna penutur dan makna leksikal. Makna penutur merupakan makna yang dikehendaki oleh penuturnya yang mengandungi tujuan dan niat manakala makna leksikal pula merupakan makna yang terkandung dalam sesuatu perkataan yang berkaitan antara satu sama lain melalui pertuturan dan ujaran seseorang. Dalam kajian ini, makna yang dimaksudkan oleh lambang unsur warna yang digunakan dalam simpulan bahasa Cina akan dikaji dengan teliti dari pelbagai aspek seperti fungsi warna, watak, peranan, budaya dan lain-lain lagi agar pengertiannya dapat dijelaskan dengan tepat.

### **2.3 Perlambangan dalam Simpulan Bahasa**

Menurut Chi & Hao (2013), simpulan bahasa adalah kumpulan tetap kata-kata yang maknanya tidak jelas jika difahami dari setiap perkataan secara berasingan sebaliknya ia perlu difahami secara keseluruhannya.

Dalam perspektif yang luas, simpulan bahasa terdiri daripada kata-kata yang telah ditetapkan, frasa, peribahasa, bahasa seharian, dua ungkapan biasa dan sebagainya. Terdapat banyak simpulan bahasa yang wujud dalam kedua-dua bahasa Cina dan Inggeris. Simpulan bahasa bagi kedua-dua bahasa ini menunjukkan maklumat yang agak rumit tentang kebudayaan mereka dan budaya dalam simpulan bahasa ini merupakan aspek yang penting dalam budaya tradisional mereka.

Eberhard (1986) mengkaji lambang-lambang karakter bahasa Cina. Beliau mengatakan bahawa perkataan Cina tidak boleh dieja, tetapi harus difahami apa yang ditulis tidak semestinya makna apa yang dimaksudkan. Lambang dan karakter bahasa Cina lebih menekankan realiti kehidupan dengan menunjukkan maksud penyampaian tersirat atau secara tidak langsung. Sesuatu yang boleh disampaikan dengan terus-terang tetapi kadang-kadang tidak boleh disampaikan melalui perkataan secara terus atas alasan seperti malu, menjaga maruah diri atau air muka. Contohnya perkataan 紅 (*hóng*) yang secara literalnya bermaksud “merah”. Tetapi ada-kalanya perkara yang dimaksudkan adalah berbeza dan ia berdasarkan kepada persefahaman antara penyampai dan pendengar. Perkataan 紅 (*hóng*) boleh bermaksud “kemewahan”. Akan tetapi, apabila digabungkan dengan perkataan lain, kita dapat memahami maksud lain yang didukung oleh 紅 (*hóng*). Contohnya 來紅 (*lái hóng*) yang bermaksud kedatangan haid.

## 2.4 Konsep Warna

Warna adalah sebahagian daripada hidup. Menurut *Kamus Dewan* (2005, p.1802), warna bermaksud cahaya yang diterima oleh mata daripada cahaya yang dipantulkan oleh benda-benda yang dilihat oleh seseorang. Menurut *Ensiklopedia Malaysia* (1996, p.416), warna didefinisikan sebagai suatu sebutan umum bagi menggambarkan rangsangan penglihatan untuk membezakan komposisi cahaya yang mempunyai perbezaan jarak gelombangnya. Warna dapat dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu warna amaran, warna pelengkap, warna primer dan warna asas. Menurut *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (2008), warna adalah kesan yang diperolehi oleh mata daripada cahaya yang dipantulkan oleh benda-benda yang dikenainya. Sedangkan dalam ilmu fizik, warna adalah panjang gelombang cahaya yang dihasilkan atau dipantulkan



oleh benda sehingga dapat dilihat oleh mata manusia. Manusia dapat melihat cahaya dengan panjang gelombang kira-kira 380nm, yang setara dengan warna ungu, sampai 780nm, yang dilihat sebagai warna merah.

Menurut Mahnke (1993), warna bukan sebahagian daripada suatu benda, ruang ataupun permukaan. Warna adalah sensasi yang disebabkan oleh kualiti cahaya tertentu yang terlihat oleh mata dan seterusnya diinterpretasikan oleh otak.

Kopacz (2004) mengatakan bahawa istilah warna mengacu kepada semua sensasi visual, termasuk kosongnya warna putih dan gelapnya warna hitam, begitu juga intensiti daripada kemerahan sejenis lipstik dan kehalusan seketul bata merah.

Warna merupakan unsur yang sangat berkesan dan berupaya untuk menyentuh kepekaan penglihatan sehingga mampu merangsang perasaan terharu, sedih, gembira, semangat, dan lain-lain (Adi Kusrianto, 2009, p.47).

Warna dalam kehidupan manusia mempunyai makna yang berbeza. Jadual berikut adalah beberapa erti daripada warna secara umum : -


Jadual 2.1 : Contoh Warna

<b>Warna</b>	<b>Lambang / Simbol</b>
Biru	sesuatu yang memiliki ketenangan dan kepercayaan
Merah	sesuatu kekuatan atau nafsu
Kuning	sesuatu kegembiraan yang penuh harapan dan optimis
Hijau	sesuatu yang semulajadi
Ungu	keangkuhan dan kemewahan
Hitam	misteri, malapetaka, kematian dan ketakutan, sesuatu konotasi yang negatif
Putih	kesucian, juga menunjukkan bersih dan rapi

(Sumber : Kamus Bahasa Cina Moden, 2002)

Terdapat 6 faktor yang disebut oleh Mahnke Frank H. dalam buku '*Color, Environment & Human Response*' (1996) yang mempengaruhi pengalaman warna pada setiap individu. Keenam-enam faktor ini mempunyai tahap pengaruhnya. Ini disebut sebagai '*Piramid Pengalaman Warna*'. Dalam perkembangan evolusi manusia, kita mewarisi kemampuan untuk memberi reaksi terhadap warna yang tidak dapat kita kendalikan dan warna telah menjadi sebahagian daripada psikologi dan warisan biologi manusia. Semua ini memainkan pengaruh yang besar terhadap persepsi manusia pada warna. Berikut adalah penjelasan tentang keenam-enam faktor tersebut.

Rajah 2.1 : Piramid Pengalaman Warna



[Sumber : *Color, Environment & Human Response*(1996)]

Warna juga dapat menjadi karakteristik dalam kebudayaan dan kelompok tertentu (Adhifah Rayahu, 2012, p.19). Misalnya, warna biru-kehijauan menjadi warna nasional Persia (Persia adalah salah satu suku yang tergolong dalam bangsa Iran, yang menggunakan bahasa Persia dan juga mempunyai persamaan dalam kebudayaan

dengan bangsa Iran yang lainnya). Misalnya, orang Persia kuno percaya bahawa warna tersebut dapat menjaga mereka daripada gangguan syaitan. Dalam Islam, warna hijau menandakan adat resam dan hijau juga menjadi tanda harapan. Dalam kalangan masyarakat Cina pula, bangsa Han paling suka dan selalu menggunakan warna merah (Chang, 2004, p.167). Warna merah itu sendiri sebenarnya membawa makna yang agung bagi masyarakat Cina. Warna merah menggambarkan keadaan yang terang. Dengan ini, merah menjadi lambang kegembiraan dalam kehidupan. Merah disebut sebagai *hóng* (紅) dalam bahasa Cina dan bunyinya kedengaran seperti “ong” membawa maksud bertuah, bernasib baik dan beruntung. Bunyi “ong” disebut dalam bahasa dialek iaitu Hokkien. Orang Cina mempercayai bahawa warna merah akan membawa tuah kepada mereka jika mereka memakai pakaian merah pada hari pertama Tahun Baru Cina. Dengan ini, didapati bahawa warna merupakan suatu unsur universal yang melangkaui batas budaya dan adat resam sesebuah masyarakat.

Dalam bidang reka bentuk, warna seringkali menjadi unsur pelengkap dalam sebuah rekaan. Menurut Adhifah Rahayu (2012), warna memiliki peranan yang sama penting baik dalam bidang seni bina mahupun dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Dalam kajian beliau, beliau mendapati bahawa semua yang dapat dilihat itu memiliki warna. Oleh itu, warna menjadi bahagian yang penting dan sangat berpengaruh dalam kehidupan seharian manusia. Misalnya, memilih warna pakaian yang hendak dipakai, mengubah warna cat dinding ruang tamu sempena musim perayaan, memilih warna kulit penutup telefon bimbit, memilih warna untuk perabot-perabot, memilih warna tertentu untuk barangan yang hendak dibeli dari kedai dan sebagainya. Tanpa disedari, beberapa contoh ini menunjukkan bahawa warna memang memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia. Kajian mengenai warna telah banyak dilakukan dan

ia juga telah menjadi sebahagian daripada pelbagai cabang ilmu seperti fizik, biologi, seni bina dan psikologi.

Dalam ilmu psikologi, warna merupakan satu bentuk atau lambang kepada sesuatu yang dilambangkan (Nugroho, 2008). Persepsi sesebuah masyarakat atau negara akan menentukan maksud sesuatu warna itu. Begitu juga dengan setiap bahasa yang wujud, ia akan menggunakan istilah dan makna warna yang berbeza dalam kalangan penuturnya. Warna adalah bahasa visual universal yang paling umum yang digunakan sehari-hari. Manusia selalu terpesona dengan keindahan warna. Secara psikologi, warna memang mempengaruhi kehidupan kita. Kesan psikologisnya sering jauh lebih dahsyat daripada pengalaman visual kita. Setiap warna memiliki kesan psikologi yang tertentu. Warna-warna tertentu dapat merangsang kita, mewujudkan perasaan ghairah, atau sebaliknya boleh melemahkan kita. Terdapat warna yang melahirkan sebuah gambaran yang menunjukkan kekosongan. Sebagai contoh, warna putih, 白 (*bái*) dalam simpulan bahasa 平白无故 (*píngbái wúgù*) bermaksud tiada apa-apa sebab; 白手起家 (*báishǒu qǐjiā*) bermaksud seseorang yang memulakan perniagaan keluarga atau sesebuah kerjaya dengan tangan yang kosong dan tiada ilmu asas.

## 2.5 Sejarah Unsur Warna dalam Bahasa Cina

Sistem lima warna dalam tradision Cina telah mengkategorikan warna hitam, merah, hijau, putih, kuning sebagai warna positif. Warna hitam dalam *Yijing* 《易经》 dianggap sebagai warna langit (Xin Yuan, 2006). "天地玄黄 (*tiāndì xuánhuáng*)", mengatakan bahawa orang pada zaman dahulu merasakan bahawa langit utara telah mendedahkan misteri hitam. Mereka menganggap bahawa Polaris melambangkan

kedudukan Maharaja. Jadi, warna hitam pada China purba merupakan warna raja-raja dan ia juga merupakan warna monokromatik yang paling lama pada zaman purba.

Bagi warna merah pula, Xin (2006) mempunyai pendapat yang sama dengan Fan (2010) dan Liu (2008), iaitu mereka berpendapat bahawa warna merah melambangkan warna kemeriahan dan kegembiraan sempena sesuatu sambutan. Warna hijau (termasuk hijau muda) melambangkan musim bunga dan alam semula jadi. Konsep warna putih dalam zaman purba mempunyai banyak makna. Konsep lima elemen telah menyamakan warna putih dengan emas, iaitu putih sama seperti emas. Ini membuktikan bahawa orang zaman purba menganggap warna putih itu melambangkan sesuatu yang terang dan cerah. Warna putih juga dikategorikan sebagai warna positif yang menandakan ketulenan, cerah dan berisi. Selain itu, warna putih juga dirujuk sebagai hal-hal kematian.

Xin (2006) juga mengatakan bahawa warna kuning sebagai warna pusat atau simbol warna bumi. Dalam bahasa Cina, terdapat suatu pernyataan yang mengatakan “kuning melahirkan Yin dan Yang” (黄生阴阳 *huáng shēng yīnyáng*), iaitu mereka menganggap kuning ialah warna utama. Warna kuning ialah warna maharaja. Bangunan yang penting seperti istana, kuil dan sebagainya banyak berwarna kuning. Warna kuning juga dianggap sebagai warna luar biasa yang tidak tercemar. Selain itu, warna kuning juga merupakan warna agama Buddha, iaitu pakaian sami dan kuil adalah berwarna kuning. Akan tetapi, Guan (2008) mengatakan bahawa dalam sejarah kesenian Kristian, orang Yahudi memakai pakaian kuning sebagai lambang dengki, memberontak dan dianggap sebagai pengecut.

Meskipun terdapat pelbagai konsep yang mendeskripsikan warna, namun sebenarnya terdapat pula persamaan yang dapat menjadi pola universal. Berlin & Kay (1969) mengatakan bahawa istilah dasar warna dalam sebuah bahasa berevolusi pada setiap waktu dan setiap bahasa pada akhirnya mengacu kepada 11 istilah dasar warna yang universal. Berlin & Kay (1969) juga mengatakan ke-sebelas istilah dasar warna itu adalah hitam, putih, hijau, kuning, merah, biru, coklat, merah muda, oren, kelabu dan ungu. Sejumlah warna umum ini digelar sebagai “pola warna dasar”.

## **2.6 Penggunaan Kata Warna dalam Simpulan Bahasa Cina**

Antara kajian-kajian lepas tentang penggunaan kata warna dalam simpulan bahasa, Xu (2014) telah menganalisis ciri-ciri taburan, sumber, klasifikasi, ciri-ciri ideografik dan konotasi budaya simpulan bahasa yang mengandungi kata-kata warna melalui perspektif linguistik, psikologi dan linguistik kebudayaan. Beliau mendapati bahawa pengedaran kata-kata warna dalam simpulan bahasa adalah tidak seimbang. Perkembangan simpulan bahasa dipengaruhi oleh politik, ekonomi dan budaya. Hal ini telah mencerminkan proses pembangunan sejarah sosial. Simpulan bahasa yang mengandungi kata-kata warna terutamanya datang dari cerita dongeng, sejarah, karya sastera dan kitab-kitab agama. Sebab utama adalah kebangkitan sastera vernakular yang menjadikan peribahasa rakyat diubah menjadi sejenis bahasa dalam kesusasteraan. Ciri-ciri ideografik dan konotasi budaya amat kaya dalam simpulan bahasa yang mengandungi unsur warna. Budaya bahan purba negara China, budaya kerohanian, budaya sistem, budaya adat dan perasaan estetik masyarakat dahulu telah ditunjukkan sepenuhnya dalam simpulan bahasa.

Menurut Fan (2010), antara pelbagai jenis kata-kata warna, sesetengah daripadanya telah lenyap manakala sesetengah pula masih diguna sehingga hari ini. Fan (2010) mengatakan bahawa kita dapat lebih memahami pengertian simpulan bahasa dengan menguasai makna kata-kata warna dan seterusnya menerokai hubungan antara mereka. Hal ini bukan sahaja dapat mendalami konotasi budaya yang terselit dalam simpulan bahasa dan menikmati kekayaan yang ditinggalkan oleh nenek moyang, malahan warga asing yang belajar bahasa Mandarin dapat memahami negara China khususnya dari perspektif budaya.

Menurut Chen (2013), masyarakat Cina lebih suka warna merah, kuning dan ungu. Sebagai contoh, kuning dan ungu merupakan warna jubah maharaja pada zaman dahulu. Rakyat biasa yang berpakaian kuning atau ungu dianggap sebagai sikap yang tidak hormat kepada raja dan negara. Warna merah selalu dilihat apabila menyambut sesuatu perayaan. Dalam pada itu, warna hitam, putih dan kelabu jarang muncul. Sebaliknya, putih dan hitam dipakai oleh orang ramai semasa menghadiri upacara pengebumian dan warna lain pula jarang dilihat. Ini bertindak sebagai suatu tanda penghormatan kepada si mati dan juga keluarga si mati. Simpulan bahasa 大红大紫 (*dàhóng dàzǐ*) bermaksud sangat disukai atau sangat popular manakala 白衣秀士 (*báiyī xiùshì*) bermaksud pelajar miskin yang masih belum menjadi pegawai kerajaan.

Warna putih (*白 bái*) dalam simpulan bahasa boleh diklasifikasikan ke dalam kategori-kategori yang lebih kecil berdasarkan konotasi putih yang berlainan. Pertama sekali, dikaji dari segi visual, simpulan bahasa seperti 白璧无瑕 (*báibì wúxiá*) dan 白璧微瑕 (*báibì wēixiá*) dan sebagainya. Dari segi masyarakat feodal yang berhierarki, simpulan bahasa termasuk 白屋寒门 (*báiwū hánmén*), 白衣秀士 (*báiyī xiùshì*) dan sebagainya. Makna putih ini menunjukkan kemiskinan. Dari segi budaya tradisional

Cina pula, simpulan bahasa termasuk 素车白马 (*sùchē báimǎ*) dan 红白喜事 (*hóngbái xīshì*) di mana putih menunjukkan hal-hal kematian.

Untuk memudahkan analisis makna, simpulan bahasa yang berunsur warna dikategorikan kepada dua bahagian iaitu **perkataan warna yang menunjukkan makna warna** dan **perkataan warna yang tidak menunjukkan makna warna**. Perubahan makna telah berlaku pada sesuatu warna itu apabila ia tidak menunjukkan maksud warna itu.

## 2.7 Budaya dan Budaya Masyarakat Cina

Setiap bangsa mempunyai bentuk budaya yang berlainan. Terdapat beberapa pandangan yang berlainan mengenai budaya. Menurut Theodorson dan Theodorson (dalam Puteri, 2005, p.33), budaya digambarkan sebagai cara hidup sesuatu kelompok sosial, iaitu seluruh persekitaran yang dibina oleh manusia termasuk hasil kehidupan kelompok yang dibahagikan kepada budaya kebendaan dan budaya bukan kebendaan.

Budaya adalah satu konsep yang dinamik. Ia merupakan proses pembangunan sejarah. Justeru, kebudayaan mempunyai ciri-ciri geografi, ciri-ciri etnik dan zaman. Dari sudut sejarah, budaya Cina termasuklah sejarah budaya tradisional dan evolusi budaya tradisional yang berlaku secara dramatik pada zaman moden (Zhang, 1986).

Zhan dan Zhu (2002) berpendapat bahawa budaya adalah kombinasi amalan hidup, cara hidup dan adat resam sesuatu bangsa yang dihasilkan daripada gabungan budaya yang berlainan. Mod budaya merangkumi sebelas aspek yang berlainan, iaitu bahasa, kehidupan kebendaan, harta dan hasil, kekeluargaan, seni, hiburan, agama, sains



dan budaya, kerajaan, moral dan peperangan. Menurut Edward B. Taylor (Puteri, 2005, p.33), kebudayaan ialah keseluruhan kompleks yang mengandungi pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang, adat resam dan kebolehan lain serta perlakuan manusia sebagai anggota masyarakat.

Budaya ialah salah satu aspek yang penting dalam kajian ini. Budaya ialah *etiket*, 礼仪 (*lǐyì*), iaitu peraturan-peraturan formal mengenai tingkah laku yang betul dan sopan dalam sesebuah masyarakat (Oxford, 1989). Unsur budaya yang terkandung dalam sastra Cina memenuhi etiket yang sesuai dalam budaya Cina. Selain etiket, budaya Cina juga mencerminkan ciri-ciri kebangsaan dan gaya hidup negara selepas evolusi tamadun Cina dan juga keseluruhan budaya pemikiran dan ideologi sejarah etnik (Yang, 1999). Budaya tradisional Cina juga merupakan ciptaan nenek moyang keturunan Cina yang tinggal di kawasan pedalaman. Budaya tradisional yang diwarisi dari generasi ke generasi ini mengandungi ciri-ciri etnik yang tersendiri dan konotasi yang dalam dan mempunyai ciri-ciri sejarah. Secara ringkasnya, budaya tradisional Cina ialah istilah umum yang dipaparkan melalui bentuk budaya yang berbeza yang mewakili pelbagai budaya etnik, adat resam dan semangat kerohanian (Zeng, 2004).

Seorang pakar budaya, 林宝卿 (*Lín Bǎo Qīng*) telah mengupas budaya Cina terutamanya dalam aspek bahasa dengan budaya. Beliau menfokuskan kajian dengan melihat hubungan budaya Cina dengan aspek-aspek seperti tulisan Cina, perbendaharaan kata Cina, tatabahasa Cina, peribahasa, simpulan bahasa, nama orang, nama tempat, agama dan sebagainya. Teorinya boleh dibahagikan kepada beberapa kategori seperti budaya Cina mencerminkan budaya sejarah masyarakat Cina; mencerminkan kebijaksanaan dan pengalaman masyarakat Cina zaman kuno; mencerminkan budaya mental masyarakat Cina zaman kuno; mencerminkan budaya

agama; mencerminkan budaya yang terselit di antara nama tempat dengan budaya negara China dan mencerminkan upacara adat istiadat budaya Cina (Lin, 2000, p. 211-214).

Menurut Chong (2014), kehidupan masyarakat Cina bukan sahaja sangat menarik malahan budayanya sangat terserlah. Hal ini demikian kerana masyarakat Cina penuh dengan upacara dan adat istiadat yang menarik dan amat mementingkan maksud di sebaliknya. Sebagai contoh, yang paling menarik ialah upacara majlis perkahwinan orang Cina. Upacara perkahwinan masyarakat Cina berbeza dengan upacara perkahwinan masyarakat barat. Misalnya, masyarakat barat menjalankan upacara di gereja, manakala masyarakat Cina mengadakan jamuan makan secara besar-besaran di restoran atau rumah. Masyarakat barat mendoakan rahmat tuhan mereka semasa upacara perkahwinan, manakala masyarakat Cina berdoa dan menunjukkan penghargaan setinggi-tinggi kepada syurga dan ibu bapa. Pengantin masyarakat barat memakai gaun yang berwarna putih semasa upacara perkahwinan, manakala pengantin masyarakat Cina memakai gaun yang berwarna merah dalam majlis perkahwinan disebabkan masyarakat Cina beranggapan bahawa warna merah membawa makna gembira, riang, meriah, bertuah dan penuh dengan harapan (Lin, 2000, p. 141). Menurut Lin (2000), pasangan pengantin baru memakai gaun berwarna merah, memakai bunga merah, mengedarkan kad jemputan yang berwarna merah dan memberi gula-gula. Daripada aspek upacara perkahwinan, kita dapat perhatikan bahawa budaya masyarakat Cina dan masyarakat barat masing-masing mempunyai ciri-ciri yang tersendiri.

## 2.8 Warna dalam Budaya Cina

Kebudayaan adalah dikonsepsikan sebagai makna bersama (Hall, 2003, p.17). Lebih-lebih lagi, jika makna itu dihasilkan melalui rujukan kepada objek fizikal atau pengalaman fizikal (Machin, 2009, p.30). Oleh yang demikian, apabila menyentuh tentang warna, tumpuan akan diberikan kepada kepentingan dalam perkongsian pengalaman dalam mentafsir makna untuk warna bersama-sama dan seterusnya melahirkan suatu fenomena yang pengkaji namakan sebagai budaya warna.

Istilah warna mengandungi unsur kebudayaan dan emosi yang padat dalam kalangan bangsa Han (Chang, 2004, p.165). Dengan ini, istilah warna mengandungi perlambangan kebudayaan yang kaya. Menurut Chang (2004), sejak dahulu lagi, bahasa Cina amat kaya dengan istilah warna dan kebanyakan mempunyai hubungan yang erat dengan industri tekstil atau sutera. Di samping itu, boleh dikatakan bahawa perlambangan kebudayaan dalam bahasa Cina dilahirkan melalui pendekatan warna daripada perkara yang bersifat objektif. Jadi, istilah-istilah warna dalam bahasa Cina masing-masing mempunyai perlambangan yang berlainan pada zaman yang berlainan. Dalam sejarah China, dinasti yang berbeza berpegang kepada warna yang berlainan. Sebagai contoh, dinasti Xia mengagung-agungkan warna hijau, dinasti Shang mengagung-agungkan warna putih, dinasti Zhou mengagung-agungkan warna merah, dinasti Qin mengagung-agungkan warna hitam, dinasti Han dan dinasti-dinasti seterusnya sama-sama mengagung-agungkan warna merah. Boleh disimpulkan bahawa, istilah warna dan pemikiran kebudayaan masyarakat mempunyai hubungan yang erat.

Menurut Yang (1999, p.63), warna ialah sejenis fenomena semula jadi. Pengenalan dan konsep terhadap warna daripada pelbagai bangsa dan negara adalah

berlainan. Namun, sebahagian besar masih lagi seragam. Walaupun manusia mempunyai pengenalan terhadap warna yang seragam, istilah warna dan penggabungan kebudayaan, nilai dan kepercayaan sesuatu bangsa telah melahirkan konotasi budaya yang berlainan.

Dalam budaya Cina, kuning iaitu 黄 (*huáng*) merupakan warna jubah dan pakaian maharaja. Maharaja merupakan pentadbir tertinggi bagi bahagian timur, selatan, barat dan utara. Maharaja berada di kawasan pusat dan kuning merupakan warna tanah di kawasan itu. Dengan ini, perkataan 黄帝 (*huángdì*) dihasilkan (Yang, 1999, p.63). Kuning ialah warna berkanun dalam masyarakat feudal. Selain itu, kuning juga menunjukkan status tinggi, bermaruah dan gemilang. Maharaja ialah wakil negara China dan dengan ini, kuning telah menjadi lambang atau simbol kuno.

Sebaliknya, pada zaman sekarang, warna kuning telah menjadi istilah yang kurang baik iaitu sesuatu yang berkaitan dengan kegagalan (Yang, 1999, p.64). Kuning dikaitkan dengan sesuatu yang kotor dan hina. Kita boleh perhatikan melalui perkataan seperti 黄色书刊 (*huángsè shūkān*) yang bermaksud bahan bacaan yang berunsur seksim manakala 黄色录像 (*huángsè lùxiàng*) dan 黄色电影 (*huángsè diànyǐng*) pula menunjukkan video atau tayangan yang berunsur seksim. Langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memogok kegiatan pelacuran pula dikenali sebagai 扫黄 (*sǎohuáng*) iaitu menghapuskan aktiviti-aktiviti seks yang haram. Selain itu, seseorang yang bercakap kasar juga dirujuk sebagai 黄 (*huáng*). Perubahan makna ini berlaku disebabkan oleh pengaruh barat. Pada zaman dahulu, halaman depan bagi bahan bacaan fiksyen negara barat adalah berwarna kuning. Majalah dan surat khabar pula menggunakan kertas kasar yang berwarna kuning sebagai cetakan halaman depan. Negara barat pernah menggambarkan warna kuning sebagai imej bahan bacaan yang

lucuh pada abad ke-19. Dengan ini, masyarakat Cina telah menerima konsep tersebut, iaitu kuning sebagai gambaran yang terhina dan konsep ini dipanjangkan sehingga hari ini (Yang, 1999).

Dalam budaya Cina, merah iaitu 红 (*hóng*) merupakan warna yang cemerlang sejak zaman dahulu. Merah melambangkan sesuatu yang bertuah dan gembira. Menurut Lin (2000), makna merah telah dilanjutkan daripada suasana kegembiraan atau bertuah ke kejayaan atau kemenangan. Sebagai contoh, 红运 (*hóngyùn*) menggambarkan sesuatu perniagaan dicapai kejayaan; apabila untung akan diberi 红利 (*hónglì*); perniagaan semakin bertambah maju diterangkan sebagai 做得红红火火 (*zuò de hónghóng huǒhuǒ*) atau 开红门 (*kāi hóngmén*); seseorang artis bernama semakin berjaya dan digemari ramai boleh dikatakan 红了起来 (*hóng le qǐlái*), 走红 (*zǒuhóng le*) atau 大红人 (*dàhóng rén*). Istilah merah dilanjutkan lagi daripada kejayaan atau kemenangan ke lambang cerah dan terang, kemajuan dan kemakmuran serta revolusi. Contohnya, 红旗 (*hóngqí*) dan 红军 (*hóngjūn*). 红灯 (*hóngdēng*) melambangkan lampu revolusi. Sebaliknya, dalam sosial dan budaya negara barat, 红灯 (*hóngdēng*) dirujuk sebagai pengertian yang menghina iaitu hanya rumah pelacuran dihiasi dengan lampu merah. Ini merupakan tanda rumah pelacuran. Itulah sebabnya kawasan pelacuran dikenali sebagai “red light district”.

Dalam budaya Cina, walaupun merah dikatakan sebagai tanda kegembiraan namun terdapat juga unsur-unsur yang negatif di sebaliknya. Misalnya, 亮红牌 (*liàng hóngpái*) yang menunjukkan amaran telah diberi. Kesihatan seseorang dikatakan 亮红灯 (*liàng hóngdēng*) menunjukkan keadaan kesihatan merosot. 眼红 (*yǎnhóng*) pula menjelaskan perasaan cemburu.

Putih iaitu 白 (*bái*) adalah warna awan, salji dan jed (Chang, 2004:171). Masyarakat Cina melihat warna putih sebagai lambang terang, cerah, bersih, suci, elegan, anggun dan lain-lain lagi. Rakyat pada zaman dahulu tidak dibenarkan berpakaian berwarna-warni dan digelar sebagai golongan 白衣 (*báiyī*). Rakyat biasa dikenali sebagai 白丁 (*báidīng*) atau 白身 (*báishēn*). Rumah yang diduduki oleh rakyat miskin pula dinamakan 白屋 (*báiwū*).

Perubahan makna bagi istilah putih dapat diperhatikan. Menurut Yang (1999), putih juga melambangkan sesuatu yang negatif seperti rendah diri, pengkhianatan, keganasan, ketakutan, penentangan, kebodohan, kematian, kegagalan dan sebagainya. Sebagai contoh, perkataan 白虎星 (*báihúxīng*) digunakan untuk menggambarkan seseorang yang sangat garang (Chang, 2004:172). 白事 (*báishì*) menunjukkan hal-hal pengebumian. 举白旗 (*jǔ bǎiqí*) menunjukkan penyerahan atas kegagalan. 白痴 (*báichī*) menunjukkan seseorang yang kurang pintar. Putih berlawanan dengan merah. Perkara-perkara menyokong revolusi digambarkan melalui warna merah manakala pihak penentang revolusi digambarkan melalui warna putih. 白色政府 (*báisè zhèngfǔ*) merujuk kepada pembangkang kerajaan dan 白军 (*báijūn*) ialah tentera yang memberontak kerajaan. 白匪 (*báifēi*) atau 白狗子 (*bái gǒuzi*) pula merujuk kepada golongan gangster yang menganiayai keamanan masyarakat. Tambahan lagi, dari aspek adat istiadat masyarakat Cina, putih menunjukkan perihal upacara pengebumian manakala merah menunjukkan perihal perkahwinan atau sesuatu perayaan (Li, 2007). Di sini, dapat kita perhatikan bahawa putih bertentangan dengan merah di mana ia memperlihatkan sesuatu yang menyedihkan dengan sesuatu yang menggembirakan.

Hijau ialah 青 (*qīng*) ataupun boleh juga dipanggil 绿 (*lǜ*). 绿 (*lǜ*) ialah hijau muda. Hijau mewakili kehidupan tumbuh-tumbuhan. Hijau ialah warna alam semula jadi. Istilah hijau dapat menggambarkan suasana musim bunga, padang, hutan rimba, tasik, emerald dan lain-lain lagi. Dengan ini, manusia dahulu mengatakan hijau sebagai lambang musim bunga, zaman belia, keamanan, keharmonian, harapan, keselamatan, bernasib baik, kesegaran dan sebagainya.

Perubahan makna bagi hijau dapat diperhatikan melalui pandangan Lin (2000) iaitu warna hijau melambangkan status yang rendah dalam masyarakat Cina. 青衣 (*qīngyī*) menunjukkan golongan hamba manakala 绿头巾 (*lǜ tóujīn*) dan 绿帽子 (*lǜ màozi*) merujuk kepada golongan pelacur. 戴绿帽子 (*dài lǜmàozi*) menunjukkan isteri sendiri mempunyai hubungan sulit dengan lelaki lain. Dalam drama kesenian muka iaitu 脸谱艺术 (*liǎnpǔ yìshù*), hijau mewakili keganasan.

Walau bagaimanapun, warna hijau pada hari ini tidak lagi mengandungi unsur-unsur yang terhina tetapi amat dialu-alukan. Contohnya, 绿灯 (*lǜdēng*) bermaksud lampu hijau sebagai tanda melangkah ke hadapan. Tambahan lagi, makanan tumbuhan hijau telah menjadi kegemaran orang ramai pada masa kini.

Warna ungu iaitu 紫 (*zǐ*) ialah sejenis warna yang cemerlang, iaitu sama seperti warna merah. Pegawai pentadbiran memakai pakaian berwarna ungu dan ungu mewakili pangkat yang tertinggi dalam masyarakat birokrasi feodal sejak dinasti Tang (Yang, 1999).

Warna hitam adalah warna yang diagung-agungkan pada dinasti Qin dan Han. Namun, hitam dipakai oleh maharaja dan hanya dapat dilihat semasa upacara yang

rasmi. Pada zaman tersebut, jubah berwarna hitam dipakai oleh maharaja dan pegawai-pegawai kerajaan. Pendek kata, hitam ialah warna rasmi. Hitam melambangkan keteguhan, ketegasan, kekerasan, kegigihan dan misteri. Dalam drama kesenian muka iaitu 脸谱艺术 (*liǎnpǔ yìshù*), hitam digunakan sebagai gambaran terhadap seseorang watak yang bersifat adil dan jujur. Hitam juga merupakan warna yang gelap pada waktu malam. Dengan ini, hitam melambangkan misteri, keadaan yang serius dan sesuatu yang dalam (Chang, 2004, p.170).

Walaupun hitam merupakan warna yang agung dalam pemerintahan, secara umumnya istilah hitam membawa pengertian atau elemen yang kurang positif. Istilah hitam melambangkan kegelapan, kematian, kejahatan, syaitan, bahaya, keganasan, kekejaman dan lain-lain lagi. Pada zaman revolusi kebudayaan, hitam berhubungkait dengan pembangkang revolusi atau pemberontakan. Pihak atau golongan yang dikritik digambarkan sebagai 黑帮 (*hēibāng*), 黑社会 (*hēishèhuì*), 黑手 (*hēishǒu*), 黑帽 (*hēimào*), 黑牌 (*hēipái*), 黑纲领 (*hēigānglǐng*), 黑后台 (*hēihòutái*), 黑秀才 (*hēixiùcái*), 黑毛杆 (*hēimáogān*), 黑文章 (*hēiwénzhāng*) dan seumpamanya.

Warna emas mempunyai konotasi budaya yang kaya dari segi politik, sosiobudaya, agama, adat istiadat dan seumpamanya. Dalam sistem politik, warna emas dilihat sebagai warna yang suci dalam sejarah China. Kerabat diraja masyarakat Cina menggunakan warna emas untuk membuat pakaian. Selain negara China, kebanyakan warna kerabat diraja di dunia ini ialah emas. Luk (2013) mengatakan bahawa emas melambangkan darjat dan kuasa, kemuliaan dan kegemilangan. Sejak dinasti Han dan Tang, warna emas menunjukkan status yang tinggi dan identiti yang mulia. Dengan ini, lahirlah beberapa istilah yang berunsur emas seperti 金殿 (*jīndiàn*), 金銮殿 (*jīnluándiàn*), 金版 (*jīnbǎn*), 金字 (*jīnzì*), 金符 (*jīnfú*) dan sebagainya.



Dalam sosiobudaya masyarakat Cina, naga iaitu 龙 (*lóng*) merupakan makhluk yang dipuja. Masyarakat Han menganggap diri sebagai “龙”的传人 (*lóng de chuánrén*). Naga merupakan makhluk Tuhan dalam lagenda yang memancarkan cahaya emas. Dengan ini, “emas” merujuk kepada sesuatu yang terang dan suci.

Dari segi agama, emas melambangkan kesucian, penghormatan dan kemegahan. Istilah yang berkaitan dengan agama Buddha ialah 金晶 (*jīnjīng*), 金童玉女 (*jīntóng yùnnǚ*), 金童 (*jīntóng*), 金猊 (*jīnní*), 金门羽客 (*jīnmén yǔkè*), 金狄 (*jīndí*), 金莲 (*jīnlián*), 金偈 (*jīnjì*), 金字经 (*jīnzìjīng*), 金身 (*jīnshēn*) dan sebagainya.

Luk (2013) mengatakan bahawa emas juga mewakili wang. Duit syiling yang diperbuat daripada logam dikenali sebagai 金钱 (*jīnqián*) iaitu wang. Istilah yang berkaitan dengan wang termasuklah 奖金 (*jiǎngjīn*), 奖学金 (*jiǎngxuéjīn*), 聘金 (*pìnjīn*), 资金 (*zījīn*), 现金 (*xiànjīn*), 租金 (*zūjīn*) dan lain-lain lagi.

Emas juga mewakili *gold* iaitu 黄金 (*huángjīn*). Dalam pelbagai jenis logam, emas paling bernilai. Perkataan yang berkaitan dengan *gold* ialah 金饰 (*jīnshì*), 金条 (*jīntiáo*), 金子 (*jīnzi*), 纯金 (*chúnjīn*) dan lain-lain lagi.

Emas mewakili ekonomi. 金 (*jīn*) membentuk beberapa perkataan yang berkaitan dengan bidang ekonomi. Contohnya 金融 (*jīnróng*) dan lain-lain lagi.

Dalam budaya Cina, emas melambangkan status dan pangkat, kemewahan, kecantikan, dan reputasi. Oleh kerana emas amat bernilai, ia dilanjutkan kepada

lambang kekayaan dan harta. 穿金戴银 (*chuānjīn dàiyín*) menunjukkan seseorang dihiaskan dengan cantik. 含金钥匙出生 (*hán jīnyàoshi chūshēng*) menunjukkan seseorang dilahirkan dalam keluarga yang kaya. Ucapkan kepada seseorang 踏上黄金路 (*tàshang huángjīnlù*) bermakna semoga mencapai keuntungan. 金龟婿 (*jīnguīxù*) merujuk kepada suami yang kaya dan berpangkat. 钓金龟婿 (*diào jīnguīxù*) pula menjelaskan seseorang berjaya mencari suami yang kaya dan berstatus.

Oleh kerana nilai emas amat tinggi, makna emas dilanjutkan kepada sesuatu yang penting atau berpangkat tinggi. Dalam sesebuah pertandingan, 金牌 (*jīnpái*) iaitu pingat emas adalah ganjaran untuk johan. Tempat pertama dinamakan 金奖 (*jīnjiǎng*). Dalam bidang komersial, seseorang yang memegang 金卡 (*jīnkǎ*), iaitu kad emas melambangkan identiti yang berstatus.

Emas juga melambangkan ketegasan dan kekukuhan. Hal ini demikian kerana emas merupakan logam yang tahan lasak, tahan kakis dan berketumpatan tinggi. 黄金条款 (*huángjīn tiáokuǎn*) menunjukkan undang-undang yang tetap dan tidak boleh diubah. 黄金标准 (*huángjīn biāozhǔn*) pula menunjukkan piawaian yang standard. 金婚 (*jīnhūn*) ialah ulang tahun perkahwinan ke-50 dan 金 (*jīn*) di sini menunjukkan perhubungan yang kukuh.

Menurut Wu (2002), masyarakat Cina mengajar tentang lima elemen yang penting dalam kehidupan iaitu air, api, kayu, logam dan bumi. Jumlah lima elemen ini bersesuaian dengan warna biru, hijau, merah, hitam, putih dan kuning. Orang di negara China percaya bahawa lima elemen ini menghasilkan segala yang wujud di alam ini. Pada lima ribu tahun yang lalu, iaitu pada masa pemerintahan 黄帝 (*huángdì*)

(dikenali sebagai Kaisar Kuning ) rakyat dikatakan menyembah warna kuning. Dalam pada itu, Dinasti Shang, Tang, Zhou dan Qin, China turut menggunakan teori lima elemen untuk memilih warna.

Orang ramai membentuk hubungan antara warna dengan prinsip daripada lima elemen tersebut dengan berpandukan pergerakan alam dari syurga dan Taoisme. Orang memilih pakaian, makanan, pengangkutan dan perumahan mengikut perubahan alam dalam beberapa musim iaitu daripada musim dingin ke musim panas dan musim gugur dan kemudiannya ke musim dingin.

Wu (2002) mengatakan bahawa fungsi warna membolehkan kita menerangkan ciri-ciri perkara (描写事物的特征); logo dinasti (朝代更替的标志); orientasi warna sesuai dengan musim (明时令与方位); kelainan pangkat dalam strata sosial (别等级、贵贱); upacara (明礼乐) dan perbezaan baik dan buruk (辨吉凶).

## **2.9 Kesimpulan**

Adalah penting bagi pengkaji untuk mengetahui sejarah warna dalam budaya Cina serta mengenali perubahan makna yang berlaku terhadap warna. Terdapat kajian yang telah dibuat oleh linguist-linguist dalam dan luar negara mengenai simpulan bahasa atau peribahasa Cina dari pelbagai aspek. Perubahan makna warna merupakan salah satu aspek yang menarik untuk dijadikan topik kajian. Dengan mengenali pengertian kata, kita lebih memahami pembentukan perluasan makna dan makna metafor. Kita bukan sahaja dapat menguasai hubungan warna dengan hidup kita, bahkan juga pelbagai kategori budaya Cina.

Setelah membincangkan pengertian kata dan konsep warna dikaitkan dengan budaya dalam Bab 2, Bab 3 seterusnya akan menjelaskan metodologi yang akan digunakan dalam pengumpulan data dan penganalisan data bagi menjawab soalan-soalan kajian yang dikemukakan dalam Bab 1. Bab 4 pula akan meneliti dapatan kajian dan menganalisis data kajian.

University of Malaya

## **BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN**

### **3.0 Pengenalan**

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian perpustakaan dan kajian teks. Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan kaedah-kaedah kajian yang meliputi aspek-aspek seperti reka bentuk kajian, kaedah pemilihan sampel, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan untuk menganalisis simpulan bahasa yang berunsur warna dengan mengkaji perubahan makna warna dan aspek budaya yang melibatkan simpulan bahasa yang berunsur warna.

Proses pengumpulan data dilakukan setelah instrumen kajian dikenalpasti. Pemilihan sampel dijalankan setelah setiap ungkapan simpulan bahasa diteliti. Pembahagian sampel data dilakukan berdasarkan pemahaman kandungan setiap sampel dan analisis data dibuat berdasarkan interpretasi keseluruhan ungkapan simpulan bahasa.

### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

#### **3.1.1 Kaedah Kualitatif**

Menurut Argyrous (2000), kaedah kualitatif sesuai digunakan di dalam penyelidikan yang melibatkan analisis tentang kelakuan dan pemikiran manusia. Hal ini demikian kerana kualitatif sesuai digunakan untuk memahami definasi-definasi tertentu yang berkaitan dengan manusia atau masyarakat, penjelasan makna terhadap sesuatu perkara atau fenomena.

Kaedah kualitatif akan digunakan untuk menganalisis data yang dikumpul. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan jadual yang direka sendiri untuk menganalisis bilangan simpulan bahasa yang berunsur warna, perubahan makna sesuatu unsur warna dan unsur budaya yang dicerminkan. Bilangan simpulan bahasa yang berunsur warna yang dikumpul dari *成语通检词典* (*Chéngyǔ Tōngjiǎn Cídiǎn*) dan *新华成语词典* (*Xīnhuá Chéngyǔ Cídiǎn*) akan dianalisis dan dicatatkan dalam jadual untuk memastikan jenis simpulan bahasa yang berunsur warna dan bilangan simpulan bahasa yang berunsur warna berdasarkan kategori warna.

Setiap data akan dianalisa untuk mengenalpasti kategori makna bagi sesuatu warna. Pengkaji akan mengkaji lambang setiap warna dan makna setiap perkataan simpulan bahasa berdasarkan kamus dan seterusnya membahagikannya kepada dua kategori analisis. Kamus *古今汉语词典* (*Gùjīn Hànyǔ Cídiǎn*) akan digunakan untuk mengkaji setiap perkataan yang terkandung dalam simpulan bahasa.

Sebagai satu contoh, warna **hijau** wujud sebagai salah satu unsur warna dalam simpulan bahasa Cina. Untuk mengkaji makna sesuatu simpulan bahasa dengan berpandukan warna dari segi makna, ia dilihat dari segi perlambangan yang diwakili oleh warna **hijau** itu. Jika tiada perlambangan, maka warna **hijau** itu membawa maksud warna itu sendiri. Sebaliknya jika perlambangan dikenalpasti, maka warna **hijau** itu telah mengalami perubahan makna.

Perubahan makna seterusnya dilihat sama ada warna **hijau** mengalami **perluasan makna** (引申义 *yǐnshēnyì*) atau **makna metafor** (比喻义 *bǐyùyì*). Dua kategori analisis diklasifikasi, iaitu : -

- i) Perkataan **hijau** yang menunjukkan makna warna hijau
- ii) Perkataan **hijau** yang tidak menunjukkan makna warna hijau

Makna perkataan **hijau** sama ada menunjukkan makna warna asal atau tidak menunjukkan makna warna asal dianalisis melalui pembacaan dan penafsiran yang terperinci bagi setiap contoh yang dikumpul.

- i) Perkataan **hijau** yang menunjukkan makna warna hijau

Jadual 3.1 : Simpulan Bahasa yang Mengandungi Unsur Warna Hijau, 青 (qīng)

No.	Simpulan Bahasa Cina	Makna
1.	碧水青山(bìshuǐ qīngshān) 碧: hijau 水: air <b>青: warna hijau</b> 山: gunung	Menggambarkan keindahan gunung dan laut.
2.	青梅竹马(qīngméi zhúmǎ) <b>青: warna hijau</b> 梅: plum 竹: buluh 马: kuda	Kanak-kanak yang bermain bersama-sama. Teman pada zaman kanak-kanak.

Simpulan bahasa berunsur **hijau** yang menunjukkan makna **hijau** dikategorikan. Makna setiap perkataan simpulan bahasa diterangkan secara literal. Makna keseluruhan juga dijelaskan. Seterusnya, jenis perubahan makna warna **hijau** dikenalpasti.

ii) Perkataan **hijau** yang tidak menunjukkan makna warna hijau

Jadual 3.2 : Lambang dan Makna Simpulan Bahasa yang Berunsur Hijau, 青 (*qīng*) dan Jenis Peubahan Makna

No	Lambang Perkataan Hijau	No	Simpulan Bahasa	Makna Simpulan Bahasa	Jenis Perubahan
1.	Membentuk nama khas dengan kata-kata lain 与其它词构成专有名词	1.	名垂青史 ( <i>míngchuí qīngshǐ</i> ) 名: nama 垂: diturunkan 青史: <b>catatan sejarah</b>	Nama direkod dalam sejarah, kenamaan atau perkara diwarisi dalam sejarah.	Metafor
		2.	青史传名( <i>qīngshǐ chuánmíng</i> ) 青史: <b>catatan sejarah</b> 传: diturunkan 名: nama	Meninggalkan reputasi yang baik dalam sejarah.	Metafor
		3.	妙手丹青 ( <i>miàoshǒu dānqīng</i> ) 妙手: mahir 丹青: <b>bahan lukisan</b>	Mempunyai kemahiran melukis yang tinggi.	Metafor
		4.	平步青云( <i>píngbù qīngyún</i> ) 平: rata 步: langkah 青云: <b>langit</b>	Kenaikan pangkat yang tinggi dan cepat.	Metafor
2.	Muda 表示年轻	5.	青黄不接 ( <i>qīnghuáng bù jiē</i> ) 青: <b>bijirin yang belum matang</b> 黄: bijirin yang matang 不: tidak 接: sambung	Yang mentah tidak dapat sambung yang matang / kekurangan tenaga manusia, bahan serta sumber kewangan.	Metafor

Perkataan **hijau** yang tidak menunjukkan makna warna hijau dikategorikan dengan berdasarkan lambang yang diwakili oleh **hijau**. Seterusnya, makna setiap



perkataan simpulan bahasa itu diterangkan secara literal. Makna keseluruhan juga dijelaskan. Kemudian, jenis perubahan makna *hijau* dikenalpasti. Setelah siap mengkategorikan semua simpulan bahasa yang berunsur hijau, jadual-jadual berkenaan akan diletakkan di bahagian lampiran. Analisis data terhadap warna akan dimulakan dengan warna yang berkekerapan paling tinggi. Analisis ini ditinjau menerusi dua kategori makna yang dibincangkan tadi, iaitu perkataan warna yang menunjukkan makna warna asal dan perkataan warna yang tidak menunjukkan makna warna itu.

Perubahan makna bagi sesuatu warna dianalisis berdasarkan pengertian kata (词义 *cíyì*) yang merangkumi perluasan makna (引申义 *yǐnshēnyì*) dan makna metafor (比喻义 *bǐyùyì*). Jenis perubahan makna bagi setiap unsur warna ditentukan selepas mengkaji makna warna dan juga makna keseluruhan simpulan bahasa dengan merujuk kepada kamus-kamus yang terpilih sebagai instrumen kajian.

Kajian ini dilanjutkan dengan analisis tentang bagaimana simpulan bahasa yang berunsur warna mencerminkan budaya masyarakat Cina.

Lima warna yang berkekerapan tinggi wujud dalam simpulan bahasa masing-masing akan dikaji melalui pembacaan dan penafsiran yang terperinci. Seterusnya, kajian dilanjutkan dengan pengkategorian simpulan bahasa yang berunsur warna ke dalam beberapa kategori budaya Cina seperti :-

- (1) Mencerminkan budaya sejarah masyarakat Cina  
(反映中华民族的历史文化)
- (2) Mencerminkan kebijaksanaan dan pengalaman masyarakat Cina zaman kuno (反映古代中华民族的智慧和经验)
- (3) Mencerminkan budaya mental masyarakat Cina zaman kuno  
(反映古代中华民族的心理文化)

- (4) Mencerminkan budaya agama (反映佛教文化)
- (5) Mencerminkan budaya yang terselit di antara nama tempat dengan budaya negara China (反映地名与中国文化)
- (6) Mencerminkan upacara adat istiadat budaya Cina (反映中华文化的礼仪习俗)

Jadual 3.3 menunjukkan simpulan bahasa yang berunsur warna tergolong dalam pelbagai kategori budaya dan bilangannya.

Jadual 3.3 : Simpulan Bahasa dalam Kategori Budaya

No.	Unsur Budaya	Kategori	Contoh
1.	Mencerminkan budaya sejarah masyarakat Cina (反映中华民族的历史文化)	Sejarah Tokoh	压倒元白 (yādǎo yuánbái)
2.	Mencerminkan kebijaksanaan dan pengalaman masyarakat Cina zaman kuno (反映古代中华民族的智慧和经验)	Pengalaman dalam Status/Pangkat Masyarakat	白衣秀士 (báiyī xiùshì) 白屋寒门 (báiwū hánmén) 金枝玉叶 (jīnzhī yùyè) 金玉满堂 (jīnyù mǎntáng) 金声玉振 (jīnshēng yùzhèn) 玉振金声 (yùzhèn jīnshēng) 拖紫垂青 (tuōzǐ chuíqīng)
		Pencapaian dalam Bidang Kesenian	阳春白雪 (yángchūn báixuě) 金鸡独立 (jīnjī dúlì) 黄钟大吕 (huángzhōng dàlǚ)
		Kebijaksanaan dan Kejayaan	青云直上 (qīngyún zhishàng) 青史传名 (qīngshǐ chuánmíng) 青史留名 (qīngshǐ liúmíng)

			<p>青史流芳 (<i>qīngshǐ liúfāng</i>) 青霄直上 (<i>qīngxiāo zhíshàng</i>) 平地青云 (<i>píngdì qīngyún</i>) 平步青云 (<i>píngbù qīngyún</i>) 名垂青史 (<i>míngchuí qīngshǐ</i>) 直上青云 (<i>zhíshàng qīngyún</i>) 永垂青史 (<i>yǒngchuí qīngshǐ</i>) 名标青史 (<i>míngbiāo qīngshǐ</i>) 青出于蓝 (<i>qīng chūyú lán</i>) 螳螂黄雀 (<i>tángháng huánghuāng què</i>)</p>
3.	Mencerminkan budaya mental masyarakat Cina zaman kuno (反映古代中华民族的心理文化)	<p>Konsep Etika dan Moral</p> <p>(a) Pembentukan Sahsiah</p> <p>(b) Hubungan Kekeluargaan (Teras Pemikiran Konfusianisme )</p> <p>(c) Sistem hubungan Persahabatan</p>	<p>襟怀坦白 (<i>jīnhuái tǎnbái</i>) 胸怀坦白 (<i>xiōnghuái tǎnbái</i>) 拾金不昧 (<i>shíjīn bùmèi</i>) 千金一诺 (<i>qiānjīn yī nuò</i>) 一诺千金 (<i>yī nuò qiānjīn</i>) 黄花晚节 (<i>huánghuā wǎnjié</i>) 晚节黄花 (<i>wǎnjié huánghuā</i>)</p> <p>白头到老 (<i>báitóu dào lǎo</i>) 白头偕老 (<i>báitóu xiélǎo</i>) 白首偕老 (<i>báishǒu xiélǎo</i>)</p> <p>管鲍分金 (<i>guǎnbào fēn jīn</i>)</p>

			金兰之契 (jīnlán zhī qì) 金兰之谊 (jīnlán zhī yì)
		Ketekunan dan Kegigihan	白手成家 (báishǒu chéngjiā) 白手起家 (báishǒu qǐjiā)
4.	Mencerminkan budaya agama (反映佛教文化)	Agama	看破红尘 (kànpò hóngchén)
5.	Mencerminkan budaya yang terselit di antara nama tempat dengan budaya Negara Cina (反映地名与中国文化)	Nama tempat	白山黑水 (báishān hēishuǐ) 金马碧鸡 (jīnmǎ bìjī) 碧鸡金马 (bìjī jīnmǎ)
6.	Mencerminkan upacara adat istiadat budaya Cina (反映中华文化的礼仪习俗)	Upacara	红白喜事 (hóngbái xǐshì) 素车白马 (sùchē báimǎ) 黄道吉日 (huángdào jíri)
<b>JUMLAH</b>			<b>46</b>

Berkenaan dengan unsur budaya yang terkandung dalam simpulan bahasa Cina, pengkaji akan menganalisis unsur budaya yang terselit dalam setiap simpulan bahasa yang tersenarai itu dengan merujuk kepada bahan-bahan bacaan dalam bidang ini.

### 3.2 Konsep dan Kerangka Teori

Pengertian kata dibahagikan kepada tiga kategori iaitu *makna asal* (本义 *běnyì*), *perluasan makna* (引申义 *yǐnshēnyì*) dan *makna metafor* (比喻义 *bǐyùyì*).

Perubahan makna berlaku apabila sesuatu perkataan diperluas makna, disempitkan makna, menonjolkan maksud perumpamaan selain daripada makna asal atau makna asasnya. Kajian ini fokus kepada perluasan makna (引申义 *yǐnshēnyì*) dan makna metafor (比喻义 *bǐyùyì*) kerana analisis didapati makna warna mengalami perubahan-peubahan ini.

Sebagai contoh, 白 (*bái*) diperluas makna daripada warna putih kepada jelas atau terang. Apabila menyebut tentang frasa “cahaya matahari” iaitu “日光 *rìguāng*”, orang ramai terasa kecerahan dan warnanya. Dari sini, cahaya matahari yang cerah dan putih itu diperluas makna (被引申) kepada terang atau jelas. Contohnya 一清二白 (*yìqīng èrbái*). Putih pula menonjolkan makna metafor (比喻义 *bǐyùyì*) dalam simpulan bahasa 黑白分明 (*hēibái fēnmíng*) dengan mengatakan putih menunjukkan sesuatu yang betul (positif) manakala hitam menunjukkan sesuatu yang salah (negatif). Putih ialah warna cahaya putih. Dengan ini, putih melambangkan siang hari. Ia juga melambangkan sesuatu keadilan atau aspek yang betul.

### 3.3 Pemilihan Sampel

Dalam kajian ini, simpulan bahasa yang mengandungi unsur warna ialah sampel-sampel kajian. Memandangkan kamus-kamus simpulan bahasa Cina agak banyak di pasaran, pengkaji hanya memilih dua kamus sahaja. Kedua-dua kamus yang terpilih ini merupakan terbitan China dengan berjudul 成语通检词典 (*Chéngyǔ Tōngjiǎn Cídiǎn*) dan 新华成语词典 (*Xīnhuá Chéngyǔ Cídiǎn*). Kamus-kamus ini masing-masing mengandungi sebanyak 8000 dan 9592 simpulan bahasa.

Penulis kamus simpulan bahasa *成语通检词典* (*Chéngyǔ Tōngjiǎn Cídiǎn*) ialah 刘占锋 (*Liú Zhàn Fēng*). 刘占锋 (*Liú Zhàn Fēng*) pernah diupah sebagai editor kanan surat khabar 《人民日报》 (*Rénmín Rìbào*) dan dilantik sebagai penyelidik khas di universiti 河南大学 (*Hé Nán Dàxué*). Selain itu, beliau merupakan editor bagi kamus perkataan asas set pertama terbesar di China selama 16 tahun. Antara kamus-kamus yang disusun oleh beliau itu termasuk 《中国成语通检》 (*Zhōngguó Chéngyǔ Tōngjiǎn*), 《中国名言通检》 (*Zhōngguó Míngyán Tōngjiǎn*), 《中国名诗句通检》 (*Zhōngguó Míngshījù Tōngjiǎn*) dan 《中国辞赋词曲名句通检》 (*Zhōngguó Cífù Cíqǔ Míngjù Tōngjiǎn*). Semua kamus ini pernah mendapat anugerah pencapaian pada tahun 2002. Dengan ini, pengkaji memilih kamus 刘占锋 (*Liú Zhàn Fēng*) sebagai sampel kajian.

Selain itu, *成语通检词典* (*Chéngyǔ Tōngjiǎn Cídiǎn*) diterbitkan oleh 中华书局 (*Zhōnghuá Shūjú*) di Beijing. 中华书局 (*Zhōnghuá Shūjú*) ditubuhkan pada tahun 1912, mempunyai sejarah yang lama dan amat berprestij dalam bidang akademik. Sejak dahulu, penerbit ini bukan sahaja menggalakkan pendidikan China ke arah pemodenan, malahan mewarisi dan menyebarkan budaya Cina ke seluruh negara. Penerbit ini amat berwibawa. Justeru, ramai pengkaji memilih penerbit ini sebagai rujukan akademik.

*新华成语词典* (*Xīnhuá Chéngyǔ Cídiǎn*) adalah kamus yang disyorkan sebagai rujukan oleh pensyarah-pensyarah universiti tempatan yang amat aktif dalam bidang penyelidikan akademik. Dapatan ini diperolehi selepas pengkaji menjalankan sesi temu bual dengan mereka. 商务印书馆 (*Shāngwù Yìnshūguǎn*) ialah penerbitnya yang popular di negara China dan amat sesuai dipilih sebagai sampel kajian.


*成语通检词典 (Chéngyǔ Tōngjiǎn Cídiǎn)* dan *新华成语词典 (Xīnhuá Chéngyǔ Cídiǎn)* masing-masing diterbitkan pada tahun 2013 dan 2011. Ini menunjukkan bahawa simpulan bahasa Cina yang terkandung itu adalah terkini.

*成语通检词典 (Chéngyǔ Tōngjiǎn Cídiǎn)* diterbitkan oleh *中华书局 (Zhōnghuá Shūjú)* di Beijing pada tahun 2013. Kamus ini merekod sebanyak 9295 simpulan bahasa dan merangkumi aspek-aspek seperti *汉语拼音 (hànyǔ pīnyīn)*, makna perkataan, penerangan latar belakang, pembentukan ayat dan sebagainya. Manakala *新华成语词典 (Xīnhuá Chéngyǔ Cídiǎn)* diterbitkan oleh *商务印书馆 (Shāngwù Yìnshūguǎn)* di Beijing pada tahun 2011. Kamus ini telah merekod sebanyak 8000 simpulan bahasa dan merangkumi aspek-aspek seperti *汉语拼音 (hànyǔ pīnyīn)*, makna perkataan, penerangan latar belakang, pembentukan ayat dan sebagainya.

Semasa menerangkan maksud bagi setiap perkataan yang terkandung dalam simpulan bahasa, pengkaji menggunakan *古今汉语词典 (Gùjīn Hànyǔ Cídiǎn)* terbitan *商务印书馆 (Shāngwù Yìnshūguǎn)* di Beijing pada tahun 2004. *Shāngwù Yìnshūguǎn* merupakan penerbit yang popular di negara China terutamanya dalam bidang akademik. Ramai pembaca atau pengkaji menggunakan kamus ini sebagai bahan rujukan akademik.

### 3.4 Prosedur Kajian

Prosedur kajian adalah amat penting dalam sesuatu kajian. Prosedur harus dikenal pasti sebelum kajian dimulakan supaya kajian ini dapat dijalankan dengan sistematik. Prosedur kajian pengkaji adalah seperti berikut :





### 3.5 Pengumpulan Data

Data dikumpul untuk melihat kekerapan unsur warna yang paling tinggi melalui jadual. Contoh simpulan bahasa 青出于蓝 (*qīng chūyú lán*). 青: hijau; 出于: datang dari; 蓝: biru. Simpulan bahasa ini mengandungi unsur warna, maka ia dipilih sebagai salah satu sampel untuk dianalisis. Seterusnya, apabila pengkaji mendapati ada simpulan bahasa lain yang mengandungi unsur warna yang sama (dalam contoh ini hijau atau biru), ia akan disenaraikan sebagai senarai data untuk dijadikan data kajian dan seterusnya menghasilkan jadual kekerapan berdasarkan semua data yang dikumpul. Langkah yang sama akan diulang bagi semua simpulan bahasa yang mempunyai unsur warna yang diperolehi daripada kamus yang telah dipilih. Jika terdapat dua unsur warna dalam satu simpulan bahasa, kedua-dua unsur warna tersebut akan diambil kira dan dianalisis berdasarkan kategori warna.

Misalnya simpulan bahasa 红白喜事 (*hóngbái xǐshì*), perkataan “红” (merah) akan diambil kira dalam data untuk menganalisis kekerapan penggunaan warna merah dan perkataan “白” (putih) akan diambil kira dalam penganalisan kekerapan penggunaan warna putih.

Jadual kekerapan diisi dengan lengkap selepas mengumpul data daripada kamus. Setiap unsur warna dimasukkan ke dalam satu set data. Warna yang sama dikategori ke dalam senarai set yang sama. Setiap simpulan bahasa yang mempunyai unsur warna yang sama akan dimasukkan ke dalam senarai tersebut. Contohnya jika terdapat sepuluh simpulan bahasa yang berlainan yang mengandungi unsur warna seperti hijau, ia akan dimasukkan ke dalam data dengan tanda “1” yang diberi tajuk “Hijau” dan pada masa yang sama, simpulan bahasa tersebut akan ditaipkan ke dalam senarai set di bawah tajuk

“Hijau” juga. Proses yang sama akan diulang untuk simpulan bahasa lain yang mengandung unsur warna yang lain seperti hitam, biru, kuning, putih, merah dan lain-lain lagi. Apabila terdapat jenis warna yang baru dalam proses penapisan, ia akan ditambah ke dalam jadual jenis warna. Contoh catatan jadual kekerapan adalah seperti berikut : -

Jadual 3.4 : Contoh Jadual Kekerapan

No.	Jenis warna	Bilangan simpulan bahasa	Jumlah
1.	Hijau	1,1,1,1,1,1,1,1,1,1,1,1	13
2.	Hitam	1,1,1,1,1,1	7
3.	Biru	1,1,1,1,1	5
4.	Kuning	1,1,1	3

Jadual 3.5 : Contoh Senarai Kategori Warna

No.	Jenis warna	Simpulan bahasa
1.	青( <i>qīng</i> ) : Hijau	万古长青( <i>wàngǔ chángqīng</i> ) 平地青云( <i>píngdì qīngyún</i> ) 平步青云( <i>píngbù qīngyún</i> ) 名垂青史( <i>míngchuí qīngshǐ</i> ) 妙手丹青( <i>miàoshǒu dānqīng</i> )
2.	黑( <i>hēi</i> ) : Hitam	
3.	蓝( <i>lán</i> ) : Biru	
4.	黄( <i>huáng</i> ) : Kuning	

Jadual kekerapan tersebut akan disusun mengikut kekerapan yang paling tinggi hingga ke kekerapan yang paling rendah. Ini bertujuan untuk mengenalpasti lima jenis unsur warna yang paling tinggi kekerapannya.

Apabila kesemua simpulan bahasa dalam kedua-dua kamus ini telah habis dipilih atau “ditapis”, maka lengkaplah jadual kekerapan untuk simpulan bahasa Cina yang mengandungi unsur-unsur warna. Isi jadual ini akan dianalisis dari segi kekerapan jenis unsur warna dan unsur warna yang mempunyai kekerapan yang paling tinggi akan

ditentukan. Daripada jadual ini, jenis warna yang paling kerap digunakan dalam simpulan bahasa Cina dapat diperhatikan. Peratusan bagi setiap kategori warna akan dihitung.

### 3.6 Kaedah Pengkategorian Data

Daripada jadual kekerapan yang diperoleh, hanya lima jenis warna sahaja yang mempunyai kekerapan paling tinggi dipilih untuk kajian lanjut walaupun jadual himpunan simpulan bahasa Cina menunjukkan sejumlah 13 jenis unsur warna pada keseluruhannya. Langkah ini dilakukan supaya dapat membantu dalam perincian yang lebih teliti dan kajian ini akan menjadi lebih fokus dan spesifik.

Setelah mengenalpasti lima jenis warna yang berkekerapan tinggi, susunan simpulan bahasa diatur berdasarkan kehadiran unsur warna pada kedudukan perkataan. Unsur warna yang wujud pada kedudukan pertama disenaraikan terlebih dahulu, diikuti oleh kedudukan kedua, ketiga dan seterusnya keempat. Berikut ialah contoh yang ditunjukkan melalui Jadual 3.6 :

Jadual 3.6 : Posisi Unsur Warna dalam Simpulan Bahasa

Unsur Warna	Susunan Kedudukan Pertama
白 ( <i>bái</i> )	白云苍狗 ( <i>báiyún cāngǒu</i> ) 白日见鬼 ( <i>báirì jiànguǐ</i> ) 白日升天 ( <i>báirì shēngtiān</i> ) 白日做梦 ( <i>báirì zuòméng</i> )
	<b>Susunan Kedudukan Kedua</b> 月白风清 ( <i>yuèbái fēngqīng</i> ) 不白之冤 ( <i>bùbái zhī yuān</i> ) 齿白唇红 ( <i>chǐbái chúnghóng</i> ) 黑白分明 ( <i>hēibái fēnmíng</i> )
	<b>Susunan Kedudukan Ketiga</b> 青天白日 ( <i>qīngtiān báirì</i> ) 死乞白赖 ( <i>sǐqǐ báilài</i> )

	阳春白雪 ( <i>yángchūn báixuě</i> ) 黄茅白苇 ( <i>huángmáo báiwěi</i> )
	<b>Susunan Kedudukan Keempat</b>
	颠倒黑白 ( <i>diāndǎo hēibái</i> ) 半文不白 ( <i>bànwén bùbái</i> ) 压倒元白 ( <i>yādǎo yuánbái</i> ) 沉冤莫白 ( <i>chényuān mòbái</i> )

Susunan ini dilakukan supaya hasil pengumpulan data kelihatan lebih sistematik. Langkah menyusun urutan simpulan bahasa diteruskan oleh warna lain. Seterusnya, ciri-ciri bagi warna yang berkekerapan tinggi dalam simpulan bahasa Cina akan diteliti dengan mengambil kira kekerapan kehadiran unsur warna pada posisi unsur warna dalam simpulan bahasa.

### 3.7 Kesimpulan

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif di mana data kajian yang diinterpretasikan dapat meninjau perubahan makna yang dilalui oleh simpulan bahasa yang berunsur warna dan kemudian melihat konotasi budaya yang ada dalam setiap simpulan bahasa itu. Walaupun kajian ini melibatkan kamus simpulan bahasa, namun dengan menggunakan kaedah ini dan pengumpulan data yang sistematik, dapatan kajian dapat diterangkan dengan lebih jelas dalam bab seterusnya.

## BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

### 4.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan mengenalpasti kekerapan unsur warna simpulan bahasa Cina terlebih dahulu. Kemudian, pengkaji akan menghuraikan unsur-unsur warna simpulan bahasa yang dilihat dari segi makna dan lambang serta perubahan makna yang dialami oleh sesuatu warna. Seterusnya, pengkaji akan meninjau bagaimana kewujudan sesuatu warna itu mencerminkan budaya masyarakat Cina dan apakah unsur budaya yang terkandung dalam simpulan bahasa yang berunsur warna. Dapatan kajian akan dibincangkan setelah semua data diperoleh mengikut kaedah yang dibincangkan dalam Bab 3. Untuk memudahkan pengkaji dan pembaca, analisis data dan dapatan kajian akan dilakukan mengikut urutan persoalan kajian yang telah dikemukakan dalam Bab 1.

### 4.1 Analisis frekuensi penggunaan unsur warna dalam simpulan bahasa Cina

#### 4.1.1 Kekerapan warna yang muncul dalam simpulan bahasa Cina

Didapati simpulan bahasa Cina mempunyai 13 jenis unsur warna yang diperoleh daripada 324 simpulan bahasa berunsur warna. Jadual di bawah menunjukkan kekerapan dan peratusan unsur warna yang muncul dalam simpulan bahasa Cina.

Jadual 4.1 : Peratusan Kekerapan Unsur Warna Simpulan Bahasa Cina

No.	Warna	Kekerapan	%
1	白 ( <i>bái</i> ) : Putih	71	21.91
2	金 ( <i>jīn</i> ) : Emas	70	21.6
3	黄 ( <i>huáng</i> ) : Kuning	36	11.11
4	青 ( <i>qīng</i> ) : Hijau	35	10.8
5	红 ( <i>hóng</i> ) : Merah	29	8.95
6	黑 ( <i>hēi</i> ) : Hitam	17	5.25

7	绿 (lǜ) : Hijau muda	17	5.25
8	赤 (chì) : Merah tua	17	5.25
9	灰 (huī) : Kelabu	14	4.32
10	紫 (zǐ) : Ungu	7	2.15
11	朱 (zhū) : Merah terang	5	1.54
12	蓝 (lán) : Biru	4	1.24
13	褐 (hè) : Perang	2	0.63
	<b>Jumlah</b>	<b>324</b>	<b>100</b>

Berdasarkan jadual 4.1 di atas, didapati simpulan bahasa Cina yang berunsur warna putih mempunyai kekerapan yang paling tinggi iaitu 21.91%, diikuti oleh warna emas (21.6%), kuning (11.11%), hijau (10.8%) dan merah (8.95%). Walaupun terdapat 13 unsur warna dalam data, kajian ini hanya fokus kepada lima jenis warna yang berkekerapan tinggi sahaja iaitu putih, emas, kuning, hijau dan merah sahaja dan lapan warna yang lain iaitu hitam, hijau muda, scarlet, kelabu, ungu, biru, merah terang dan perang tidak akan dibincangkan. Hal ini demikian kerana pengkaji perlu mengikut skop kajian yang ditentukan dari awal kajian ini.

Senarai simpulan bahasa yang berunsur warna putih (*bái*), emas (*jīn*), kuning (*huáng*), hijau (*qīng*) dan merah (*hóng*) disusun berdasarkan posisi unsur warna dalam simpulan bahasa, iaitu daripada kedudukan pertama, kedua, ketiga dan seterusnya keempat. (Sila rujuk Lampiran 1).

Selain itu, simpulan bahasa yang berunsur lebih daripada satu warna (antara putih, emas, kuning, hijau dan merah) telah disenaraikan secara rawak. (Sila rujuk Lampiran 2). Data-data ini akan ditinjau maknanya berdasarkan kategori warna masing-masing dalam soalan kajian 2.

Berdasarkan senarai dalam Lampiran 1 dan Lampiran 2, boleh disimpulkan bahawa terdapat sejumlah 241 simpulan bahasa Cina yang mengandungi unsur warna

putih, emas, kuning, hijau dan merah manakala terdapat sebanyak 48 simpulan bahasa yang mengandungi lebih daripada satu jenis warna. Antara 241 simpulan bahasa tersebut, terdapat data yang sama wujud pada dua atau tiga kategori warna yang berlainan. Perhitungan diambil kira setiap kali data itu wujud. Kajian seterusnya akan ditinjau berdasarkan 241 simpulan bahasa Cina tersebut dalam soalan kajian 2.

#### 4.1.2 Kedudukan unsur warna dalam simpulan bahasa Cina

Berikut adalah jadual yang menunjukkan kedudukan warna putih, emas, kuning, hijau dan merah dalam simpulan bahasa.

Jadual 4.2 : Posisi Unsur Warna dalam Simpulan Bahasa

Unsur Warna	Kewujudan perkataan warna pada kedudukan pertama	Kewujudan perkataan warna pada kedudukan kedua	Kewujudan perkataan warna pada kedudukan ketiga	Kewujudan perkataan warna pada kedudukan keempat
<b>Putih 白 (bái)</b>	白云苍狗 (báiyún cāngǒu)  白日见鬼 (báirì jiànguǐ)  白日升天 (báirì shēngtiān)  白日做梦 (báirì zuòméng)  白手成家 (báishǒu chéngjiā)  白手起家 (báishǒu qǐjiā)	齿白唇红 (chǐbái chúnóng)  不白之冤 (bùbáizhīyuān)  月白风清 (yuèbái fēngqīng)  平白无故 (píngbái wúgù)  苍白无力 (cāngbái wúli)  黑白分明 (hēibái fēnmíng)	死乞白赖 (sǐqǐ báilài)  阳春白雪 (yángchūn báixuě)  青天白日 (qīngtiān báirì)  黄茅白苇 (huángmáo báiwěi)  黄童白叟 (huángtóng báisǒu)  黑天白日 (hēitiān báirì)	财不露白 (cái bù lòubái)  明明白白 (míngmíng báibái)  胸怀坦白 (xiōnghuái tǎnbái)  清浑皂白 (qīnghún zàobái)  雌黄黑白 (cíhuáng hēibái)  朱朱白白 (zhūzhū báibái)

白龙鱼服 (báilóng yúfú)	黑白混淆 (hēibái hùnxíáo)	冯唐白首 (féngtáng báishǒu)	一穷二白 (yīqióng èrbái)
白头如新 (báitóu rú xīn)	红白喜事 (hóngbái xǐshì)	素车白马 (sùchē báimǎ)	一清二白 (yīqīng èrbái)
白头到老 (báitóu dào lǎo)			不分皂白 (bùfēn zàobái)
白头偕老 (báitóu xiélǎo)			不明不白 (bùmíng bùbái)
白发苍苍 (báifà cāngcāng)			不清不白 (bùqīng bùbái)
白发苍颜 (báifà cāngyán)			风清月白 (fēngqīng yuèbái)
白衣苍狗 (báiyī cānggǒu)			真相大白 (zhēnxiàng dàbái)
白衣秀士 (báiyī xiùshì)			襟怀坦白 (jīnhuái tǎnbái)
白驹过隙 (báijū guòxi)			半文不白 (bànwén bùbái)
白虹贯日 (báihóng guànrì)			压倒元白 (yādǎo yuánbái)
白面书生 (báimiàn shūshēng)			沉冤莫白 (chényuān mòbái)
白首穷经 (báishǒu qióngjīng)			颠倒黑白 (diāndǎo hēibái)
白首空归 (báishǒu kōngguī)			青红皂白 (qīnghóng zàobái)
白首偕老 (báishǒu xiélǎo)			唇红齿白 (chúnhóng chǐbái)



	<p>白屋寒门 (báiwū hánmén)</p> <p>白浪滔天 (báilàng tāotiān)</p> <p>白璧无瑕 (báibì wúxiá)</p> <p>白璧微瑕 (báibì wēixiá)</p> <p>白山黑水 (báishān hēishuǐ)</p> <p>白发红颜 (báifà hóngyán)</p> <p>白纸黑字 (báizhǐ hēizi)</p> <p>白说绿道 (báishuō lǜdào)</p> <p>白眉赤眼 (báiméi chìyǎn)</p> <p>白眉赤脸 (báiméi chìliǎn)</p> <p>白草黄云 (báicǎo huángyún)</p> <p>白白朱朱 (báibái zhūzhū)</p> <p>白璧青蝇 (báibì qīngyíng)</p> <p>白雪皑皑</p>			<p>混淆黑白 (hùnxiao hēibái)</p>
--	--	--	--	----------------------------------

	(báixuě áiai)			
<b>Emas 金 (jīn)</b>	金口玉牙 (jīnkǒu yùyá)	千金一笑 (qiānjīn yī xiào)	火眼金睛 (huǒyǎn jīnjīng)	一字千金 (yī zì qiānjīn)
	金口玉言 (jīnkǒu yùyán)	千金一诺 (qiānjīn yī nuò)	玉振金声 (yùzhèn jīnshēng)	一饭千金 (yī fàn qiānjīn)
	金口玉音 (jīnkǒu yùyīn)	千金一掷 (qiānjīn yī zhì)	纸醉金迷 (zhǐzuì jīnmí)	一刻千金 (yī kè qiānjīn)
	金马碧鸡 (jīnmǎ bìjī)	千金市骨 (qiānjīn shìgǔ)	固若金汤 (gù ruò jīntāng)	一笑千金 (yī xiào qiānjīn)
	金戈铁马 (jīngē tiěmǎ)	千金买骨 (qiānjīn mǎi gǔ)	铁马金戈 (tiěmǎ jīngē)	一诺千金 (yī nuò qiānjīn)
	金玉之言 (jīnyù zhī yán)	千金买邻 (qiānjīn mǎi lín)	琼浆金液 (qióngjiāng jīnyè)	一掷千金 (yī zhì qiānjīn)
	金玉良言 (jīnyù liángyán)	千金买笑 (qiānjīn mǎi xiào)	琼楼金阙 (qiónglóu jīnquè)	寸土寸金 (cùntǔ cùnjīn)
	金石为开 (jīnshí wéi kāi)	拾金不昧 (shíjīn bùmèi)	碧鸡金马 (bìjī jīnmǎ)	寸土尺金 (cùntǔ chǐjīn)
	金石可开 (jīnshí kě kāi)	挥金如土 (huījīn rú tǔ)		众口铄金 (zhòngkǒu shuōjīn)
	金字招牌 (jīnzì zhāopái)	浑金璞玉 (húnjīn púyù)		沙里淘金 (shā lǐ táo jīn)
	金声玉振 (jīnshēng yùzhèn)			披沙拣金 (pīshā jiǎnjīn)
	金针度人 (jīnzhēn dùrén)			点石成金 (diǎnshí chéng jīn)
	金枝玉叶 (jīnzhī yùyè)			璞玉挥金 (púyù huījīn)
	金甌无缺 (jīnōu wúquē)			点铁成金 (diǎntiě chéng jīn)
	金城汤池 (jīnchéng tāngchí)			惜墨如金
	金科玉律			

	<p>(jīnkē yùlù)</p> <p>金科玉条 (jīnkē yùtiáo)</p> <p>金迷纸醉 (jīnmí zhǐzuì)</p> <p>金屋藏娇 (jīnwū cángjiāo)</p> <p>金童玉女 (jīntóng yùnǚ)</p> <p>金碧辉煌 (jīnbì huīhuáng)</p> <p>金榜题名 (jīnbǎng tí míng)</p> <p>金蝉脱壳 (jīnchán tuōqiào)</p> <p>金波玉液 (jīnbō yùyè)</p> <p>金刚怒目 (jīngāng nùmù)</p> <p>金谷酒数 (jīngǔ jiǔshù)</p> <p>金鸡独立 (jīnjī dúlì)</p> <p>金兰之契 (jīnlán zhī qì)</p> <p>金兰之谊 (jīnlán zhī yì)</p> <p>金吾不禁 (jīnwú bùjìn)</p> <p>金相玉质 (jīnxiàng</p>			<p>(xīmò rú jīn)</p> <p>惜墨若金 (xīmò ruò jīn)</p> <p>逸口铄金 (chánkǒu shuòjīn)</p> <p>管鲍分金 (guǎnbào fēn jīn)</p> <p>披沙简金 (pīshā jiǎnjīn)</p>
--	--	--	--	---

	yùzhì) 金马玉堂 (jīnmǎ yùtáng)  金玉满堂 (jīnyù mǎntáng)			
<b>Kuning</b> <b>黄 (huáng)</b>	黄花晚节 (huánghuā wǎnjié)  黄茅白苇 (huángmáo báiwěi)  黄卷青灯 (huángjuàn qīngdēng)  黄钟大吕 (huángzhōng dàlǚ)  黄童白叟 (huángtóng báisǒu)  黄道吉日 (huángdào jìrì)  黄粱一梦 (huángliáng yīmèng)	面黄肌瘦 (miànhuáng jīshòu)  青黄不接 (qīnghuáng bùjiē)  飞黄腾达 (fēihuáng téngdá)  五黄六月 (wǔhuáng liùyuè)  苍黄翻覆 (cānghuáng fānfù)  飞黄腾踏 (fēihuáng téngtà)  青黄不交 (qīnghuáng bù jiāo)  姚黄魏紫 (yáohuáng wèizǐ)  蜚黄腾达 (fēihuáng téngdá)  雌黄黑白 (cíhuáng hēibái)  橙黄橘绿	杳如黄鹤 (yǎo rú huánghè)  明日黄花 (míngrì huánghuā)  命丧黄泉 (mìngsàng huángquán)  碧落黄泉 (bìluò huángquán)  青灯黄卷 (qīngdēng huángjuàn)  一枕黄粱 (yīzhěn huángliáng)  白草黄云 (báicǎo huángyún)  抱恨黄泉 (bào hèn huángquán)  晚节黄花 (wǎnjié huánghuā)  螳螂黄雀 (tán gláng huángquè)	信口雌黄 (xìnkǒu cíhuáng)  魏紫姚黄 (wèizǐyáo huáng)  数黑论黄 (shùhēi lùnhuáng)  妄下雌黄 (wàngxià cíhuáng)  腾达飞黄 (téngdá fēihuáng)  腾踏飞黄 (téngtà fēihuáng)  口中雌黄 (kǒuzhōng cíhuáng)  人老珠黄 (rénlǎo zhūhuáng)

		(chéng huáng jù lǜ)		
<b>Hijau 青(qīng)</b>	青天白日 (qīngtiān báirì)	鼻青脸肿 (bíqīng liǎnzhǒng)	平地青云 (píngdì qīngyún)	炉火纯青 (lúhuǒ chúnqīng)
	青云直上 (qīngyún zhíshàng)	山青水秀 (shānqīng shuǐxiù)	平步青云 (píngbù qīngyún)	妙手丹青 (miào shǒu dānqīng)
	青史传名 (qīngshǐ chuánmíng)	丹青不渝 (dānqīng bù yú)	名垂青史 (míngchuí qīngshǐ)	拖紫垂青 (tuōzǐ chuíqīng)
	青史留名 (qīngshǐ liúmíng)	丹青妙手 (dānqīng miào shǒu)	直上青云 (zhíshàng qīngyún)	万古长青 (wàngǔ chángqīng)
	青梅竹马 (qīngméi zhúmǎ)		碧水青山 (bìshuǐ qīngshān)	
	青山绿水 (qīngshān lǜshuǐ)		碧海青天 (bìhǎi qīngtiān)	
	青出于蓝 (qīng chū yú lán)		黄卷青灯 (huángjuàn qīngdēng)	
	青红皂白 (qīnghóng zàobái)		绿水青山 (lǜshuǐ qīngshān)	
	青灯黄卷 (qīngdēng huángjuàn)		白壁青蝇 (báibì qīngyíng)	
	青黄不接 (qīnghuáng bùjiē)		永垂青史 (yǒngchuí qīngshǐ)	
	青山依旧 (qīngshān yījiù)		名标青史 (míngbiāo qīngshǐ)	
	青云之志 (qīngyún zhīzhì)			

	<p>青面獠牙 (qīngmiàn liáoyá)</p> <p>青黄不交 (qīnghuáng bù jiāo)</p> <p>青史流芳 (qīngshǐ liúfāng)</p> <p>青霄直上 (qīngxiāo zhíshàng)</p>			
<p><b>Merah</b> <b>红 (hóng)</b></p>	<p>红日三竿 (hóngrì sāngān)</p> <p>红杏出墙 (hóngxìng chūqiáng)</p> <p>红袖添香 (hóngxiù tiānxiāng)</p> <p>红颜薄命 (hóngyán bómìng)</p> <p>红男绿女 (hóngnán lǜnǚ)</p> <p>红白喜事 (hóngbái xǐshì)</p> <p>红光满面 (hóngguāng mǎnmiàn)</p> <p>红红火火 (hónghóng huǒhuǒ)</p> <p>红装素裹 (hóngzhuāng sùguǒ)</p>	<p>灯红酒绿 (dēnghóng jiǔlǜ)</p> <p>花红柳绿 (huāhóng liǔlǜ)</p> <p>纷红骇绿 (fēnhóng hàilǜ)</p> <p>青红皂白 (qīnghóng zàobái)</p> <p>大红大紫 (dàhóng dàzǐ)</p> <p>披红挂彩 (pīhóng guàicǎi)</p> <p>嫣红姹紫 (yānhóng chàzǐ)</p> <p>面红耳赤 (miànhóng ěrchì)</p> <p>穿红着绿 (chuānhóng zhuólǜ)</p>	<p>白发红颜 (báifà hóngyán)</p> <p>绿肥红瘦 (lǜfēi hóngshòu)</p> <p>看破红尘 (kànpò hóngchén)</p>	<p>万紫千红 (wànzǐ qiānhóng)</p> <p>齿白唇红 (chǐbái chúnghóng)</p> <p>柳绿花红 (liǔlǜ huāhóng)</p> <p>柳绿桃红 (liǔlǜ táohóng)</p> <p>姹紫嫣红 (chàzǐ yānhóng)</p>

		穿紅戴綠 (chuānhóng dàilǜ)		
		桃紅柳綠 (táohóng liǔlǜ)		
		唇紅齒白 (chúnhóng chǐbái)		

Berdasarkan jadual 4.2 di atas, didapati bahawa kebanyakan unsur warna putih dan emas hadir pada kedudukan pertama dan keempat. Bagi warna kuning, kebanyakan muncul pada kedudukan kedua dan ketiga. Bagi warna hijau, kebanyakan muncul pada kedudukan pertama dan ketiga. Bagi warna merah pula, majoriti muncul pada kedudukan pertama dan kedua.

Boleh disimpulkan bahawa, kewujudan perkataan warna pada kedudukan pertama bagi kelima-lima warna itu adalah paling banyak kecuali kuning dan merah. Bagi warna putih, sebanyak 34 daripada sejumlah 71 simpulan bahasa wujud pada kedudukan pertama. Diikuti oleh warna emas di mana sebanyak 33 daripada sejumlah 70 simpulan bahasa wujud pada kedudukan pertama. Bagi warna hijau pula, sebanyak 16 daripada sejumlah 35 simpulan bahasa wujud pada kedudukan pertama.

Kehadiran warna dalam simpulan bahasa menunjukkan bahawa warna adalah kata adjektif. Pertama, kata adjektif telah menyifatkan (修饰) perkataan di belakangnya. Contohnya, cengkerik emas menanggalkan cangkerang iaitu 金蝉脱壳 (*jīnchán tuōqiào*) di mana 金 (*jīn*) menyifatkan 蝉 (*chán*) dengan merujuk kepada cengkerik yang berwarna emas. Emas iaitu 金 berada di hadapan cengkerik. Emas ialah kata adjektif yang menyifatkan (修饰) cengkerik.

Kedua, terdapat kata adjektif yang memberi penjelasan (陈述) terhadap perkataan sebelumnya. Sebagai contoh, bulan putih dan angin halus yaitu 月白风清 (*yuèbái fēngqīng*). Putih di sini memberi penjelasan (陈述) terhadap bulan. Putih yaitu 白 berada di belakang subjek bulan 月, fungsinya ialah memberi penjelasan (陈述) terhadap bulan di hadapannya. Ketiga, unsur warna yang berulang-ulang menunjukkan penekanan terhadap sesuatu. Contohnya bunga berwarna-warni yaitu 白白朱朱 (*báibái zhūzhū*) dan 朱朱白白 (*zhūzhū báibái*).

Sesuatu warna tidak menunjukkan makna warna itu selepas berlakunya penggabungan kata (配词). Sebagai contoh, dalam simpulan bahasa 红颜薄命 (*hóngyán bómìng*), 红 (*hóng*) di sini bukan bermaksud merah. 红 (*hóng*) dikolokasi dengan 颜 (*yán*). Dengan ini, 红颜 (*hóngyán*) dirujuk sebagai perempuan cantik.

Perkataan warna dalam sesetengah simpulan bahasa Cina mengalami perubahan makna selain makna warna itu sendiri. Kajian seterusnya akan ditinjau dari segi perubahan makna warna berdasarkan 241 simpulan bahasa Cina yang berunsur warna putih, emas, kuning, hijau dan merah.

## **4.2 Analisis perubahan makna unsur warna dalam simpulan bahasa Cina**

### **4.2.1 Ciri-ciri makna unsur warna dalam simpulan bahasa Cina**

Analisis akan dibuat terhadap makna unsur warna dalam simpulan bahasa Cina. Sekiranya unsur warna merupakan nama khas seperti nama tempat atau nama orang, ia tidak akan diambil kira sebagai unsur warna yang dimaksudkan dalam kajian ini.



Analisis didapati bahawa, perubahan makna yang dialami oleh warna-warna ialah jenis perluasan makna dan metafor. Kajian diteruskan dengan analisis dua kategori makna warna bagi putih, emas, kuning, hijau dan merah.

#### 4.2.1.1 Ciri- ciri warna putih dalam simpulan bahasa Cina

Daripada dapatan kajian soalan pertama, warna yang mempunyai kekerapan paling tinggi dalam jadual kekerapan ialah warna putih. Data yang dikumpul menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 71 simpulan bahasa yang mengandungi unsur warna putih. Daripada 71 simpulan bahasa itu, dua kategori makna warna putih telah diklasifikasi iaitu :-

- i) Perkataan *putih* yang menunjukkan makna warna putih
- ii) Perkataan *putih* yang tidak menunjukkan makna warna putih

Sebelum menganalisis dua kategori makna di atas, pengkaji telah membuat pengiraan tentang peratusan kekerapan antara kedua-dua kategori makna putih seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut :

Jadual 4.3 : Peratusan Kekerapan Dua Kategori Makna Warna *Putih*

<b>Kategori</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Makna yang menunjukkan warna putih	26	36.62
Makna yang tidak menunjukkan warna putih	45	63.38
<b>Jumlah</b>	<b>71</b>	<b>100</b>

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa dalam simpulan bahasa Cina yang berunsur warna putih, peratusan *perkataan putih yang menunjukkan makna warna putih* ialah sebanyak 36.62% manakala *perkataan putih yang tidak menunjukkan makna warna putih* ialah sebanyak 63.38%. Perkataan putih yang tidak menunjukkan makna warna

putih adalah lebih tinggi berbanding dengan perkataan putih yang menunjukkan makna warna putih.

#### 4.2.1.1.1 Perkataan *putih* yang menunjukkan makna warna putih

Berdasarkan kamus *Chéngyǔ Tōngjiǎn Cídiǎn* (成语通检词典) dan *Xīnhuá Chéngyǔ Cídiǎn* (新华成语词典), didapati bahawa sebanyak 10 simpulan bahasa Cina yang mengandungi unsur *putih* telah menunjukkan makna *putih* ialah warna asal, iaitu tidak mengalami perubahan makna. Antaranya termasuk ombak putih yang besar iaitu 白浪滔天 (*báilàng tāotiān*); gigi putih dan bibir merah iaitu 齿白唇红 (*chǐbái chúnghóng*) dan 唇红齿白 (*chúnghóng chǐbái*); rumput putih awan kuning iaitu 白草黄云 (*báicǎo huángyún*); bunga berwarna-warni iaitu 白白朱朱 (*báibái zhūzhū*) dan 朱朱白白 (*zhūzhū báibái*); suasana keputihan salji iaitu 白雪皑皑 (*báixuě áiái*); rumput kuning dan buluh putih iaitu 黄茅白苇 (*huángmáo báiwěi*); bulan putih dan angin halus iaitu 月白风清 (*yuèbái fēngqīng*) dan 风清月白 (*fēngqīng yuèbái*). (Sila rujuk Lampiran 3)

Kosa kata putih dalam simpulan bahasa tersebut menunjukkan warna yang menyifatkan perkataan di sebelahnya. Contohnya, 齿白 (*chǐbái*) dalam simpulan bahasa 齿白唇红 (*chǐbái chúnghóng*) menunjukkan gigi putih. Putih di sini memberi penjelasan (陈述) terhadap gigi. Begitu juga dalam simpulan bahasa 月白风清 dan 风清月白, putih iaitu 白 berada di belakang subjek bulan 月, fungsinya ialah memberi penjelasan (陈述) terhadap bulan di hadapannya. Manakala dalam simpulan bahasa suasana keputihan salji iaitu 白雪皑皑 (*báixuě áiái*), 白雪 (*báixuě*) ialah salji putih. Putih di sini menyifatkan (修饰) salji. Dalam simpulan bahasa rumput kuning dan buluh putih iaitu 黄茅白苇 (*huángmáo báiwěi*) dan ombak putih yang besar iaitu 白浪滔天 (*báilàng*

*tāotiān*) pula, fungsi putih adalah sama dengan putih di dalam simpulan bahasa suasana keputihan salji, yaitu menyifatkan kata nama di belakangnya. Unsur putih berfungsi sedikit berlainan dalam simpulan bahasa bunga berwarna-warni iaitu 白白朱朱 (*báibái zhūzhū*) dan 朱朱白白 (*zhūzhū báibái*). Di sini, kata putih berulang menjadi 白白. Apabila sesuatu kata berulang, biasanya ia mempunyai makna tersendiri, iaitu menunjukkan penekanan terhadap sesuatu. Dalam kedua-dua simpulan bahasa tersebut, putih diulangi untuk menunjukkan makna sangat putih atau menunjukkan banyak warna apabila bergabung dengan ulangan perkataan merah iaitu 朱. Pada kesimpulannya, walaupun dalam simpulan bahasa yang dianalisis tersebut hanya menunjukkan makna kata atau unsur putih, tetapi putih terletak di tempat berlainan menunjukkan fungsi yang berlainan. Karakter putih yang berulang mengutarakan makna penekanan ( 强调 *qiángdiào*).

白 (*bái*) yang terdapat dalam simpulan bahasa 白头如新 (*báitóu rúxīn*), 白头到老 (*báitóu dàolǎo*), 白头偕老 (*báitóu xiélǎo*), 白发苍颜 (*báifà cāngyán*), 白发苍苍 (*báifà cāngcāng*), 白首穷经 (*báishǒu qióngjīng*), 白首空归 (*báishǒu kōngguī*), 白首偕老 (*báishǒu xiélǎo*), 白发红颜 (*báifà hóngyán*), 黄童白叟 (*huángtóng báisǒu*) dan 冯唐白首 (*féngtáng báishǒu*) merujuk kepada warna putih rambut. Istilah 白头 (*báitóu*), 白首 (*báishǒu*), 白发 (*báifà*) dan 白叟 (*báisǒu*) di sini menunjukkan rambut putih.

Dalam simpulan bahasa 白驹过隙 (*báijū guòxì*), 白 (*bái*) menyifatkan 驹 (*jū*) dan bermaksud kuda putih. 白 (*bái*) di sini bertindak sebagai makna asal iaitu warna putih. 白驹 (*báijū*) dirujuk kepada matahari. 隙 (*xì*) ialah celahan. Maksud 白驹过隙 (*báijū guòxì*) menunjukkan kuda putih berlari melalui celahan yang kecil menggambarkan keadaan di mana waktu berlalu dengan sangat cepat.

白虹贯日 (*báihóng guànrì*) membawa maksud 长虹 (*chánghóng*) yang berwarna putih mengharungi matahari. Orang dahulu menganggap fenomena yang luar biasa akan berlaku akibat daripada perubahan astrologi ini. Sebenarnya ini bukan hong (虹 *hóng*) tetapi merupakan 晕 (*yūn*) iaitu sejenis fenomena optik atmosfera. 白虹 (*báihóng*) merujuk kepada lingkaran cahaya di sekitar bulan dan matahari.

Putih iaitu 白 (*bái*) dalam simpulan bahasa 白云苍狗 (*báiyún cāngǒu*) dan 白衣苍狗 (*báiyī cāngǒu*) masing-masing menggambarkan awan putih dan baju putih. 苍狗 (*cāngǒu*) merujuk kepada anjing yang berwarna kelabu. Secara literal, maksud yang ditonjolkan di sini ialah awan putih dan baju putih tiba-tiba menjadi warna kelabu.

白龙 (*báilóng*) dalam simpulan bahasa 白龙鱼服 (*báilóng yúfú*) mengatakan naga putih. Ia mengatakan naga putih menukarkan baju ikan. Penggabungan frasa 白龙 (*báilóng*) dengan 鱼服 (*yúfú*) menunjukkan seseorang telah bersolek dan menukar pakaian untuk menyembunyikan identiti yang sebenar. 白龙 (*báilóng*) dirujuk sebagai maharaja atau pembesar yang ingin menyembunyikan identiti sebenar.

白纸黑字 (*báizhǐ hēizì*) menjelaskan kertas putih dengan tulisan hitam. Warna putih menyifatkan (修饰) kertas. Tulisan yang berwarna hitam memenuhi kertas berwarna putih. Di sini, 白纸黑字 (*báizhǐ hēizì*) digambarkan sebagai bukti yang kukuh.

#### 4.2.1.1.2 Perkataan *putih* yang tidak menunjukkan makna warna putih

Perkataan *putih* dalam simpulan bahasa yang tidak menunjukkan makna warna putih telah mengalami perubahan makna iaitu *perluasan makna* (引申义 *yǐnshēnyì*) dan *makna metafor* (比喻义 *bǐyùyì*).

Perkataan *putih* dalam simpulan bahasa tidak menunjukkan makna warna putih setelah mengalami perubahan makna. Putih ialah warna dalam cahaya matahari (Fan, 2010). Nenek moyang orang Cina mendapati bahawa warna putih nampak paling terserlah semasa matahari bersinar. Oleh itu, putih juga bermaksud hari siang dalam konteks bahasa Cina. Apabila menyebut tentang frasa “cahaya matahari” iaitu “日光 (*rìguāng*)”, orang ramai dapat merasai kecerahan dan warnanya. Dari sini, cahaya matahari yang cerah dan putih itu diperluaskan makna kepada terang/jelas dan juga warna putih. Daripada makna ini, karakter atau unsur putih digunakan sebagai kata kerja iaitu menerangkan sesuatu dengan jelas; memberitahu dengan jelas dan berterusterang. Cahaya matahari yang cerah itu seterusnya diperluaskan makna lagi kepada suci dan bersih. Sejak awal lagi, putih dikatakan sebagai perlambangan yang suci dan sempurna.

白 (*bái*) dalam simpulan bahasa 一清二白 (*yìqīng èrbái*), 不白之冤 (*bùbái zhī yuān*), 不明不白 (*bùmíng bùbái*), 不清不白 (*bùqīng bùbái*), 真相大白 (*zhēnxiàng dàbái*), 明明白白 (*míngmíng báibái*), 沉冤莫白 (*chényuān mòbái*), 襟怀坦白 (*jīnhuái tǎnbái*), 胸怀坦白 (*xiōnghuái tǎnbái*) membawa makna jelas atau berterusterang.

Putih menyifatkan sesuatu yang sempurna. 白 (*bái*) dalam simpulan bahasa 白璧无瑕 (*báibì wúxiá*) dan 白璧微瑕 (*báibì wēixiá*) mengatakan jed yang berwarna putih.

Dengan perubahan makna metafor, putih menyifatkan jed dirujuk sebagai sesuatu yang sempurna. *白璧无瑕 (báibì wúxiá)* menerangkan orang atau perkara yang sempurna tidak mempunyai kecacatan manakala *白璧微瑕 (báibì wēixiá)* pula mengatakan orang atau perkara yang sempurna masih mempunyai kecacatan atau ketidaksempurnaan.

*白日 (báirì)* dalam simpulan bahasa *白日见鬼 (báirì jiànguǐ)*, *白日升天 (báirì shēngtiān)*, *白日做梦 (báirì zuòmèng)*, *青天白日 (qīngtiān báirì)* dan *黑天白日 (hēitiān báirì)* dirujuk sebagai siang hari.

Dalam kategori perluasan makna, maksud *putih* dalam simpulan bahasa juga diperluas daripada makna asal iaitu warna putih kepada maksud kosong, miskin dan kurang berpengetahuan. Contohnya *一穷二白 (yīqióng èrbái)*, *平白无故 (píngbái wúgù)*, *白手成家 (báishǒu chéngjiā)*, *白手起家 (báishǒu qǐjiā)*, *白眉赤眼 (báiméi chìyǎn)*, *白眉赤脸 (báiméi chìliǎn)*, *白说绿道 (báishuō lǜdào)*, *白衣秀士 (báiyī xiùshì)*, *白屋寒门 (báiwū hánmén)* dan *白面书生 (báimiàn shūshēng)*.

Putih bermaksud kosong di bawah frasa yang berbunyi *空白 (kōngbái)* iaitu kekosongan. *空 (kōng)* ialah *白 (bái)* iaitu kosong menunjukkan putih. *白 (bái)* dalam *白说绿道 (báishuō lǜdào)* dan *平白无故 (píngbái wúgù)* masing-masing menunjukkan kosong di mana seseorang bercakap kosong dan sesuatu berlaku tanpa sebab. *白眉赤眼 (báiméi chìyǎn)* dan *白眉赤脸 (báiméi chìliǎn)* juga menunjukkan sesuatu berlaku tanpa sebab. *白手 (báishǒu)* dalam *白手成家 (báishǒu chéngjiā)* dan *白手起家 (báishǒu qǐjiā)* menggambarkan keadaan di mana seseorang bertangan kosong iaitu tiada apa-apa dalam tangan, tiada wang, tidak berilmu dan tiada syarat yang asas untuk

menubuhkan sesuatu kerjaya. 白 (*bái*) di sini diperluaskan makna daripada warna putih kepada kosong.

白面 (*báimiàn*) dalam 白面书生 (*báimiàn shūshēng*) menggambarkan muka pucat. Dalam frasa 白面 (*báimiàn*), 白 (*bái*) menyifatkan 面 (*miàn*) dan melahirkan maksud muka kelihatan putih iaitu pucat. 书生 (*shūshēng*) dirujuk sebagai ulama. Namun, setelah dijadikan salah satu frasa dalam simpulan bahasa, 白面 (*báimiàn*) telah menunjukkan maksud lain di bawah perluasan makna. Penggabungan 白面 (*báimiàn*) dengan 书生 (*shūshēng*) menggambarkan ulama muda yang kurang berpengalaman. Makna ini juga diperluaskan kepada ulama yang berwajah baik.

白 (*bái*) dalam 白衣秀士 (*báiyī xiùshì*) dan 白屋寒门 (*báiwū hánmén*) diperluaskan makna kepada miskin. 白衣 (*báiyī*) dan 白屋 (*báiwū*) masing-masing dirujuk sebagai rakyat biasa atau pelajar miskin dan rumah orang miskin. 白衣 (*báiyī*) ialah baju putih yang dipakai oleh rakyat biasa. Pada zaman Dinasti Sui, maharaja pada masa itu telah menetapkan peraturan pakaian. Rakyat biasa hanya dibenarkan berpakaian putih. Jadi, baju putih selalu dilihat pada rakyat biasa sahaja. Istilah 白衣 (*báiyī*) telah menunjukkan maksud lain setelah mengalami perubahan makna iaitu bermaksud rakyat biasa yang tiada pencapaian. Selain itu, rumah rakyat juga tidak boleh dicat dengan warna-warni dan harus diperbuat daripada jerami. Rumah ini dikenali sebagai rumah putih iaitu 白屋 (*báiwū*). Pada masa itu, rumah putih ialah rumah yang ditinggal oleh golongan miskin atau pelajar yang belum menjadi pegawai kerajaan.

Bagi 红白喜事 (*hóngbái xǐshì*) dan 素车白马 (*sùchē báimǎ*), 白 (*bái*) dirujuk sebagai hal pengebumian. Dalam budaya cina, putih melambangkan kematian atau

berkabung. Ini berkaitan dengan konsep “lima pihak” (五方 wǔfāng), “lima baris” (五行 wǔxíng) dan “lima warna” (五色 wǔsè) dalam masyarakat Cina purba. Orang dahulu menganggap bahawa “西方属金，具白色” iaitu barat kepunyaan emas dan mengandungi unsur putih. Kata pepatah “秋在西方，万物凋零” (qiū zài xīfāng, wànwù diāolíng) menerangkan musim luruh di bahagian barat, semua makhluk menjadi layu dan reput. Suasana ini melahirkan perasaan sedih kepada orang ramai. Masyarakat dahulu mengenakan hukuman mati kepada banduan pada musim luruh. Putih mewakili musim luruh. Ia dianggap sebagai sesuatu yang malang. Masyarakat Han menggambarkan kematian atau pengorbanan sebagai “一命归西”(yīmìng guīxī), iaitu nyawa dikembalikan ke bahagian barat. Pendek kata, putih merupakan warna pantang dalam amalan budaya bangsa Han. Sejak dahulu, orang ramai berpakaian putih semasa menghadiri upacara pengebumian dan pakaian putih ialah pakaian berkabung. Upacara pengebumian dan keranda dihiasi dengan warna putih. Masyarakat mengatakan 婚丧大事 (hūnsāng dàshì) iaitu perkahwinan dan kematian sebagai 红白喜事 (hóngbái xǐshì), di mana 白事(báishì), merujuk kepada hal-hal pengebumian. 白马 (báimǎ) dalam simpulan bahasa 素车白马 (sùchē báimǎ) pula dirujuk sebagai kenderaan yang digunakan semasa menguruskan upacara pengebumian.

Kommonen (2011) mengatakan bahawa warna putih melambangkan kematian atau malang dalam budaya Cina. Hanya warna ini digunakan dalam upacara pengebumian. Sebagai contoh, orang Cina berbaju putih dan bertopi putih semasa menguruskan hal-hal kematian.

Didapati bahawa kesemua 白 (bái) di dalam kategori ini tidak lagi menunjukkan warna putih selepas berlakunya perubahan makna jenis perluasan makna. **Putih** di sini



telah memaparkan perluasan makna sebelum atau selepas penggabungan kata dengan perkataan di sebelahnya.

Metafor menunjukkan pemindahan nama berdasarkan perhubungan makna. Ia digambarkan sebagai sejenis persamaan antara satu benda dengan benda yang lain. Contohnya, 皂白 (*zàobái*) dan 黑白 (*hēibái*) dalam simpulan bahasa 不分皂白 (*bùfēn zàobái*), 青红皂白 (*qīnghóngzàobái*), 雌黄黑白 (*cíhuáng hēibái*), 黑白分明 (*hēibái fēnmíng*), 黑白混淆 (*hēibái hùnxíáo*), 颠倒黑白 (*diāndǎo hēibái*), 清浑皂白 (*qīnghún zàobái*) dan 混淆黑白 (*hùnxíáo hēibái*) dirujuk sebagai perkara atau hal yang betul dan salah. Putih ialah warna cahaya putih. Dengan ini, putih melambangkan siang hari. Ia juga melambangkan sesuatu keadilan atau aspek yang baik. Warna putih bertentangan dengan warna hitam. Simpulan bahasa berunsur warna putih dan hitam yang disenaraikan menunjukkan aspek yang betul (positif) dan aspek yang salah (negatif).

Dalam simpulan bahasa 白璧青蝇 (*báibì qīngyíng*), 白璧 (*báibì*) menunjukkan jed putih manakala 青蝇 (*qīngyíng*) menunjukkan sejenis lalat. Putih di sini menyifatkan jed dengan menggambarkan sesuatu atau seseorang yang tidak berbuat salah. Dengan perubahan makna metafor, 白璧 (*báibì*) dirujuk sebagai orang yang tidak berdosa. 青蝇 (*qīngyíng*) pula dirujuk sebagai pengumpat. 白璧青蝇 (*báibì qīngyíng*) merujuk kepada orang yang tidak berdosa dianiayai oleh pengumpat. 白璧 (*báibì*) dan 青蝇 (*qīngyíng*) di sini menonjolkan makna metafor.

Putih iaitu 白 (*bái*) dalam simpulan bahasa 苍白无力 (*cāngbái wúlì*) digambarkan sebagai pucat. 白 (*bái*) digabung dengan 苍 (*cāng*) menunjukkan warna

putih dicampur dengan warna kelabu menjadi putih kelabu, iaitu pucat. Dengan ini, 苍  
白无力 (*cāngbái wúlì*) menggambarkan seseorang yang sakit dan lemah berwajah pucat.

白 (*bái*) dalam frasa 白赖 (*báilài*) menunjukkan makna metafor selepas bergabung dengan 赖 (*lài*). Istilah ini dirujuk sebagai perampas. Dalam simpulan bahasa 死乞白赖 (*sǐqǐ báilài*), 白赖 (*báilài*) dirujuk sebagai perampas yang mengganggu orang secara berterusan sehingga mencapai matlamat.

白 (*bái*) dalam 半文不白 (*bànwén bùbái*) bertentangan dengan 文 (*wén*). Karakter 文 (*wén*) menunjukkan buta huruf iaitu 文盲 (*wénmáng*) manakala karakter 白 (*bái*) menunjukkan bahasa vernakular iaitu 白话 (*báihuà*).

白 (*bái*) dalam 财不露白 (*cái bù lòubái*) bukan warna putih malahan ia dipinjam untuk mewakili wang. 财 (*cái*) ialah wang. 露 (*lòu*) ialah mendedah. Maksud keseluruhan 财不露白 (*cái bù lòubái*) mengatakan bahawa ada wang tetapi tidak terdedah kepada orang lain. Putih dilihat sebagai makna metafor terlonjol dalam simpulan bahasa 财不露白 (*cái bù lòubái*).

Kesimpulannya, unsur warna **putih** dalam simpulan bahasa Cina membawa beberapa makna sebelum dan selepas perubahan makna.

Sebelum perubahan makna, **putih** menunjukkan :

(1) **Makna warna, iaitu bertentangan dengan hitam.** Contohnya 白雪皑皑

(*báixuě áiái*), 风清月白 (*fēngqīng yuèbái*), 唇红齿白 (*chúnhóng chǐbái*), 白

朱朱 (*báibái zhūzhū*) dan lain-lain.

Selepas perubahan makna, *putih* menunjukkan :

- (2) **Makna jelas dan terang.** Contohnya 一清二白 (*yīqīng èrbái*), 明明白白 (*míngmíng báibái*), 襟怀坦白 (*jīnhuái tǎnbái*), 真相大白 (*zhēnxiàng dàbái*) dan lain-lain.
- (3) **Makna kesempurnaan.** Contohnya 白璧无瑕 (*báibì wúxiá*) dan 白璧微瑕 (*báibì wēixiá*).
- (4) **Makna kosong/kurang/miskin/tiada kesan.** Contohnya 一穷二白 (*yīqióng èrbái*), 白手起家 (*báishǒu qǐjiā*), 白说绿道 (*báishuō lùdào*), 白衣秀士 (*báiyī xiùshì*), 白屋寒门 (*báiwū hánmén*), 白面书生 (*báimiàn shūshēng*) dan lain-lain.
- (5) **Makna siang hari.** Contohnya 白日见鬼 (*báirì jiànguǐ*), 白日升天 (*báirì shēngtiān*), 白日做梦 (*báirì zuòmèng*), 青天白日 (*qīngtiān báirì*) dan 黑天白日 (*hēitiān báirì*).
- (6) **Hal yang betul.** Contohnya 不分皂白 (*bùfēn zàobái*), 青红皂白 (*qīnghóngzàobái*), 雌黄黑白 (*cíhuáng hēibái*) dan lain-lain.
- (7) **Hal kematian.** Contohnya 红白喜事 (*hóngbái xǐshì*), 素车白马 (*sùchē báimǎ*)
- (8) **Wang.** Contohnya 财不露白 (*cái bù lòubái*)
- (9) **Bahasa vernakular.** Contohnya 半文不白 (*bànwén bùbái*)

Kesimpulannya, unsur putih yang muncul dalam simpulan bahasa Cina di atas, 27 telah menunjukkan makna asal dan 41 mengalami perubahan makna. Daripada 41 yang mengalami perubahan makna, 27 daripadanya menunjukkan perluasan makna

manakala 14 pula menunjukkan makna metafor. 3 lagi tidak dibincangkan dalam analisis kajian kerana menunjukkan nama khas.

#### 4.2.1.2 Ciri- ciri warna emas dalam simpulan bahasa Cina

Daripada dapatan kajian soalan pertama, warna yang berada pada kedudukan kedua iaitu mempunyai kekerapan yang kedua tinggi selepas warna putih ialah warna emas. Data yang dikumpul menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 70 simpulan bahasa yang berunsur emas. Dua kategori makna telah diklasifikasi iaitu :-

- i) Perkataan *emas* yang menunjukkan makna warna emas
- ii) Perkataan *emas* yang tidak menunjukkan makna warna emas

Sebelum menganalisis dua kategori makna di atas, pengkaji telah membuat pengiraan tentang peratusan kekerapan antara kedua-dua kategori makna emas seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut :

Jadual 4.4 : Peratusan Kekerapan Dua Kategori Makna Warna *Emas*

<b>Kategori</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan(%)</b>
Makna yang menunjukkan warna emas	2	2.86
Makna yang tidak menunjukkan warna emas	68	97.14
<b>Jumlah</b>	<b>70</b>	<b>100</b>

Jadual 4.4 telah menunjukkan bahawa dalam simpulan bahasa Cina yang berunsur warna emas, peratusan *perkataan emas yang menunjukkan makna warna emas* ialah sebanyak 2.86% manakala *perkataan emas yang tidak menunjukkan makna warna emas* ialah sebanyak 97.14%. Perkataan emas yang tidak menunjukkan makna warna emas adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan perkataan emas yang menunjukkan makna warna emas.

金 (*jīn*) ialah logam (金属 *jīnshǔ*). Logam ini secara asli muncul dalam bentuk ketulan atau butiran kecil dalam batuan atau mendapan aluvial (冲积物 *chōngjīwù*). Simpulan bahasa yang berunsur emas yang menunjukkan maksud logam tidak akan dianalisis dari segi perubahan makna. Contoh simpulan bahasa berkenaan ialah keris logam dan kuda dilengkapi perisai iaitu 金戈铁马 (*jīngē tiěmǎ*) dan 铁马金戈 (*tiěmǎ jīngē*), mulut orang ramai meleburkan logam iaitu 众口铄金 (*zhòngkǒu shuòjīn*), sentuh batu dan menjadi logam iaitu 点石成金 (*diǎnshí chéng jīn*) dan 点铁成金 (*diǎntiě chéng jīn*), menghargai dakwat seperti menghargai logam emas 惜墨如金 (*xīmò rú jīn*) dan 惜墨若金 (*xīmò ruò jīn*), fitnah dapat meleburkan logam iaitu 谗口铄金 (*chánkǒu shuòjīn*).

Selain logam, sesetengah karakter 金 (*jīn*) juga dijadikan nama atau nama khas bagi sesuatu. Kategori ini tidak akan diambil kira sebagai unsur warna untuk dianalisis. Contoh simpulan bahasa yang berkenaan termasuk 金马碧鸡 (*jīnmǎ bìjī*), 碧鸡金马 (*bìjī jīnmǎ*), 金谷酒数 (*jīngǔ jiǔshù*) dan 金鸡独立 (*jīnjī dúlì*). 金马 (*jīnmǎ*), 金鸡 (*jīnjī*) dan 金谷 (*jīngǔ*) masing-masing merupakan nama dewa dan nama tempat. Bagi 金马玉堂 (*jīnmǎ yùtáng*) pula, 金马 (*jīnmǎ*) ialah nama pintu yang dikenali sebagai 金马门 (*jīnmǎmén*).

#### 4.2.1.2.1 Perkataan *emas* yang menunjukkan makna warna emas

Berdasarkan kamus *Chéngyǔ Tōngjiǎn Cídiǎn* (成语通检词典) dan *Xīnhuá Chéngyǔ Cídiǎn* (新华成语词典), didapati bahawa sebanyak 2 simpulan bahasa Cina yang berunsur *emas* telah menunjukkan makna emas ialah warna asal, iaitu tidak mengalami perubahan makna. Antaranya ialah emas gemilang iaitu 金碧辉煌 (*jīnbì*

*huīhuáng*) dan cengkerik emas menanggalkan cangkerang iaitu 金蝉脱壳 (*jīnchán tuōqiào*). (Sila rujuk Lampiran 5 )

Unsur emas iaitu 金 (*jīn*) dalam 金碧辉煌 (*jīnbì huīhuáng*) bertindak sebagai kata adjektif warna. 金碧 (*jīnbì*) ialah warna kuning emas dan hijau manakala 辉煌 (*huīhuáng*) ialah cemerlang. Warna-warni yang cemerlang menunjukkan warna terang dan cerah. Keadaan ini menggambarkan bangunan atau tempat yang cantik dan mempesonakan. 金 (*jīn*) dalam 金蝉脱壳 (*jīnchán tuōqiào*) bertindak sebagai kata adjektif warna yang menyifatkan perkataan di sebelahnya. 金 (*jīn*) menyifatkan 蝉 (*chán*) dengan merujuk kepada cengkerik yang berwarna emas. 脱壳 (*tuōqiào*) bermaksud tanggalkan cangkerang. Maksud keseluruhan ialah menggunakan teknik untuk melepaskan diri tanpa dijumpai oleh orang.

#### 4.2.1.2.2 Perkataan *emas* yang tidak menunjukkan makna warna emas

Didapati bahawa perkataan *emas* dalam simpulan bahasa yang tidak menunjukkan warna emas telah mengalami perubahan makna *perluasan makna* (引申义 *yǐnshēnyì*) dan *makna metafor* (比喻义 *bǐyùyì*).

Perkataan *emas* dalam simpulan bahasa tidak menunjukkan warna emas setelah mengalami perubahan makna. Jie dan Zhang (2004) mengatakan bahawa emas merupakan sesuatu yang amat bernilai dan berharga. Oleh kerana nilai emas amat tinggi, semantik emas dilanjutkan kepada sesuatu yang berharga. Dalam simpulan bahasa 金口玉牙 (*jīnkǒu yùyá*), 金口玉言 (*jīnkǒu yùyán*) dan 金口玉音 (*jīnkǒu yùyīn*), 金口 (*jīnkǒu*) merujuk kepada kata-kata yang berharga. Maharaja sebagai orang yang berstatus khas dan disanjung tinggi. Justeru, 金口玉牙 (*jīnkǒu yùyá*), 金口玉言 (*jīnkǒu*

yùyán) dan 金口玉音 (*jīnkǒu yùyīn*) merujuk kepada kata-kata yang berharga disampaikan oleh maharaja. Makna ini kemudian menunjukkan kata-kata yang tidak boleh diubah. 金玉之言 (*jīnyù zhī yán*) dan 金玉良言 (*jīnyù liángyán*) menunjukkan nasihat yang baik dan berharga. 金枝玉叶 (*jīnzhī yùyè*) menggambarkan pokok bunga yang baik. Maksud ini kemudian diperluas kepada seseorang yang berasal daripada keturunan kerabat diraja mempunyai identiti yang amat berharga. Frasa 金液 (*jīnyè*) dalam 琼浆金液 (*qióngjiāng jīnyè*) menunjukkan cecair yang berharga. Setelah bergabung dengan frasa 琼浆 (*qióngjiāng*), maksud diperluas kepada sos yang lazat atau wain yang bernilai. Dalam simpulan bahasa 金玉满堂 (*jīnyù mǎntáng*), 金 (*jīn*) mewakili kekayaan iaitu harta benda yang berharga. Dalam simpulan bahasa ini, 金 (*jīn*) seterusnya dilanjutkan kepada pengetahuan yang amat berharga. Makna ini juga menggambarkan seseorang yang amat berpengetahuan.

金 (*jīn*) dalam simpulan bahasa seperti 一笑千金 (*yī xiào qiānjīn*), 一字千金 (*yī zì qiānjīn*), 一刻千金 (*yī kè qiānjīn*), 寸土寸金 (*cùntǔ cùnjīn*) dan 寸土尺金 (*cùntǔ chǐjīn*) juga merujuk kepada sesuatu yang berharga atau bernilai. 一笑千金 (*yī xiào qiānjīn*) menggambarkan senyuman perempuan yang jarang dan amat berharga. Karakter 笑 (*xiào*) di sini dirujuk sebagai senyuman perempuan. Sesuatu yang jarang kelihatan selalu merupakan sesuatu yang amat berharga. 一字千金 (*yī zì qiānjīn*) mengatakan karya-karya sastera/artikel/karangan/puisi/sajak/kaligrafi/bicara dan lain-lain yang amat bernilai. Karakter 字 (*zì*) dirujuk sebagai perkataan atau tulisan. 一刻千金 (*yī kè qiānjīn*) mengatakan masa diibaratkan sebagai sesuatu yang amat berharga. Karakter 刻 (*kè*) ialah masa. 寸土寸金 (*cùntǔ cùnjīn*) dan 寸土尺金 (*cùntǔ chǐjīn*)

adalah simpulan bahasa yang sama dengan maksud tanah yang amat bernilai. 土 (*tǔ*) menunjukkan tanah. 土 (*tǔ*) kemudian dijelaskan sebagai kawasan.

Selain berharga, emas juga diibaratkan sebagai sesuatu yang baik atau hebat. Contohnya, 沙里淘金 (*shā lǐ táo jīn*), 披沙拣金 (*pīshā jiǎnjīn*) dan 披沙简金 (*pīshā jiǎnjīn*). Ketiga-tiga simpulan bahasa ini membawa maksud memilih sesuatu atau seseorang yang paling baik daripada pilihan yang banyak. 沙 (*shā*) ialah pasir. Seseorang menggorek emas dalam longgokan pasir bermakna dia ingin melantik seseorang yang paling berprestasi atau memilih bahan yang paling berkualiti dalam pilihan yang banyak. Contoh lain seperti 金针度人 (*jīnzhēn dùrén*) mengatakan kemahiran yang hebat disampaikan kepada orang lain. 金针 (*jīnzhēn*) di sini diibaratkan sebagai kemahiran hebat di bawah perluasan makna.

Baik selalu dikaitkan dengan cantik, anggun dan mewah. Warna emas merupakan warna cantik dengan kilauan yang terang. Emas dalam simpulan bahasa 金屋藏娇 (*jīnwū cángjiāo*) dan 琼楼金阙 (*qiónglóu jīnquè*) menunjukkan mewah dan cantik. 金屋 (*jīnwū*) dan 金阙 (*jīnquè*) menggambarkan rumah dan bangunan yang tersergam indah. 纸醉金迷 (*zhǐzuì jīnmí*) dan 金迷纸醉 (*jīnmí zhǐzuì*) adalah simpulan bahasa yang sama iaitu menunjukkan seseorang tergila-gila dengan kemewahan. Maksud ini dilanjutkan kepada ketagih dengan kehidupan yang memboros. Frasa 浑金 (*húnjīn*) dalam simpulan bahasa 浑金璞玉 (*húnjīn púyù*) dan 璞玉浑金 (*púyù húnjīn*) ialah logam yang belum dilebur. 璞玉 (*púyù*) pula merupakan jed yang belum diukir. Selepas penggabungan kedua-dua frasa ini, maksud yang disampaikan ialah kecantikan semula jadi tanpa dimodifikasi. Simpulan bahasa ini juga diperluas makna kepada orang yang cantik atau berkelakuan baik.



Dalam 金童玉女 (*jīntóng yùnnǚ*), 金童 (*jīntóng*) terbentuk hasil daripada gabungan karakter 金 (*jīn*) dan karakter 童 (*tóng*). 金 (*jīn*) digabung dengan 童 (*tóng*) dan menyifatkan 童 (*tóng*). Maksudnya ialah bidadari budak lelaki. 玉女 (*yùnnǚ*) pula bermaksud bidadari budak perempuan. 金童 (*jīntóng*) diibaratkan sebagai budak lelaki yang kacak manakala 玉女 (*yùnnǚ*) pula diibaratkan sebagai budak perempuan yang cantik. 金童玉女 (*jīntóng yùnnǚ*) boleh dikatakan juga sebagai pasangan yang sepadan.

Simpulan bahasa 金相玉质 (*jīnxiàng yùzhì*) bukan sahaja menggambarkan orang yang cantik, malahan artikel yang sempurna. Seperti yang dibincangkan di atas, 金 (*jīn*) sebagai lambang cantik dan baik. 金 (*jīn*) dan 玉 (*yù*) bermaksud cantik atau baik manakala 相 (*xiàng*) menunjukkan penampilan dan 质 (*zhì*) menunjukkan sifat. Kecantikan di sini menggambarkan luaran dan dalaman seseorang yang cantik. Selain itu, 金相玉质 (*jīnxiàng yùzhì*) juga menggambarkan rupa bentuk dan isi kandungan artikel yang berkualiti.

Dalam 金波玉液 (*jīnbō yùyè*), 金 (*jīn*) menyifatkan 波 (*bō*) manakala 玉 (*yù*) menyifatkan 液 (*yè*). 金 (*jīn*) dan 玉 (*yù*) di sini menunjukkan perluasan makna iaitu cantik atau baik. 波 (*bō*) sama dengan 液 (*yè*) iaitu cecair. Makna yang disampaikan oleh 金波玉液 (*jīnbō yùyè*) ialah wain yang baik atau berkualiti.

Luk (2013) mengatakan emas melambangkan ketegasan dan kekukuhan. Hal ini demikian kerana emas merupakan logam yang tahan lasak, tahan kakis dan berketumpatan tinggi. 固若金汤 (*gù ruò jīntāng*) dan 金城汤池 (*jīnchéng tāngchí*) menunjukkan pertahanan bandar yang kukuh.

Dalam simpulan bahasa 火眼金睛 (*huǒyǎn jīnjīng*), 金 (*jīn*) bukan merupakan warna emas tetapi menunjukkan tajam. 金睛 (*jīnjīng*) ialah mata yang berkelip-kelip dengan sinaran emas. Tajam dijelaskan sebagai perluasan makna yang ditonjol oleh warna emas iaitu 金 (*jīn*). Dengan ini, 火眼金睛 (*huǒyǎn jīnjīng*) menunjukkan penglihatan yang tajam.

金科 (*jīnkē*) diperluas makna sebagai undang-undang atau peraturan. Simpulan bahasa 金科玉条 (*jīnkē yùtiáo*) dan 金科玉律 (*jīnkē yùlǜ*) menonjolkan maksud sebagai perintah/ undang-undang/ peraturan yang sempurna tidak boleh diubah.

Metafor menunjukkan pemindahan nama berdasarkan perhubungan makna. Ia digambarkan sebagai sejenis persamaan antara satu benda dengan benda lain. Luk (2013) mengatakan bahawa emas juga mewakili wang. Duit syiling yang diperbuat daripada logam dikenali sebagai 金钱 (*jīnqián*) iaitu wang. Istilah yang berkaitan dengan wang termasuk 奖金 (*jiǎngjīn*), 奖学金 (*jiǎngxuéjīn*), 助学金 (*zhùxuéjīn*), 聘金 (*pìnjīn*), 资金 (*zījīn*), 现金 (*xiànjīn*), 租金 (*zūjīn*), 订金 (*dìngjīn*), 赏金 (*shǎngjīn*), 退休金 (*tuìxiūjīn*), 救济金 (*jiùjìjīn*), 薪金 (*xīnjīn*), 养老金 (*yǎnglǎojīn*) dan lain-lain lagi.

Simpulan bahasa berkenaan merangkumi 千金一笑 (*qiānjīn yī xiào*), 千金买笑 (*qiānjīn mǎi xiào*), 千金一诺 (*qiānjīn yī nuò*), 一诺千金 (*yī nuò qiānjīn*), 千金一掷 (*qiānjīn yī zhì*), 一掷千金 (*yī zhì qiānjīn*), 千金市骨 (*qiānjīn shìgǔ*), 千金买骨 (*qiānjīn mǎi gǔ*), 千金买邻 (*qiānjīn mǎi lín*), 一饭千金 (*yī fàn qiānjīn*), 管鲍分金 (*guǎn bào fēn jīn*), 拾金不昧 (*shíjīn bùmèi*) dan 挥金如土 (*huījīn rú tǔ*). (Sila rujuk

Lampiran 6)

千金一笑 (*qiānjīn yī xiào*) dan 千金买笑 (*qiānjīn mǎi xiào*) menunjukkan bahawa seseorang tidak berasa ragu untuk berbelanja kerana ingin memenangi hati perempuan. 千金一诺 (*qiānjīn yī nuò*) dan 一诺千金 (*yī nuò qiānjīn*) mengatakan sesuatu janji diibaratkan wang yang banyak. Seseorang yang bersikap amanah akan menunaikan janji. 千金一掷 (*qiānjīn yī zhì*) dan 一掷千金 (*yī zhì qiānjīn*) menerangkan seseorang penjudi membelanjakan wang yang banyak sebagai satu kali pertaruhan. Keadaan ini memaparkan kehidupan yang memboros dan perbelanjaan yang tiada kawalan.

Frasa 金兰 (*jīnlán*) dirujuk sebagai persahabatan yang baik dan menjadi adik-beradik setelah bersumpah. 金 (*jīn*) di sini tidak menunjukkan warna emas dan tidak bermakna tanpa penggabungan kata dengan 兰 (*lán*). 金兰之谊 (*jīnlán zhī yì*) dan 金兰之契 (*jīnlán zhī qì*) menunjukkan persahabatan yang baik. Ia juga menunjukkan kawan menjadi adik-beradik setelah mengangkat sumpah.

Dalam simpulan bahasa 金刚怒目 (*jīngāng nùmù*) dan 金吾不禁 (*jīnwú bùjìn*), 金刚 (*jīngāng*) dan 金吾 (*jīnwú*) masing-masing dirujuk kepada pahlawan Buddha dan pegawai keselamatan. Sebenarnya, frasa 金刚 (*jīngāng*) mempunyai beberapa makna. Antaranya termasuk berlian, gelaran orang utan, gergasi atau raksasa, potret di tokong Cina dan lain-lain lagi. Makna karakter 金 (*jīn*) dan karakter 刚 (*gāng*) ialah kukuh dan tegas, sanggup memusnahkan segala-galanya. Dengan ini, 金刚 (*jīngāng*) dalam simpulan bahasa 金刚怒目 (*jīngāng nùmù*) menunjukkan pahlawan Buddha. 怒目 (*nùmù*) menggambarkan ekspresi marah dengan bebola mata yang menonjol. Makna keseluruhannya menggambarkan wajah yang garang dan menakutkan. Frasa 金吾 (*jīnwú*) ialah gelaran bagi pegawai yang menjaga keselamatan. Emas di sini bukan menunjukkan warna dan bukan bermaksud kukuh. 金 (*jīn*) digabung dengan 吾 (*wú*)

dan membentuk 金吾 (*jīnwú*) iaitu pengawal keselamatan. Simpulan bahasa 金吾不禁 (*jīnwú bùjìn*) mengatakan tidak melarang/ menahan/ mengharamkan aktiviti pada larut malam.

Dalam 金榜题名 (*jīnbǎng tí míng*), 金 (*jīn*) menyifatkan 榜 (*bǎng*) dan membentuk 金榜 (*jīnbǎng*) dengan maksud senarai calon-calon yang berjaya. 金榜 (*jīnbǎng*) ialah papan yang dicat emas dan digambarkan sebagai papan yang mengumumkan keputusan peperiksaan.

Dalam 金瓯无缺 (*jīnōu wú quē*) pula, 金 (*jīn*) menyifatkan 瓯 (*ōu*) dan membentuk 金瓯 (*jīnōu*) dengan maksud tanah air. 金瓯 (*jīnōu*) bermaksud bekas alkohol yang diperbuat daripada logam. Frasa ini kemudian merujuk kepada tanah air. 金瓯无缺 (*jīnōu wú quē*) dijelaskan sebagai tanah air atau negara yang tiada kecacatan.

金字招牌 (*jīnzì zhāopái*) menunjukkan reputasi seseorang / kedai yang baik. Ia juga menunjukkan nama atau gelaran yang menunjuk-nunjuk. 金 (*jīn*) ialah foil emas; 字 (*zì*) ialah tulisan; 招牌 (*zhāopái*) ialah papan tanda. Pada zaman dahulu, nama kedai yang diperbuat daripada foil emas menunjukkan reputasi yang baik. Makna ini kemudian dilanjutkan kepada orang yang menunjuk-nunjuk nama.

金声玉振 (*jīnshēng yùzhèn*) dan 玉振金声 (*yùzhèn jīnshēng*) adalah simpulan bahasa yang sama. 金 (*jīn*) di sini merujuk kepada loceng yang diperbuat daripada logam. Dengan ini, 金 (*jīn*) digambarkan sebagai loceng logam. Kedua-dua simpulan bahasa ini menunjukkan bunyi nyaring dan kuat kesan daripada getaran loceng. Maksud ini dilanjutkan kepada reputasi semakin meningkat.

Frasa 金石 (*jīnshí*) mempunyai beberapa penerangan. Namun, dalam simpulan bahasa 金石为开 (*jīnshí wéi kāi*) dan 金石可开 (*jīnshí kě kāi*), 金石 (*jīnshí*) merujuk kepada hati yang teguh atau fikiran yang kukuh. 金 (*jīn*) di sini ialah logam emas manakala 石 (*shí*) ialah batu. Logam merupakan sesuatu bahan yang keras. Dengan ini, emas dirujuk sebagai keras dan kukuh. 开 (*kāi*) bermaksud buka. Dalam simpulan bahasa 金石为开 (*jīnshí wéi kāi*) dan 金石可开 (*jīnshí kě kāi*), batu yang keras boleh diretak. Ini menunjukkan hati yang cekal dapat menempuhi segala halangan. Ia juga menunjukkan keikhlasan seseorang amat berpengaruh.

Kesimpulannya, unsur warna *emas* dalam simpulan bahasa Cina membawa beberapa makna sebelum dan selepas perubahan makna.

Sebelum perubahan makna, *emas* menunjukkan :

- (1) **Makna warna emas.** Contohnya 金碧辉煌 (*jīnbì huīhuáng*) dan 金蝉脱壳 (*jīnchán tuōqiào*)
- (2) **Makna logam.** Contohnya 金戈铁马 (*jīngē tiěmǎ*), 铁马金戈 (*tiěmǎ jīngē*), 众口铄金 (*zhòngkǒu shuòjīn*) dan lain-lain.

Selepas perubahan makna, *emas* menunjukkan :

- (3) **Sesuatu yang berharga.** Contohnya 金玉良言 (*jīnyù liángyán*), 金口玉言 (*jīnkǒu yùyán*), 寸土寸金 (*cùntǔ cùnjīn*), 一笑千金 (*yī xiào qiānjīn*) dan lain-lain.
- (4) **Wang.** Contohnya 拾金不昧 (*shíjīn bùmèi*), 挥金如土 (*huījīn rú tǔ*), 千金一笑 (*qiānjīn yī xiào*), 一掷千金 (*yī zhì qiānjīn*) dan lain-lain.

- (5) **Makna cantik/anggun/mewah.** Contohnya 金屋藏娇 (*jīnwū cángjiāo*) dan 琼楼金阙 (*qiónglóu jīnquè*), 金童玉女 (*jīntóng yùnnǚ*), 金相玉质 (*jīnxiàng yùzhì*) dan lain-lain.
- (6) **Kekukuhan.** Contohnya 固若金汤 (*gù ruò jīntāng*) dan 金城汤池 (*jīnchéng tāngchí*).
- (7) **Makna tajam.** Contohnya 火眼金睛 (*huǒyǎn jīnjīng*).

Kesimpulannya, unsur emas yang muncul dalam simpulan bahasa Cina di atas, 2 telah menunjukkan makna warna, 55 mengalami perubahan makna, 8 logam dan 5 nama. Daripada 55 yang mengalami perubahan makna, 31 daripadanya menunjukkan perluasan makna manakala 24 pula menunjukkan makna metafor.

#### 4.2.1.3 Ciri- ciri warna kuning dalam simpulan bahasa Cina

Daripada dapatan kajian soalan pertama, warna yang berada pada kedudukan ketiga iaitu mempunyai kekerapan yang ketiga tinggi selepas warna putih dan emas ialah warna kuning. Data yang dikumpul menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 36 simpulan bahasa yang berunsur kuning. Daripada 36 simpulan bahasa itu, dua kategori makna kuning telah diklasifikasi iaitu :-

- i) Perkataan **kuning** yang menunjukkan makna warna kuning
- ii) Perkataan **kuning** yang tidak menunjukkan makna warna kuning

Sebelum menganalisis dua kategori makna di atas, pengkaji telah membuat pengiraan tentang peratusan kekerapan antara kedua-dua kategori makna kuning seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut :

Jadual 4.5 : Peratusan Kekerapan Dua Kategori Makna Warna *Kuning*

Kategori	Bilangan	Peratusan(%)
Makna yang menunjukkan warna kuning	8	22.22
Makna yang tidak menunjukkan warna kuning	28	77.78
<b>Jumlah</b>	<b>36</b>	<b>100</b>

Jadual 4.5 telah menunjukkan bahawa dalam simpulan bahasa Cina yang berunsur warna kuning, peratusan *perkataan kuning yang menunjukkan makna warna kuning* ialah sebanyak 22.22% manakala *perkataan kuning yang tidak menunjukkan makna warna kuning* ialah sebanyak 77.78%. Perkataan kuning yang tidak menunjukkan makna warna kuning adalah lebih tinggi berbanding dengan perkataan kuning yang menunjukkan makna warna kuning.

#### 4.2.1.3.1 Perkataan *kuning* yang menunjukkan makna warna kuning

Berdasarkan kamus *Chéngyǔ Tōngjiǎn Cídiǎn* (成语通检词典) dan *Xīnhuá Chéngyǔ Cídiǎn* (新华成语词典), didapati bahawa sebanyak 6 simpulan bahasa Cina yang berunsur *kuning* telah menunjukkan makna kuning ialah warna asal, iaitu tidak mengalami perubahan makna. Antaranya ialah lampu hijau dengan buku kuning iaitu 青灯黄卷 (*qīngdēng huángjuàn*), buku kuning dengan lampu hijau iaitu 黄卷青灯 (*huángjuàn qīngdēng*), rumput kuning dengan buluh putih iaitu 黄茅白苇 (*huángmáo báiwěi*), rumput putih dengan awan kuning iaitu 白草黄云 (*báicǎo huángyún*), hijau menjadi kuning pada suatu ketika dan kuning pula menjadi hijau kemudian iaitu 苍黄翻覆 (*cānghuáng fānfù*), membincang sesuatu iaitu 数黑论黄 (*shùhēi lùnhuáng*), mentadak dan burung kuning iaitu 螳螂黄雀 (*tángláng huángquè*) dan berjarak jauh seperti burung kuning iaitu 杳如黄鹤 (*yǎo rú huánghè*) (Sila rujuk Lampiran 7)

Walaupun unsur kuning dalam keempat-empat simpulan bahasa tersebut menunjukkan warna, namun makna keseluruhannya mempunyai perubahan. Kuning bertindak sebagai kata adjektif di mana ia menyifatkan perkataan di sebelahnya. **黄卷** (*huángjuàn*) ialah buku kuning. Kuning menyifatkan (**修饰**) buku. Maksud sebenar **青灯黄卷** (*qīngdēng huángjuàn*) ialah belajar dengan tekun. Bagi **黄茅白苇** (*huángmáo báiwěi*), **黄茅** (*huángmáo*) ialah warna kuning sejenis rumput. Kuning menyifatkan rumput itu. Maksud sebenar **黄茅白苇** (*huángmáo báiwěi*) ialah orang atau perkara yang biasa/suasana yang membosankan. Contoh lain seperti **黄云** (*huángyún*) dalam **白草黄云** (*báicǎo huángyún*) menunjukkan awan berwarna kuning. Kuning menyifatkan awan. Simpulan bahasa ini biasanya digunakan untuk menggambarkan suasana ketandusan pada musim luruh.

**苍黄** (*cānghuáng*) dalam simpulan bahasa **苍黄翻覆** (*cānghuáng fānfù*) ialah warna hijau dan kuning. Dalam penggabungan **苍黄** (*cānghuáng*) dengan **翻覆** (*fānfù*), dikatakan hijau menjadi kuning pada suatu ketika dan kuning pula menjadi hijau kemudian. Ini menggambarkan keadaan yang sentiasa berubah-ubah. Bagi **数黑论黄** (*shùhēi lùnhuáng*) pula, **黑** (*hēi*) dan **黄** (*huáng*) masing-masing ialah warna hitam dan kuning manakala **数** (*shù*) dan **论** (*lùn*) merupakan kata kerja iaitu membincang atau mengkritik. Maksud keseluruhannya ialah seseorang bercakap dengan sewenang-wenangnya.

**黄鹤** (*huánghè*) dan **黄雀** (*huánghè*) merujuk kepada burung yang berwarna kuning. Karakter **黄** (*huáng*) menyifatkan karakter **鹤** (*hè*) dan **雀** (*què*). **螳螂黄雀** (*tángháng huánghè*) mengatakan seseorang mementingkan faedah tanpa



mempedulikan malapetaka yang akan melanda. 杳如黄鹤 (*yǎo rú huánghè*) pula menggambarkan seseorang telah pergi ke tempat yang jauh, tidak tahu keberadaannya.

#### 4.2.1.3.2 Perkataan *kuning* yang tidak menunjukkan makna warna kuning

Perkataan *kuning* dalam simpulan bahasa tidak menunjukkan makna warna kuning setelah mengalami perubahan makna. Kuning diperluas makna kepada kata kerja, iaitu menjadi kekuningan. Contohnya, simpulan bahasa 面黄肌瘦 (*miànhuáng jīshòu*), 橙黄橘绿 (*chénghuáng júlǜ*) dan 人老珠黄 (*rénlǎo zhūhuáng*). Kuning bagi 面黄肌瘦 (*miànhuáng jīshòu*) menggambarkan warna muka. Muka menjadi kuning akibat daripada kelesuan, kelaparan atau sakit tenat. 黄 (*huáng*) menyifatkan muka iaitu 面 (*miàn*) selepas penggabungan kata. Bagi 橙黄橘绿 (*chénghuáng júlǜ*) pula, maksud keseluruhannya ialah limau menjadi kekuningan manakala jeruk masih kelihatan hijau. Suasana ini menggambarkan keadaan musim luruh. Kuning bagi 人老珠黄 (*rénlǎo zhūhuáng*) digambarkan melalui warna manik menjadi kekuningan akibat lama disimpan. Keadaan ini mengakibatkan manik menjadi sesuatu yang tidak lagi bernilai. Maksud kemudian dilanjutkan kepada wanita yang sudah tua tidak lagi dipedulikan.

Kuning juga diperluas makna kepada maksud muda. Contohnya kuning dalam simpulan bahasa 黄童白叟 (*huánghóng báisǒu*) menunjukkan warna. 黄 (*huáng*) menyifatkan 童 (*tóng*) iaitu kanak-kanak yang berambut kuning. Selepas perluasan makna, 黄童 (*huánghóng*) menunjukkan kanak-kanak iaitu golongan muda manakala 白叟 (*báisǒu*) menunjukkan orang tua iaitu golongan tua.

**黄泉** (*huángquán*) dalam simpulan bahasa **命丧黄泉** (*mìngsàng huángquán*) dan **抱恨黄泉** (*bàohèn huángquán*) dirujuk sebagai alam maut, **阴间** (*yīnjiān*) iaitu tempat si mati ditimbun selepas meninggal dunia. **黄泉** (*huángquán*) bermaksud air di bawah tanah. Frasa ini menunjukkan tempat si mati ditimbun. Kolokasi perkataan **黄** (*huáng*) dan **泉** (*quán*) mesti muncul bersama baru dapat membentuk frasa yang menunjukkan **阴间** (*yīnjiān*). Bagi **碧落黄泉** (*bìluò huángquán*), **黄泉** (*huángquán*) di sini bermaksud tanah. **黄泉** (*huángquán*) di sini bertentangan dengan **碧落** (*bìluò*) yang menunjukkan langit. Sama seperti ulasan di atas tadi, kolokasi perkataan **黄** (*huáng*) dan **泉** (*quán*) mesti muncul bersama baru dapat membentuk frasa yang menunjukkan maksud bawah tanah.

**黄道** (*huángdào*) dalam **黄道吉日** (*huángdào jíri*) bermaksud landasan yang dilalui oleh matahari dalam tempoh satu tahun. **黄道** (*huángdào*) juga bermakna laluan yang digunakan oleh maharaja apabila melancong. Maksud ketiga bagi **黄道** (*huángdào*) pula ialah hari yang baik untuk menguruskan sesuatu. Kuning dalam frasa **黄道** (*huángdào*) bukan menunjukkan warna. Karakter **黄** (*huáng*) mesti bergabung dengan karakter **道** (*dào*) baru dapat membentuk frasa **黄道** (*huángdào*) yang membawa maksud hari yang baik.

Frasa **黄花** (*huánghuā*) muncul dalam **黄花晚节** (*huánghuā wǎnjié*), **晚节黄花** (*wǎnjié huánghuā*) dan **明日黄花** (*míngri huánghuā*). **黄花** (*huánghuā*) mempunyai tiga makna, iaitu bunga kekwa, nama sayur “jin zhen cai” iaitu **金针菜** (*jīnzhēncài*) dan anak dara. Kuning dalam ketiga-tiga simpulan bahasa itu adalah tidak mempunyai kaitan dengan warna kuning. **黄花** (*huánghuā*) dalam **黄花晚节** (*huánghuā wǎnjié*)

dan 晚节黄花 (*wǎnjié huánghuā*) menggambarkan seseorang yang berakhlak mulia dan sanggup mengekalkan kesucian sehingga tua. Bagi 明日黄花 (*míngrì huánghuā*), 黄花 (*huánghuā*) menunjukkan bunga kekwa. Pada asalnya, 黄花 (*huánghuā*) menunjukkan bunga kekwa yang layu selepas perayaan Chong Yang (重阳). Makna ini kemudian digambarkan sebagai perkara atau khabar yang sudah berlalu. Frasa 黄花 (*huánghuā*) tercatat dalam puisi “Jiu Ri Ci Yun Wang Gong” iaitu 《九日次韵王巩》 yang merupakan karya Su Shi (苏轼). Puisi tersebut mengatakan “相逢不用忙归去，明日黄花蝶也愁” iaitu jangan tergesa-gesa hendak balik apabila bertemu dengan kawan, bunga kekwa layu pada keesokan hari. Ayat ini menyeru kepada kepada kawan-kawan supaya menikmati kecantikan bunga kekwa dan minum arak sambil membaca puisi semasa perjumpaan. Jangan tergesa-gesa hendak balik kerana ini merupakan peluang yang jarang ada.

Simpulan bahasa 魏紫姚黄 (*wèizǐ yáohuáng*) dan 姚黄魏紫 (*yáohuáng wèizǐ*) merupakan simpulan bahasa yang sama. 魏紫 (*wèizǐ*) ialah peony merah iaitu 千叶肉红牡丹, berasal daripada keluarga Wei (魏 *wèi*). 姚黄 (*yáohuáng*) pula ialah peony kuning iaitu 千叶黄花牡丹, berasal daripada keluarga Yao (姚 *yáo*). 魏紫姚黄 (*wèizǐyáohuáng*) pada asalnya menunjukkan spesies peony yang amat berharga. Kuning di sini menunjukkan warna bunga. Namun begitu, maknanya berubah menjadi peony kuning iaitu 千叶黄花牡丹 selepas penggabungan kata. 魏紫 (*wèizǐ*) dan 姚黄 (*yáohuáng*) kemudian digunakan untuk merujuk bunga yang berharga.

青黄不接 (*qīnghuáng bù jiē*) dan 青黄不交 (*qīnghuáng bù jiāo*) merupakan simpulan bahasa yang sama. 青 (*qīng*) menunjukkan bijirin yang belum matang. 黄

(*huáng*) menunjukkan bijirin yang matang. Maksud simpulan bahasa ini menggambarkan keadaan di mana bijirin lama sudah habis dimakan manakala bijirin baru belum sempat untuk menyambung penghasilannya. Pengertian ini kemudian digunakan untuk menggambarkan orang yang berbakat atau sumber-sumber tidak sempat diakses. Kuning dalam 青黄不接 (*qīnghuáng bù jiē*) dan 青黄不交 (*qīnghuáng bù jiāo*) menggambarkan bijirin yang matang.

五黄六月 (*wǔhuáng liùyuè*) merupakan simpulan bahasa yang menggambarkan musim. Musim yang disebutkan di sini ialah musim paling panas pada bulan Mei dan Jun. 五 (*wǔ*) di sini menunjukkan bijirin (五谷) manakala 黄 (*huáng*) menunjukkan bijirin yang matang. 六月 (*liùyuè*) pula ialah bulan Jun. Bulan Jun ialah waktu di mana musim pertanian yang paling sibuk. Dengan ini, 黄 (*huáng*) dalam simpulan bahasa 五黄六月 (*wǔhuáng liùyuè*) menyifatkan bijirin yang sudah matang.

Dalam simpulana bahasa 飞黄腾达 (*fēihuáng téngdá*), 腾达飞黄 (*téngdá fēihuáng*), 飞黄腾踏 (*fēihuáng téngtà*), 腾踏飞黄 (*téngtà fēihuáng*) dan 蜚黄腾达 (*fēihuáng téngdá*), karakter 黄 (*huáng*) yang digabung dengan 飞 (*fēi*) dan 蜚 (*fēi*) bertindak sebagai kata sifat. 飞黄 (*fēihuáng*) ialah nama pegasus dalam lagenda. 飞黄腾达 (*fēihuáng téngdá*) menggambarkan keadaan pegasus yang sedang berterbangan di atas langit. Simpulan bahasa ini mengatakan seseorang dinaikkan pangkat dengan cepat. Maksud 飞黄 (*fēihuáng*) tetap tidak berubah tanpa mengambil kira ia muncul di hadapan atau belakang. Contohnya, 飞黄腾达 (*fēihuáng téngdá*) atau 腾达飞黄 (*téngdá fēihuáng*). Kuning dalam frasa 飞黄 (*fēihuáng*) bukan menunjukkan warna. Ia

tidak boleh wujud bersendirian kerana tidak bermakna. Kolokasi perkataan 黄 (*huáng*) dengan 飞 (*fēi*) membentuk frasa 飞黄 (*fēihuáng*) yang menunjukkan nama pegasus.

Dalam simpulan bahasa 口中雌黄 (*kǒuzhōng cīhuáng*), 雌黄黑白 (*cīhuáng hēibái*), 妄下雌黄 (*wàngxià cīhuáng*) dan 信口雌黄 (*xìnkǒu cīhuáng*), istilah 雌黄 (*cīhuáng*) ialah sejenis nama bijih. Bahan yang utama ialah “san liu hua er shen” iaitu 三硫化二砷. Orang zaman dahulu menggunakan kertas kuning untuk menulis. Apabila salah menulis, 雌黄 (*cīhuáng*) akan digunakan untuk memadamnya dan ditulis semula. Pengertian ini dilanjutkan dengan makna seperti mengubah percakapan dengan sewenang-wenangnya dalam simpulan bahasa 口中雌黄 (*kǒuzhōng cīhuáng*). Bagi contoh lain seperti 雌黄黑白 (*cīhuáng hēibái*) dan 信口雌黄 (*xìnkǒu cīhuáng*), maksud telah menunjukkan seseorang yang tidak mempedulikan kebenaran sesuatu perkara dan menilai sesuatu dengan sewenang-wenangnya. 妄下雌黄 (*wàngxià cīhuáng*) pula mengatakan seseorang bercakap secara melulu.

黄钟 (*huángzhōng*) ialah salah satu hukum muzik yang pertama dalam muzik klasik. 黄 (*huáng*) di sini tidak menonjolkan maksud kuning kerana karakter 黄 (*huáng*) hanya menyifatkan (修饰) karakter 钟 (*zhōng*) dan seterusnya membentuk frasa nama 黄钟 (*huángzhōng*). 大吕 (*dàlǚ*) pula merupakan hukum muzik yang keempat. Kedua-dua istilah ini bergabung dan membentuk simpulan bahasa 黄钟大吕 (*huángzhōng dàlǚ*) yang menunjukkan muzik atau artikulasi yang mulia dan harmoni.

黄粱 (*huángliáng*) muncul dalam 一枕黄粱 (*yīzhěn huángliáng*) dan 黄粱一梦 (*huángliáng yīmèng*). 黄粱 (*huángliáng*) ialah bijirin kuning yang digelar sebagai

“xiaomi” iaitu 小米 (*xiǎomǐ*). 黄 (*huáng*) dalam frasa 黄粱 (*huángliáng*) bertindak sebagai kata adjektif warna. Namun, apabila ia bergabung dengan 一枕 (*yīzhěn*) dan 一梦 (*yīmèng*), ia telah menunjukkan khayalan dalam mimpi yang tidak realiti. Semasa menunggu 小米 (*xiǎomǐ*) menjadi masak, seseorang itu tertidur dan bermimpi. Apabila terjaga daripada tidur, 小米 (*xiǎomǐ*) masih belum matang. Ini menunjukkan keinginan dalam khayalan. 一枕黄粱 (*yīzhěn huángliáng*) dan 黄粱一梦 (*huángliáng yīmèng*) masing-masing memaparkan makna yang sama walaupun terdapat perbezaan perkataan 一枕 (*yīzhěn*) dan 一梦 (*yīmèng*) yang membawa maksud tertidur.

Kesimpulannya, unsur warna *kuning* dalam simpulan bahasa Cina membawa beberapa makna sebelum dan selepas perubahan makna.

Sebelum perubahan makna, *kuning* menunjukkan :

- (1) **Makna warna kuning.** Contohnya 青灯黄卷 (*qīngdēng huángjuàn*), 黄卷青灯 (*huángjuàn qīngdēng*), 黄茅白苇 (*huángmáo báiwěi*), 白草黄云 (*báicǎo huángyún*), 苍黄翻覆 (*cānghuáng fānfù*) dan lain-lain.

Selepas perubahan makna, *kuning* menunjukkan :

- (2) **Makna musim.** Contohnya 五黄六月 (*wǔhuáng liùyuè*).
- (3) **Makna menjadi kekuningan.** Contohnya 面黄肌瘦 (*miànhuáng jīshòu*), 橙黄橘绿 (*chéng huáng jú lǜ*) dan 人老珠黄 (*rénlǎo zhūhuáng*).
- (4) **Makna muda.** Contohnya 黄童白叟 (*huángtóng báisǒu*).
- (5) **Makna matang.** Contohnya, 青黄不接 (*qīnghuáng bù jiē*) dan 青黄不交 (*qīnghuáng bù jiāo*).

- (6) **Bawah tanah.** Contohnya 碧落黄泉(bìluò huángquán)
- (7) **Alam maut (阴间).** Contohnya 命丧黄泉(mìngsàng huángquán)  
dan 抱恨黄泉(bàohèn huángquán)
- (8) **Bunga kekwa.** Contohnya 黄花晚节(huánghuā wǎnjié),  
明日黄花(míngri huánghuā) dan 晚节黄花(wǎnjié huánghuā).
- (9) **Hari yang baik.** Contohnya 黄道吉日(huángdào jíri).

Kesimpulannya, unsur kuning yang muncul dalam simpulan bahasa Cina di atas telah menunjukkan 8 makna asal dan 28 mengalami perubahan makna. Daripada 28 yang mengalami perubahan makna, 4 daripadanya menunjukkan perluasan makna manakala 24 pula menunjukkan makna metafor.

#### 4.2.1.4 Ciri- ciri warna hijau dalam simpulan bahasa Cina

Daripada dapatan kajian soalan pertama, warna yang berada pada kedudukan keempat iaitu mempunyai kekerapan yang keempat tinggi selepas warna putih, emas dan kuning ialah warna hijau. Data yang dikumpul menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 35 simpulan bahasa yang berunsur hijau. Dua kategori makna telah diklasifikasi iaitu :-

- i) Perkataan **hijau** yang menunjukkan makna warna hijau
- ii) Perkataan **hijau** yang tidak menunjukkan makna warna hijau

Sebelum menganalisis dua kategori makna di atas, pengkaji telah membuat pengiraan tentang peratusan kekerapan antara kedua-dua kategori makna hijau seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut :

Jadual 4.6 : Peratusan Kekekapan Dua Kategori Makna Warna *Hijau*

<b>Kategori</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan(%)</b>
Makna yang menunjukkan warna hijau	8	22.86
Makna yang tidak menunjukkan warna hijau	27	77.14
<b>Jumlah</b>	<b>35</b>	<b>100</b>

Jadual 4.6 telah menunjukkan bahawa dalam simpulan bahasa Cina yang berunsur warna hijau, peratusan *perkataan hijau yang menunjukkan makna warna hijau* ialah sebanyak 22.86% manakala *perkataan hijau yang tidak menunjukkan makna warna hijau* ialah sebanyak 77.14%. Perkataan hijau yang tidak menunjukkan makna warna hijau adalah lebih tinggi daripada perkataan hijau yang menunjukkan makna warna hijau.

#### 4.2.1.4.1 Perkataan *hijau* yang menunjukkan makna warna hijau

Berdasarkan kamus *Chéngyǔ Tōngjiǎn Cídiǎn* (成语通检词典) dan *Xīnhuá Chéngyǔ Cídiǎn* (新华成语词典), didapati bahawa sebanyak 8 simpulan bahasa Cina yang berunsur *hijau* telah menunjukkan makna warna asal, iaitu tidak mengalami perubahan makna. Antaranya ialah plum hijau dengan buluh kuda iaitu 青梅竹马 (*qīngméi zhúmǎ*), gunung hijau iaitu 碧水青山 (*bìshuǐ qīngshān*), tetap sebagai gunung hijau iaitu 青山依旧 (*qīngshān yījiù*), gunung hijau iaitu 青山绿水 (*qīngshān lùshuǐ*) dan 绿水青山 (*lùshuǐ qīngshān*), gunung hijau yang cantik iaitu 山青水秀 (*shānqīng shuǐxiù*), lampu hijau dan buku kuning iaitu 青灯黄卷 (*qīngdēng huángjuàn*), buku kuning dan lampu hijau iaitu 黄卷青灯 (*huángjuàn qīngdēng*). (Sila rujuk Lampiran 9)

Unsur hijau dalam keempat-empat simpulan bahasa tersebut menunjukkan warna. Hijau bertindak sebagai kata adjektif di mana ia menyifatkan perkataan di



sebelahnya. 青灯(*qīngdēng*) ialah lampu hijau. Hijau menyifatkan (修饰) lampu. Maksud sebenar 青灯黄卷(*qīngdēng huángjuàn*) ialah belajar dengan tekun. Bagi 青梅竹马(*qīngméi zhúmǎ*), 青梅(*qīngméi*) ialah warna hijau plum. Hijau menyifatkan plum itu. Maksud sebenar 青梅竹马(*qīngméi zhúmǎ*) ialah kanak-kanak yang bermain bersama-sama pada zaman kanak-kanak.

#### 4.2.1.4.2 Perkataan *hijau* yang tidak menunjukkan makna warna hijau

Perkataan *hijau* dalam simpulan bahasa yang tidak menunjukkan makna warna hijau telah mengalami perubahan makna sama ada *perluasan makna* (引申义 *yǐnshēnyì*) atau *makna metafor* (比喻义 *bǐyùyì*).

Hijau dalam simpulan bahasa diperluas makna daripada makna asal iaitu warna hijau kepada maksud matang. 青(*qīng*) dalam simpulan bahasa 炉火纯青(*lúhuǒ chúnqīng*) bukan menunjukkan warna hijau sebaliknya ia diperluas makna kepada matang. 纯青(*chúnqīng*) ialah hijau tulen yang menunjukkan suhu mencapai tahap tertinggi. Hal ini demikian apabila api periuk bertukar daripada merah kepada hijau tulen, ia dianggap sudah berjaya. Dengan ini, 炉火纯青(*lúhuǒ chúnqīng*) digambarkan sebagai pengetahuan atau kemahiran seseorang telah mencapai tahap yang matang dan sempurna.

Dalam 万古长青(*wàngǔ chángqīng*), 万古(*wàngǔ*) menunjukkan banyak generasi. 长(*cháng*) ialah selama-lamanya manakala 青(*qīng*) ialah hijau. Selepas mengalami perubahan makna, 青(*qīng*) di sini diperluas makna kepada seperti hijau nampak muda dan kekal. 万古长青(*wàngǔ chángqīng*) mengatakan bahawa pelbagai

generasi dikekalkan. Kemudian, maksud ini dilanjutkan lagi kepada semangat tinggi atau persahabatan dikekalkan selama-lamanya.

Hijau di atas dapat memaparkan maksud secara sendiri tanpa penggabungan kata di bawah perluasan makna.

Seperti yang dibincangkan, perubahan makna jenis metafor menunjukkan pemindahan nama berdasarkan perhubungan makna. Contohnya, **青史** (*qīngshǐ*) yang tercatat dalam simpulan bahasa **青史传名** (*qīngshǐ chuánmíng*), **名垂青史** (*míngchuí qīngshǐ*), **青史留名** (*qīngshǐ liúmíng*), **青史流芳** (*qīngshǐ liúfāng*), **永垂青史** (*yǒngchuí qīngshǐ*) dan **名标青史** (*míngbiāo qīngshǐ*). **青** (*qīng*) dalam **青史** (*qīngshǐ*) bukan warna hijau tetapi dirujuk sebagai buluh. **史** (*shǐ*) ialah catatan sejarah. **青** (*qīng*) digabung dengan **史** (*shǐ*) membentuk frasa **青史** (*qīngshǐ*) iaitu sejarah dicatat di atas buluh, juga dikenali sebagai **史书** (*shǐshū*). Hijau di sini melahirkan makna metafor. Makna simpulan bahasa di atas keseluruhannya merujuk kepada nama baik dan jasa seseorang diwarisi dalam sejarah.

**丹青** (*dānqīng*) ialah bahan lukisan yang mengandungi bahan mineral “dan sha” dan “qing jue” iaitu “丹砂” dan “青礬”. **丹** (*dān*) harus digabung dengan **青** (*qīng*) untuk membentuk frasa ini. Simpulan bahasa **妙手丹青** (*miàoshǒu dānqīng*), **丹青妙手** (*dānqīng miàoshǒu*) dan **丹青不渝** (*dānqīng bù yú*) telah menggambarkan pelukis yang mempunyai kemahiran melukis yang handal.

青云 (*qīngyún*) terdiri daripada gabungan kata 青 (*qīng*) dengan 云 (*yún*) yang masing-masing menunjukkan hijau dan awan. Karakter 青 (*qīng*) telah menyifatkan karakter 云 (*yún*) iaitu awan yang berwarna hijau. Makna ini digambarkan sebagai langit di bawah perubahan makna metafor. Apabila menyebut tentang awan yang berwarna hijau, orang ramai akan mengaitkannya dengan angkasa ataupun langit. Simpulan bahasa 平地青云 (*píngdì qīngyún*), 平步青云 (*píngbù qīngyún*), 青云直上 (*qīngyún zhíshàng*) dan 直上青云 (*zhíshàng qīngyún*) menggambarkan keadaan di mana seseorang dinaikkan pangkat yang tinggi dengan cepat. Bagi simpulan bahasa 青云之志 (*qīngyún zhī zhì*) pula, 青云 (*qīngyún*) diibaratkan sebagai cita-cita atau hasrat. Dengan ini, 青云之志 (*qīngyún zhī zhì*) menunjukkan cita-cita atau hasrat yang mulia.

青天 (*qīngtiān*) mempunyai makna yang sama seperti 青云 (*qīngyún*) iaitu menunjukkan langit. Langit terbentuk dengan gambaran hijau. Hijau di sini menyifatkan awan (云) dan hari (天). Simpulan bahasa yang berkenaan termasuk 青天白日 (*qīngtiān báirì*) dan 碧海青天 (*bìhǎi qīngtiān*). Kedua-dua simpulan bahasa ini adalah sama walaupun susunan kedudukan frasa berlainan. Makna yang disampaikan ialah suasana langit dan laut yang indah.

Hijau dibanding dengan warna lain dilihat melalui 3 simpulan bahasa iaitu 青黄不接 (*qīnghuáng bù jiē*), 青黄不交 (*qīnghuáng bù jiāo*) dan 青出于蓝 (*qīng chūyú lán*). 青黄不接 (*qīnghuáng bù jiē*) dan 青黄不交 (*qīnghuáng bù jiāo*) merupakan simpulan bahasa yang sama. 青 (*qīng*) menunjukkan bijirin yang belum matang. 黄 (*huáng*) menunjukkan bijirin yang matang. Maksud simpulan bahasa ini menggambarkan keadaan di mana bijirin lama sudah habis dimakan manakala bijirin baru belum sempat untuk menyambung penghasilannya. Pengertian ini kemudian digunakan untuk

menggambarkan orang yang berbakat atau sumber-sumber tidak sempat diakses. Hijau dalam 青黄不接 (*qīnghuáng bù jiē*) dan 青黄不交 (*qīnghuáng bù jiāo*) menunjukkan bijirin yang masih belum matang.

青 (*qīng*) dalam simpulan bahasa 青出于蓝 (*qīng chūyú lán*) dirujuk sebagai warna indigo. 蓝 (*lán*) di sini dirujuk sebagai rumput berwarna biru. Warna indigo diekstrak daripada rumput biru itu dan warnanya lebih gelap daripada biru rumput itu. Penulis simpulan bahasa 青出于蓝 (*qīng chūyú lán*) iaitu Xun Zi (荀子 *Xún Zi*) telah menggunakan pemerhatian ini untuk menggambarkan keadaan di mana pelajar lebih handal daripada guru hasil daripada usaha yang gigih. Di bawah perubahan makna, hijau merujuk kepada pelajar manakala biru merujuk kepada guru.

Apabila cedera digambarkan dengan menggunakan istilah 黑青 (*hēiqīng*) iaitu hitam dan hijau, maka ia dikatakan sebagai lebam. Simpulan bahasa 鼻青脸肿 (*bíqīng liǎnzhǒng*) dijelaskan sebagai hidung hijau dan muka bengkak. Hijau di sini bukan membawa maksud warna tetapi menunjukkan lebam di bawah makna metafor. 鼻青脸肿 (*bíqīng liǎnzhǒng*) menerangkan keadaan di mana cedera parah yang amat serius.

Hijau bertindak sebagai kata adjektif yang menyifatkan kata di sebelahnya ditunjukkan melalui 2 simpulan bahasa iaitu 白璧青蝇 (*báibì qīngyíng*) dan 青面獠牙 (*qīngmiàn liáoyá*). Dalam simpulan bahasa 白璧青蝇 (*báibì qīngyíng*), 白璧 (*báibì*) menunjukkan jed putih manakala 青蝇 (*qīngyíng*) menunjukkan sejenis lalat. Lalat merupakan sejenis serangga yang amat merunsingkan orang ramai kerana ia sangat kotor dan selalu mendatangkan bunyi yang kurang menyenangkan. 白璧 (*báibì*) pula diibaratkan sebagai orang yang tidak berbuat salah. Dengan perubahan makna metafor,

青蝇 (*qīngyíng*) dirujuk sebagai si jahat atau pengumpat. Maka, 白璧青蝇 (*báibì qīngyíng*) menjelaskan orang yang tidak berdosa telah dianiayai oleh pengumpat.

Hijau dalam 青面獠牙 (*qīngmiàn liáoyá*) bukan seperti makna yang disampaikan oleh 鼻青脸肿 (*bíqīng liǎnzhǒng*). Hijau di sini bukan lebam tetapi ia menunjukkan garang selepas digabung dengan karakter 面 (*miàn*). Hijau menyifatkan (修饰) muka, iaitu muka yang garang. 獠牙 (*liáoyá*) pula menunjukkan gigi yang panjang kelihatan di luar mulut. 青面獠牙 (*qīngmiàn liáoyá*) menunjukkan wajah yang garang dan hodoh.

Dalam 青红皂白 (*qīnghóngzàobái*), hijau bukan warna tetapi digambarkan sebagai selok belok sesuatu perkara. 青 (*qīng*) telah diubah makna di bawah perubahan makna apabila digabung dengan warna lain iaitu merah, hitam dan putih. Empat jenis warna digabung untuk membentuk simpulan bahasa yang menunjukkan selok belok sesuatu hal dan pengertian ini tiada kaitan dengan unsur warna. Keempat-empat warna itu masing-masing telah menunjukkan makna metafor.

Dalam simpulan bahasa 拖紫垂青 (*tuōzǐ chuíqīng*), 青 (*qīng*) ialah warna hijau reben. Reben hijau ini dipakai oleh pegawai yang berpangkat tinggi pada zaman dahulu. Dalam simpulan bahasa ini, hijau menonjolkan makna metaforanya iaitu pegawai yang berjawatan tinggi.

Kesimpulannya, unsur warna **hijau** dalam simpulan bahasa Cina membawa beberapa makna sebelum dan selepas perubahan makna.

Sebelum perubahan makna, *hijau* menunjukkan :

- (1) **Makna warna hijau.** Contohnya 青灯黄卷 (*qīngdēng huángjuàn*), 黄卷青灯 (*huángjuàn qīngdēng*), 青梅竹马 (*qīngméi zhúmǎ*), 碧水青山 (*bìshuǐ qīngshān*), 青山依旧 (*qīngshān yījiù*) dan lain-lain.

Selepas perubahan makna, *hijau* menunjukkan :

- (2) **Makna kekal.** Contohnya 万古长青 (*wàngǔ chángqīng*).
- (3) **Makna matang.** Contohnya 炉火纯青 (*lúhuǒ chúnqīng*).
- (4) **Langit.** Contohnya 平地青云 (*píngdì qīngyún*), 青云直上 (*qīngyún zhíshàng*) dan lain-lain.
- (5) **Buku sejarah.** Contohnya 名垂青史 (*míngchuí qīngshǐ*), 青史传名 (*qīngshǐ chuánmíng*), 青史流芳 (*qīngshǐ liúfāng*) dan lain-lain.
- (6) **Bahan lukisan.** Contohnya 妙手丹青 (*miàoshǒu dānqīng*), 丹青妙手 (*dānqīng miàoshǒu*) dan 丹青不渝 (*dānqīng bù yú*).
- (7) **Makna garang.** Contohnya 青面獠牙 (*qīngmiàn liáoyá*).
- (8) **Cedera parah.** Contohnya 鼻青脸肿 (*bíqīng liǎnzhǒng*).
- (9) **Makna muda.** Contohnya 青黄不接 (*qīnghuáng bù jiē*), 青黄不交 (*qīnghuáng bù jiāo*) dan 青出于蓝 (*qīng chū yú lán*).

Kesimpulannya, unsur hijau yang muncul dalam simpulan bahasa Cina di atas telah menunjukkan 8 makna asal dan 27 mengalami perubahan makna. Daripada 27 yang mengalami perubahan makna, 2 daripadanya menunjukkan perluasan makna manakala 25 pula menunjukkan makna metafor.

#### 4.2.1.5. Ciri- ciri warna merah dalam simpulan bahasa Cina

Daripada dapatan kajian soalan pertama, warna yang berada pada kedudukan kelima iaitu mempunyai kekerapan yang kelima tinggi selepas warna putih, emas, kuning dan hijau ialah warna merah. Data yang dikumpul menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 29 simpulan bahasa yang berunsur merah. Dua kategori makna telah diklasifikasi iaitu :-

- i) Perkataan *merah* yang menunjukkan makna warna merah
- ii) Perkataan *merah* yang tidak menunjukkan makna warna merah

Sebelum menganalisis dua kategori makna di atas, pengkaji telah membuat pengiraan tentang peratusan kekerapan antara kedua-dua kategori makna merah seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut :

Jadual 4.7 : Peratusan Kekerapan Dua Kategori Makna Warna *Merah*

<b>Kategori</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan(%)</b>
Makna yang menunjukkan warna merah	4	13.79
Makna yang tidak menunjukkan warna merah	25	86.21
<b>Jumlah</b>	<b>29</b>	<b>100</b>

Jadual 4.7 telah menunjukkan bahawa dalam simpulan bahasa Cina yang berunsur warna merah, peratusan *perkataan merah yang menunjukkan makna warna merah* ialah sebanyak 13.79% manakala *perkataan merah yang tidak menunjukkan makna warna merah* ialah sebanyak 86.21%. Perkataan merah yang tidak menunjukkan makna warna merah adalah lebih rendah berbanding dengan perkataan merah yang menunjukkan makna warna merah.

#### 4.2.1.5.1 Perkataan *merah* yang menunjukkan makna warna merah

Berdasarkan kamus *Chéngyǔ Tōngjiǎn Cídiǎn* (成语通检词典) dan *Xīnhuá Chéngyǔ Cídiǎn* (新华成语词典), didapati bahawa sebanyak 4 simpulan bahasa Cina yang berunsur *merah* telah menunjukkan makna merah ialah warna asal, iaitu tidak mengalami perubahan makna. Antaranya ialah lampu merah dengan arak hijau iaitu 灯红酒绿 (*dēnghóng jiǔlǜ*), gigi putih dengan bibir merah iaitu 齿白唇红 (*chǐbái chúnóng*) dan 唇红齿白 (*chúnóng chǐbái*), pakaian merah dengan bungkusannya berwarna kosong iaitu 红装素裹 (*hóngzhuāng sùguǒ*). (Sila rujuk Lampiran 11)

唇红 (*chúnóng*) dalam simpulan bahasa 齿白唇红 (*chǐbái chúnóng*) dan 唇红齿白 (*chúnóng chǐbái*) menunjukkan bibir merah. Merah berada di belakang subjek 唇. Fungsinya ialah memberi penjelasan (陈述) terhadap bibir. Dalam 灯红酒绿 (*dēnghóng jiǔlǜ*), 灯红 (*dēnghóng*) ialah lampu merah. Merah di sini berfungsi sama seperti 齿白唇红 (*chǐbái chúnóng*) iaitu memberi penjelasan kepada karakter di hadapannya. Merah dalam 红装素裹 (*hóngzhuāng sùguǒ*) pula menunjukkan fungsi yang berlainan, iaitu bertindak untuk menyifatkan (修饰) karakter di belakangnya. Penerangan ini dapat diperhatikan melalui 红 menyifatkan 装 menjadi pakaian merah. Boleh disimpulkan bahawa, merah yang terletak di tempat yang berlainan menunjukkan fungsi yang berlainan.

#### 4.2.1.5.2 Perkataan *merah* yang tidak menunjukkan makna warna merah

Perkataan *merah* dalam simpulan bahasa yang tidak menunjukkan makna warna merah telah mengalami perubahan makna *perluasan makna* (引申义 *yǐnshēnyì*) dan *makna metafor* (比喻义 *bǐyùyì*). Sebagai contoh, 红白喜事 (*hóngbái xǐshì*). Merah di



sini diperluas makna kepada hal perkahwinan kerana ia melambangkan suasana meriah yang menggembirakan. Selain perkahwinan, merah juga melambangkan sesuatu yang baik dan bertuah. Bangsa Han sejak awal lagi amat menyukai warna merah. Daripada merah, manusia terfikir warna matahari dan api. Oleh kerana matahari dan api dapat membawa sinaran dan kebahagiaan kepada manusia, maka masyarakat Cina sejak dahulu lagi menggunakan warna merah untuk melambangkan kebahagiaan, kegembiraan, kemeriahan, keseronokan, perayaan dan sebagainya dan menjanjikan sinar kecerahan dalam kehidupan. Simpulan bahasa 披红挂彩 (*pīhóng guàicǎi*) bermaksud berpakaian merah dan menggantung sutera. Ini menunjukkan suasana yang meriah semasa meraikan kejayaan.

Dari sini, konotasi merah dilanjutkan kepada keuntungan, perkembangan pesat, bermaju jaya, kelancaran, kejayaan, pencapaian dan sebagainya. Menurut Lin (2000), makna merah telah dilanjutkan daripada suasana kegembiraan atau bertuah kepada kejayaan atau kemenangan. Sebagai contoh, perniagaan semakin berkembang digambarkan melalui 红红火火 (*hónghóng huǒhuǒ*). Merah juga boleh digunakan dalam situasi di mana seseorang disukai atau diutamakan oleh majikan, contoh simpulan bahasa ialah 大红大紫 (*dàhóng dàzǐ*).

面红耳赤 (*miàn hóng ěr chì*) dari 《官场现形记》七回：“众人一定要他叫，他一定不肯叫，后来众人见他急得面红耳赤，也就罢了” (Orang ramai memintanya untuk menjerit tetapi dia enggan. Kemudian dia kelihatan cemas dan marah). 红 (*hóng*) di sini bermaksud menjadi merah. Makna ini diperluas kepada marah atau malu setelah digabung dengan 面 (*miàn*) iaitu muka. Merah kelihatan pada muka seseorang apabila dia naik marah atau berasa malu.

Metafor menunjukkan pemindahan nama berdasarkan perhubungan makna. Dalam 青红皂白 (*qīnghóngzàobái*), merah bukan warna tetapi digambarkan sebagai selok belok sesuatu perkara. 红 (*hóng*) telah diubah makna di bawah perubahan makna apabila digabung dengan warna lain iaitu hijau, hitam dan putih. Empat jenis warna digabung untuk membentuk simpulan bahasa yang menunjukkan selok belok sesuatu hal dan pengertian ini tiada kaitan dengan unsur warna. Keempat-empat warna itu masing-masing telah menonjolkan makna metafor.

Dalam 红杏出墙 (*hóngxìng chūqiáng*), 红袖添香 (*hóngxiù tiānxiāng*) dan 红颜薄命 (*hóngyán bómìng*), 红杏 (*hóngxìng*), 红袖 (*hóngxiù*) dan 红颜 (*hóngyán*) masing-masing merujuk kepada wanita. Wanita suka menggunakan alat solek seperti gincu merah untuk menghiaskan diri. Salah satu jenis alat solek wanita ialah 红粉 (*hóngfěn*). Maka, wujudlah istilah yang menggambarkan wanita iaitu 红颜 (*hóngyán*). Selain itu, warna merah juga merujuk kepada wanita atau wanita yang cantik. Contohnya 红袖 (*hóngxiù*) dalam simpulan bahasa 红袖添油 (*hóngxiù tiānxiāng*).

Merah melambangkan bunga. Bunga ialah nama bagi pihak (代称 *dàichēng*) merah. Dengan ini, makna metafor untuk merah ialah bunga. Merah dalam simpulan bahasa 万紫千红 (*wànzǐ qiānhóng*), 纷红骇绿 (*fēnhóng hàilǜ*), 姹紫嫣红 (*chàzǐ yānhóng*), 嫣红姹紫 (*yānhóng chàzǐ*) dan 绿肥红瘦 (*lǜféi hóngshòu*) menunjukkan bunga. 万紫千红 (*wànzǐ qiānhóng*) diibaratkan sebagai perkara yang banyak dan menarik. 纷红骇绿 (*fēnhóng hàilǜ*) menggambarkan keadaan bunga dan daun bertaburan di bawah tiupan angin. 姹紫嫣红 (*chàzǐ yānhóng*) dan 嫣红姹紫 (*yānhóng chàzǐ*) merupakan simpulan bahasa yang sama walaupun susunan frasa 嫣红 (*yānhóng*) dan 姹紫 (*chàzǐ*) adalah terbalik. Maksud yang terkandung dalamnya ialah bunga cantik

yang berwarna-warni. *绿肥红瘦* (*lǜféi hóngshòu*) pula menggambarkan keadaan pokok yang subur tetapi bunga telah layu. Karakter *瘦* (*shòu*) iaitu kurus menyifatkan bunga sebagai layu.

*红日* (*hóngrì*) merujuk kepada matahari di bawah makna metafor. Hal ini demikian kerana matahari telah memancarkan sinaran merah. Simpulan bahasa *红日三竿* (*hóngrì sāngān*) mengatakan bahawa matahari sudah naik setinggi tiga batang buluh. Ini menandakan hari sudah lewat.

Frasa *红尘* (*hóngchén*) terdiri daripada penggabungan kata antara *红* (*hóng*) dengan *尘* (*chén*). *尘* (*chén*) ialah debu. Debu merah iaitu *红尘* (*hóngchén*) telah diibaratkan sebagai masyarakat yang sibuk dan meriah atau duniawi yang disebut oleh Buddha dan Taoisme. Ini menunjukkan makna metafor. Merah di sini tidak dapat menonjolkan makna metafor ini tanpa penggabungan kata dengan *尘* (*chén*). Simpulan bahasa *看破红尘* (*kànpò hóngchén*) dirujuk sebagai perasaan kecewa terhadap masyarakat. *看破红尘* (*kànpò hóngchén*) dilanjutkan maksud dengan mengatakan seseorang tidak lagi mengejar kehidupan; tidak lagi tertarik dengan pelbagai godaan; tidak lagi diganggu oleh gangguan emosi; tidak mengingati segala yang berlaku di dunia ini.

Merah dalam *白发红颜* (*báifà hóngyán*) dan *红光满面* (*hóngguāng mǎnmiàn*) merujuk kepada muka yang merah. Muka yang merah diibaratkan sebagai wajah yang sihat kemudian kelihatan ceria. Keadaan ini bertentangan dengan pucat lesu di mana seseorang kelihatan sakit dan lemah. *白发红颜* (*báifà hóngyán*) menunjukkan rambut putih dan muka merah. Ini merujuk kepada orang tua yang sihat. *红光满面* (*hóngguāng*

*mǎnmiàn*) juga sama seperti 白发红颜 (*bǎifà hóngyán*) menggambarkan seseorang kelihatan ceria.

Dalam simpulan bahasa 红男绿女 (*hóngnán lǜnǚ*), 花红柳绿 (*huāhóng liǜlǜ*), 柳绿花红 (*liǜlǜ huāhóng*), 柳绿桃红 (*liǜlǜ táohóng*), 桃红柳绿 (*táohóng liǜlǜ*), 穿红着绿 (*chuānhóng zhuólǜ*) dan 穿红戴绿 (*chuānhóng dàilǜ*), merah diibaratkan sebagai warna yang terang dan cerah iaitu 颜色鲜艳 (*yánsè xiānyàn*) dan berwarna-warni. 红男绿女 (*hóngnán lǜnǚ*) mengatakan golongan lelaki dan perempuan yang berpakaian warna-warni. 花红柳绿 (*huāhóng liǜlǜ*) dan 柳绿花红 (*liǜlǜ huāhóng*) merupakan simpulan bahasa yang sama yang menggambarkan pemandangan indah pada musim bunga di mana pokok bunga bertumbuh subur dan berwarna-warni. 柳绿桃红 (*liǜlǜ táohóng*) dan 桃红柳绿 (*táohóng liǜlǜ*) masing-masing menggambarkan keindahan musim bunga. 穿红着绿 (*chuānhóng zhuólǜ*) dan 穿红戴绿 (*chuānhóng dàilǜ*) pula diterangkan sebagai memakai baju merah dan hijau. Makna metafor simpulan bahasa ini menonjolkan pengertian iaitu memakai baju yang berwarna terang dan cerah.

Kesimpulannya, unsur warna **merah** dalam simpulan bahasa Cina membawa beberapa makna sebelum dan selepas perubahan makna.

Sebelum perubahan makna, **merah** menunjukkan :

- (1) **Makna warna merah.** Contohnya 灯红酒绿 (*dēnghóng jiǜlǜ*), 齿白唇红 (*chǐbái chúnóng*), 唇红齿白 (*chúnóng chǐbái*) dan 红装素裹 (*hóngzhuāng sùguǒ*).

Selepas perubahan makna, **merah** menunjukkan :

- (2) **Wanita.** Contohnya 红杏出墙 (*hóngxìng chūqiáng*), 红袖添香 (*hóngxiù tiānxiāng*) dan 红颜薄命 (*hóngyán bómìng*).

- (3) **Perkahwinan.** Contohnya 红白喜事 (*hóngbái xǐshì*).
- (4) **Bunga.** Contohnya 万紫千红 (*wànzǐ qiānhóng*), 纷红骇绿 (*fēnhóng hài lǜ*), 姹紫嫣红 (*chàzǐ yānhóng*) dan lain-lain.
- (5) **Makna keceriaan.** Contohnya 白发红颜 (*báifà hóngyán*) dan 红光满面 (*hóngguāng mǎnmiàn*),
- (6) **Makna perkembangan/kejayaan.** Contohnya 红红火火 (*hónghóng huǒhuǒ*), 大红大紫 (*dàhóng dàzǐ*).
- (7) **Matahari.** Contohnya 红日三竿 (*hóngrì sāngān*).
- (8) **Warna terang dan cerah.** Contohnya 穿红着绿 (*chuānhóng zhuólǜ*), 红男绿女 (*hóngnán lǜnǚ*), 花红柳绿 (*huāhóng liǜlǜ*) dan lain-lain.
- (9) **Menjadi merah.** Contohnya 面红耳赤 (*miànhóng ěrchì*).

Kesimpulannya, unsur merah yang muncul dalam simpulan bahasa Cina di atas, 4 telah menunjukkan makna asal dan 25 mengalami perubahan makna,. Daripada 25 yang mengalami perubahan makna,, 5 daripadanya menunjukkan perluasan makna manakala 20 pula menunjukkan makna metafor.

#### 4.2.6 Kesimpulan

Secara keseluruhan, analisis didapati bahawa dalam simpulan bahasa Cina, lima makna warna yang dikaji kebanyakan telah menunjukkan makna warna yang tidak menunjukkan warna asal. Antara 13 jenis warna yang diperoleh daripada simpulan bahasa Cina, kelima-lima warna yang berkekerapan paling tinggi itu telah mencapai dapatan kajian sedemikian.

Berdasarkan dapatan kajian, warna putih, kuning, hijau dan merah lebih banyak mengalami perubahan makna jenis metafor berbanding dengan perluasan makna. Warna emas pula lebih banyak mengalami perubahan makna jenis peluasan makna.

Simpulan bahasa yang berunsur warna tidak dapat dipisahkan dengan konotasi budaya di sebalik kewujudan simpulan bahasa ini. Soalan kajian 3 seterusnya akan membincangkan persoalan budaya yang dicerminkan oleh simpulan bahasa melalui beberapa kategori budaya. Perbincangan yang seterusnya hanya terbatas pada simpulan bahasa yang berunsur warna putih, emas, kuning, hijau dan merah sahaja.

#### **4.3 Analisis simpulan bahasa Cina yang mengandungi unsur warna mencerminkan budaya Cina**

Budaya adalah satu unit kepercayaan dan amalan yang meliputi adat, agama, seni dan petunjuk sosial seseorang individu atau sesuatu kumpulan dalam masyarakat. Secara ringkasnya, budaya merujuk kepada cara hidup keseluruhan masyarakat. Jandt (2003) menerangkan bahawa budaya dirujuk sebagai pengertian segala pengalaman yang membimbing seseorang dalam menjalani kehidupan. Segala elemen kebudayaan ini dipelajari melalui interaksi sesama manusia dalam budaya tersebut. Gunarwan (2004) pula menggariskan bahawa budaya berkaitan rapat dengan cara hidup. Hal ini demikian kerana cara hidup menghasilkan cara berkomunikasi. Justeru, budaya dikatakan sebagai sesuatu unsur yang menentukan bagaimana lapisan masyarakat berkomunikasi, berinteraksi serta bertutur. Bahasa mencerminkan budaya (Chi & Hao, 2013). Dalam kajian ini, dikatakan bahawa simpulan bahasa yang berunsur warna telah mencerminkan konotasi budaya kehidupan dan amalan sosial masyarakat Cina.

#### 4.3.1 Analisis pelbagai aspek budaya Cina yang terkandung dalam simpulan bahasa Cina yang berunsur warna

Budaya ialah salah satu aspek yang penting dalam analisis kajian ini. Budaya merupakan suatu komponen yang penting dalam sesebuah masyarakat. Dalam Bab 2, pengkaji telah mengemukakan bahawa budaya ialah *etiket*, 礼仪 (*lǐyí*), iaitu peraturan-peraturan formal mengenai tingkah laku yang betul dan sopan dalam sesebuah masyarakat (Oxford, 1989). Unsur budaya yang terkandung dalam sesetengah simpulan bahasa memenuhi etiket yang sesuai dalam budaya Cina.

Seperti yang dibincangkan dalam Bab 3, 林宝卿 (*Lín Bǎo Qīng*) merupakan seorang pakar budaya Cina yang giat dalam menyelidik budaya Cina terutamanya dalam aspek bahasa dengan budaya. Dalam karya beliau “Bahasa dan Budaya Cina” (《汉语与中国文化》《Hànyǔ Yǔ Zhōngguó Wénhuà》), beliau menfokuskan kajian dengan melihat hubungan budaya Cina dengan aspek-aspek seperti tulisan Cina, perbendaharaan kata Cina, tatabahasa Cina, peribahasa, simpulan bahasa, nama orang, nama tempat, agama dan sebagainya. Mod kajian beliau digambarkan seperti melihat budaya Cina dari sudut pandangan bahasa Cina atau melihat bahasa Cina dari sudut pandangan budaya Cina. Hujah beliau telah membuktikan bahawa sejarah bahasa dan sejarah budaya adalah saling memperkukuh iaitu membantu dan memberi inspirasi antara satu sama lain. Mengikut teori 林宝卿 (*Lín Bǎoqīng*, 2000, p.211), unsur budaya dalam simpulan bahasa boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu :-

- (1) Mencerminkan budaya sejarah masyarakat Cina  
(反映中华民族的历史文化)
- (2) Mencerminkan kebijaksanaan dan pengalaman masyarakat Cina zaman kuno  
(反映古代中华民族的智慧和经验)
- (3) Mencerminkan budaya mental masyarakat Cina zaman kuno  
(反映古代中华民族的心理文化)

- (4) Mencerminkan budaya agama  
(反映佛教文化)
- (5) Mencerminkan budaya yang terselit di antara nama tempat dengan budaya negara China  
(反映地名与中国文化)
- (6) Mencerminkan upacara adat istiadat budaya Cina  
(反映中华文化的礼仪习俗)

Sebelum melanjutkan soalan kajian 3, bilangan simpulan bahasa yang berunsur warna akan dikira dan dianalisis. Analisis data simpulan bahasa yang dikumpul mendapati bahawa unsur budaya yang dibincangkan di atas terkandung dalam beberapa simpulan bahasa yang berunsur warna. Jadual 4.8 menunjukkan simpulan bahasa yang berunsur warna tergolong dalam pelbagai kategori budaya dan bilangannya.

Jadual 4.8 : Simpulan Bahasa dalam Kategori Budaya

No.	Unsur Budaya	Kategori	Contoh
1.	Mencerminkan budaya sejarah masyarakat Cina (反映中华民族的历史文化)	Sejarah Tokoh	压倒元白 (yādǎo yuánbái)
2.	Mencerminkan kebijaksanaan dan pengalaman masyarakat Cina zaman kuno (反映古代中华民族的智慧和经验)	Status/Pangkat Masyarakat	白衣秀士 (báiyī xiùshì) 白屋寒门 (báiwū hánmén) 金枝玉叶 (jīnzhī yùyè) 金玉满堂 (jīnyù mǎntáng) 金声玉振 (jīnshēng yùzhèn) 玉振金声 (yùzhèn jīnshēng) 拖紫垂青 (tuōzǐ chuíqīng)
		Pencapaian dalam Bidang Kesenian	阳春白雪 (yángchūn báixuě) 金鸡独立 (jīnjī dúlì) 黄钟大吕 (huángzhōng dàlǚ)



		Kebijaksanaan dan Kejayaan	青云直上 <i>(qīngyún zhíshàng)</i> 青史传名 <i>(qīngshǐ chuánmíng)</i> 青史留名 <i>(qīngshǐ liú míng)</i> 青史流芳 <i>(qīngshǐ liú fāng)</i> 青霄直上 <i>(qīngxiāo zhíshàng)</i> 平地青云 <i>(píngdì qīngyún)</i> 平步青云 <i>(píngbù qīngyún)</i> 名垂青史 <i>(míngchuí qīngshǐ)</i> 直上青云 <i>(zhíshàng qīngyún)</i> 永垂青史 <i>(yǒngchuí qīngshǐ)</i> 名标青史 <i>(míngbiāo qīngshǐ)</i> 青出于蓝 <i>(qīng chūyú lán)</i> 螳螂黄雀 <i>(tángláng huáng què)</i>
3.	Mencerminkan budaya mental masyarakat Cina zaman kuno (反映古代中华民族的心理文化)	Konsep Etika dan Moral  (a) Pembentukan Sahsiah        (b) Hubungan Kekeluargaan (Teras Pemikiran Konfusianisme )	襟怀坦白 <i>(jīn huái tǎnbái)</i> 胸怀坦白 <i>(xiōnghuái tǎnbái)</i> 拾金不昧 <i>(shíjīn bùmèi)</i> 千金一诺 <i>(qiānjīn yī nuò)</i> 一诺千金 <i>(yī nuò qiānjīn)</i> 黄花晚节 <i>(huánghuā wǎnjié)</i> 晚节黄花 <i>(wǎnjié huánghuā)</i>  白头到老 <i>(báitóu dào lǎo)</i> 白头偕老 <i>(báitóu xiélǎo)</i>

			白首偕老 ( <i>báishǒu xiélǎo</i> )
		(c)Sistem hubungan Persahabatan	管鲍分金 ( <i>guǎnbào fēn jīn</i> ) 金兰之契 ( <i>jīnlán zhī qì</i> ) 金兰之谊 ( <i>jīnlán zhī yì</i> )
		Ketekunan dan Kegigihan	白手成家 ( <i>báishǒu chéngjiā</i> ) 白手起家 ( <i>báishǒu qǐjiā</i> )
4.	Mencerminkan budaya agama (反映佛教文化)	Agama	看破红尘 ( <i>kànpò hóngchén</i> )
5.	Mencerminkan budaya yang terselit di antara nama tempat dengan budaya Negara Cina (反映地名与中国文化)	Nama tempat	白山黑水 ( <i>báishān hēishuǐ</i> ) 金马碧鸡 ( <i>jīnmǎ bìjī</i> ) 碧鸡金马 ( <i>bìjī jīnmǎ</i> )
6.	Mencerminkan upacara adat istiadat budaya Cina (反映中华文化的礼仪习俗)	Upacara	红白喜事 ( <i>hóngbái xǐshì</i> ) 素车白马 ( <i>sùchē báimǎ</i> ) 黄道吉日 ( <i>huángdào jíri</i> )
<b>JUMLAH</b>			<b>46</b>

Pengkaji mendapati bahawa, daripada sejumlah 241 simpulan bahasa yang dikumpul dalam kajian ini, terdapat 46 simpulan bahasa mengandungi unsur-unsur budaya Cina. Analisis data tentang unsur budaya yang terkandung dalam simpulan bahasa adalah seperti berikut :

#### 4.3.1.1 Mencerminkan budaya sejarah masyarakat Cina (反映中华民族的历史文化)

Negara China telah mengharungi banyak dinasti dan amat bersejarah. Dalam proses perkembangan masyarakat, sejarah telah meninggalkan warisan budaya yang cemerlang. Kesemua warisan budaya dan bahan-bahan kuno ini telah mencatatkan peristiwa-peristiwa sejarah dan tutur kata tokoh sejarah. Kebanyakan simpulan bahasa ialah warisan budaya sejarah. Ia dilahirkan dalam bahasa Cina purba.

##### 4.3.1.1.1 Sejarah tokoh

Melalui simpulan bahasa, kita dapat meneliti ciri-ciri budaya sejarah Cina. Sebagai contoh, dalam simpulan bahasa 压倒元白 (*yādǎo yuánbái*), 元 (*yuán*) ialah nama 元镇 (*Yuán Zhèn*) manakala 白 (*bái*) ialah nama 白居易 (*Bái Jū Yi*). Kedua-dua tokoh merupakan penyair yang terkenal pada zaman dinasti Tang. Sumber adalah daripada Wu Dai·*Wang Ding Bao* dalam karya yang bertajuk “Tang Zhi Yan·Ci En Si Ti Ming You Shang Fu Yong Za Ji” iaitu 五代·王定保《唐摭言·慈恩寺题名游赏赋咏杂记》卷三：“时元、白俱在，皆赋诗于席上。唯刑部杨汝士侍郎后成。元、白览之失色。……汝士其日大醉，归谓子弟曰：‘我今日压倒元、白。’” 杨嗣复 (*Yáng Sī Fù*) mengadakan kenduri di rumah. Penyair 元镇 (*Yuán Zhèn*) dan 白居易 (*Bái Jū Yi*) menghadiri kenduri itu. Apabila para tetamu sedang bersyair, 杨汝士 (*Yáng Rǔ Shì*) pula melengkapkan syairnya pada saat akhir. 元镇 (*Yuán Zhèn*) dan 白居易 (*Bái Jū Yi*) berasa terkejut manakala 杨汝士 (*Yáng Rǔ Shì*) pula berasa amat gembira. 杨汝士 (*Yáng Rǔ Shì*) mabuk sewaktu balik dan memberitahu kanak-kanak bahawa dia telah bersyair lebih cemerlang daripada penyair-penyair yang terkenal. Justeru, 压倒元白 (*yādǎo yuánbái*) menggambarkan puisi atau prosa yang lebih baik daripada karya penyair yang terkenal pada zaman yang sama.

Putih (*Bái*) di sini bertindak sebagai nama keluarga. Sejarah asal-usul nama keluarga *Bái* berasal daripada seorang menteri dari *Yándì* yang bernama *Bái Fù*. *Bái Fù* merupakan seorang ahli dalam bidang pertanian dan menjadi keturunan orang *Bái*. Beliau telah memberikan sumbangan besar dalam mengatur sistem pengaliran air sungai. Pengiringnya kemudian menggunakan *Bái* sebagai nama keluarga.

Tokoh-tokoh sejarah yang berkeluarga *Bái* termasuklah *Bái Qǐ*, *Bái Jū Yì*, *Bái Rén Fǔ*. *Bái Qǐ* ialah jeneral yang terkenal di Negara Qin manakala *Bái Rén Fǔ* ialah seorang penulis drama dinasti Yuan. *Bái Jū Yì* pula ialah nama penyair yang disebut dalam simpulan bahasa *Yādǎo Yuánbái* (*yādǎo yuánbái*) di mana *bái* merujuk kepada penyair tersebut. Menurut Li (2009), nama keluarga merujuk kepada asal usul keturunan seseorang manakala Xu (2004) mengatakan nama keluarga orang Cina mengandungi rekod sejarah yang lama. Nama keluarga orang Cina dipercayai bermula pada zaman masyarakat matriarki (Chong, 2014, p.92).

#### **4.3.1.2 Mencerminkan kebijaksanaan dan pengalaman masyarakat Cina zaman kuno (反映古代中华民族的智慧和经验)**

Simpulan bahasa merupakan intipati hasil daripada kebijaksanaan orang Cina yang mencorakkan pengalaman kehidupan di sepanjang hayat. Ia merangkumi pengetahuan dan pengalaman dalam pelbagai aspek seperti politik, tentera, sains, kesenian, pengeluaran, kehidupan dan lain-lain lagi. Simpul bahasa telah memaparkan kepintaran orang Cina dengan memberi inspirasi kepada generasi baru.

Pada masa yang sama, sesetengah simpulan bahasa juga membangkitkan pengalaman sosial yang berlainan dari perspektif status dan pangkat.

#### 4.3.1.2.1 Status/pangkat masyarakat

Simpulan bahasa yang memaparkan kedudukan sosial ditunjukkan melalui *白衣秀士* (*báiyī xiùshì*) dan *白屋寒门* (*báiwū hánmén*). *白衣秀士* (*báiyī xiùshì*) dicatat oleh *马致远* (*Mǎ Zhì Yuǎn*) dalam “Yue Yang Lou” iaitu 《岳阳楼》第二折: “休道他至如吕巖，当初是个白衣秀士、未遇书生，上朝求官，在邯郸道王化店，遇着钟离师父，再三点化，纔得成仙了道 (Dia kelihatan seperti Lu Yan, merupakan seorang rakyat biasa yang tiada pencapaian pada asalnya, belum bertemu dengan cendekiawan, meminta jawatan pegawai, bertemu dengan pengajar di kedai, telah berilmiah selepas dididik).” *白屋寒门* (*báiwū hánmén*) pula dicatat oleh *高文秀* (*Gāo Xiù Wén*) dalam “Sui Fan Shu” iaitu 《碎范叔》第三折: “未亨通，遭穷困，身居在白屋寒门 (Belum menjadi kaya, berkeadaan miskin, tinggal di rumah biasa golongan miskin).”

Warna membezakan status atau pangkat seseorang. *白衣* (*báiyī*) dalam *白衣秀士* (*báiyī xiùshì*) ialah baju putih yang dipakai oleh rakyat biasa. *白衣* (*báiyī*) merujuk kepada rakyat biasa yang tiada pencapaian. *白屋* (*báiwū*) pula merujuk kepada rumah yang ditinggal oleh golongan miskin atau pelajar yang masih belum berjawatan. Sehubungan dengan itu, *白衣秀士* (*báiyī xiùshì*) dan *白屋寒门* (*báiwū hánmén*) ialah simpulan bahasa yang menunjukkan budaya kelas sosial masyarakat yang rendah pada zaman dahulu.

金 (*jīn*) dalam simpulan bahasa 金枝玉叶 (*jīnzhī yùyè*) juga membawa lambang yang sama. 金枝玉叶 (*jīnzhī yùyè*) tercatat dalam “Gu Jin Zhu · Yu Fu” iaitu 《古今注·輿服》：“与蚩尤战于涿鹿之野，常有五色云气金枝玉叶止于帝上 (Berperang dengan Chi You di gurun, selalu disertai oleh golongan diraja)” dan “Gong Zhong Tiao Xiao” iaitu 《宫中调笑》词：“胡蝶、胡蝶，飞上金枝玉叶 (Rama-rama berterbangan ke atas ranting pokok).” 枝 (*zhī*) dan 叶 (*yè*) secara literal bermakna ranting pokok dan dedaun. Emas di sini melambangkan nilai yang tinggi. 金枝玉叶 (*jīnzhī yùyè*) bermaksud pokok bunga yang sempurna. Maksud ini dilanjutkan dengan menunjukkan seseorang berketurunan kerabat diraja. Maksud ini diperluas lagi kepada identiti seseorang yang amat berharga, berpangkat dengan kelahiran yang mulia.

Emas, 金 (*jīn*) melambangkan kekayaan. 金玉满堂 (*jīnyù mǎntáng*) tercatat dalam “Lao Zi” iaitu 《老子》第九章：“金玉满堂，莫之能守 (Harta benda memenuhi dewan, susah dikawal)” menggambarkan status kekayaan seseorang di mana harta benda yang terlampau banyak telah memenuhi seluruh dewan. Simpulan bahasa ini juga menunjukkan seseorang yang amat berpengetahuan.

金声玉振 (*jīnshēng yùzhèn*) dan 玉振金声 (*yùzhèn jīnshēng*) tercatat dalam “Meng Zi · Wan Zhang Xia” iaitu 《孟子·万章下》：“集大成也者，金声而玉振之也 (Alat-alat muzik dikumpulkan untuk menghasilkan irama yang harmoni).” 孟子 (*Mèng Zi*) memuji 孔子 (*Kǒng Zi*) dengan mengatakan beliau bukan sahaja berbakat malahan berakhlak mulia. 孔子 (*Kǒng Zi*) dipuji melalui bakat beliau semasa bermain muzik. Beliau memukul loceng 金钟 (*jīnzhōng*) untuk mengeluarkan bunyi pada mulanya dan mengakhiri dengan alat muzik “Yu Qing” iaitu 玉磬 (*yùqìng*). Dalam kata lain, beliau

menggunakan 金钟 (*jīnzhōng*) sebagai vokalisasi permulaan manakala 玉磬 (*yùqìng*) digunakan sebagai pengakhiran irama. Permulaan ini berasal daripada usaha kebijaksanaan dan penutup ialah usaha akhlak. 金声玉振 (*jīnshēng yùzhèn*) dan 玉振金声 (*yùzhèn jīnshēng*) menerangkan reputasi atau status seseorang meningkat hasil daripada ilmu pengetahuan yang kaya.

拖紫垂青 (*tuōzǐ chuíqīng*) tercatat dalam “Xu Gu Wen Yuan · Da Sui Che Qi Mi Shu Lang Zhang Jun Zhi Ming” iaitu 《续古文苑·大隋车骑秘书郎张君之铭》：“昔年慷慨，拖紫垂青 (Dahulu bermurah hati, menjadi pegawai berjawatan tinggi)” mengatakan pembesar-pembesar (诸侯 *zhūhóu*) pada dinasti Han memakai reben warna ungu manakala pegawai rasmi (公卿 *gōngqīng*) memakai reben hijau. 拖紫垂青 (*tuōzǐ chuíqīng*) menunjukkan pegawai berjawatan tinggi.

Melalui penghuraian tentang warna putih dan emas di atas, pengkaji dapat meneliti pengalaman masyarakat Cina zaman dahulu dari aspek perbezaan status yang dicerminkan melalui simpulan bahasa berkenaan.

#### 4.3.1.2.2 Pencapaian dalam bidang kesenian

Kebijaksanaan orang Cina telah tertonjol dalam bidang kesenian. Dalam budaya Cina, kesenian dikatakan sebagai permata budaya yang membawa warisan budaya tradisional dan mengembangkan karakter nasional. Kesenian Cina berhubung rapat dengan keindahan dan keharmonian antara manusia dengan alam. Orang Cina telah menikmati hidup melalui kesenian mereka sejak beberapa ribu tahun yang lalu.

Dalam budaya kesenian, 阳春白雪 (*yángchūn báixuě*) merupakan tajuk bagi sebuah muzik klasik pada zaman Zhanguo, iaitu sejenis kesenian yang angkuh dan bermutu tinggi. 阳春白雪 (*yángchūn báixuě*) dicatat oleh 宋玉 (*Sòng Yù*) dalam “Dui Chu Wang Wen” iaitu 《对楚王问》：“其为《阳春》、《白雪》，国中属而和者不过数十人而已。” Ini mengatakan bahawa apabila seorang menyanyikan lagu 阳春白雪 (*yángchūn báixuě*), hanya sebilangan orang sahaja tahu menyanyi lagu tersebut. Keadaan ini menunjukkan lagu yang bermutu tinggi dan susah dipelajari.

阳春白雪 (*yángchūn báixuě*) ialah tajuk bagi karya Pi Pa, 琵琶 (*pípá*). Ciri-ciri teknik dan gaya persembahan diperhatikan melalui aplikasi secara bersepadu dengan instrumen Pi Pa. 阳春白雪 (*yángchūn báixuě*) ialah lagu rakyat iaitu 民歌 (*míngē*) yang menggambarkan suasana musim sejuk ke musim bunga yang cantik dan maju dalam kesenian dan kesusasteraan.

金鸡独立 (*jīnjī dúlì*) dicatat oleh 李汝珍 (*Lǐ Rǔzhēn*) pada dinasti Qing dalam “Jing Hua Yuan” iaitu 《镜花缘》第七十四回：“我是‘金鸡独立’，要一足微长 (Saya ialah postur Wushu, perlukan panjangnya satu kaki).” 金鸡独立 (*jīnjī dúlì*) ialah sejenis postur Wushu di mana seseorang berdiri dengan satu kaki sahaja seperti ayam. Wushu dalam Mandarin dikenali sebagai 武术 (*Wǔshù*) diertikan sebagai seni mempertahankan diri yang berkembang di Cina beribu-ribu tahun yang lalu. Seni bela diri ini muncul akibat daripada masyarakat yang menghadapi serangan binatang semasa mencari makanan. 武术 (*Wǔshù*) diiktiraf sebagai seni purba Cina yang mendisiplinkan diri dan minda seseorang.



黄钟大吕 (*huángzhōng dàlǚ*) tercatat dalam “Zhou Li Zhu Shu” iaitu 《周礼注疏》卷二十二〈春官宗伯·大司乐〉：“乃奏黄钟，歌大吕，舞云门，以祀天神 (Instrumen muzik huang zhong, lagu da lü, persembahan tarian untuk menyembah dewa).” 黄钟 (*huángzhōng*) ialah sejenis alat muzik di China. 黄钟大吕 (*huángzhōng dàlǚ*) digambarkan sebagai muzik atau artikulasi yang mulia dalam bidang seni.

Pengkaji mendapati bahawa frasa-frasa 白雪 (*báixuě*), 金鸡 (*jīnjī*) dan 黄钟 (*huángzhōng*) merupakan nama yang mewakili sesuatu. Karakter-karakter warna ini gagal membentuk kata nama sekiranya tiada gabungan kata. 白雪 (*báixuě*) dilihat melalui 阳春白雪 (*yángchūn báixuě*) iaitu tajuk lagu. 金鸡 (*jīnjī*) diperhatikan dalam simpulan bahasa 金鸡独立 (*jīnjī dúlì*) iaitu sejenis postur Wushu manakala 黄钟 (*huángzhōng*) pula dilihat melalui 黄钟大吕 (*huángzhōng dàlǚ*) yang menunjukkan nama alat muzik. Kesenian budaya Cina ini masih dikekalkan sehingga hari ini.

#### 4.3.1.2.3 Kebijaksanaan dan kejayaan

Kebijaksanaan orang Cina disampaikan melalui simpulan bahasa mencerminkan realiti dan nilai hidup. Simpulan bahasa bukan sahaja memaparkan kepintaran orang Cina, malahan sanggup memberi inspirasi kepada generasi baru. Pembentukan buku sejarah iaitu 青史 (*qīngshǐ*) telah menonjolkan kebijaksanaan orang zaman dahulu. Simpulan bahasa ialah seperti 青史传名 (*qīngshǐ chuánmíng*), 青史留名 (*qīngshǐ liúmíng*), 青史流芳 (*qīngshǐ liúfāng*), 名垂青史 (*míngchuí qīngshǐ*), 永垂青史 (*yǒngchuí qīngshǐ*) dan 名标青史 (*míngbiāo qīngshǐ*). Makna keseluruhan menunjukkan reputasi yang baik atau perbuatan yang mulia dikekalkan dan diingati selama-lamanya dalam sejarah.

青 (*qīng*) dalam 青史 *qīngshǐ* dirujuk sebagai buluh manakala 史 (*shǐ*) pula ialah catatan sejarah. Buku sejarah dipanggil 青史 *qīngshǐ*. Permukaan buluh mempunyai satu lapisan buluh hijau yang mengandungi air. Jadi, buluh susah untuk diukir perkataan. Maka, orang zaman dahulu menggunakan kepintaran mereka dengan memanggang buluh itu di atas api. Mereka berjaya mengukir huruf pada buluh selepas buluh itu dipanggang. Sejak itu, langkah ini dipanggil “sha qing”, 杀青 (*shāqīng*), juga dikenali sebagai “han qing”, 汗青 (*hànqīng*). Makna 汗青 (*hànqīng*) kemudian diperluas kepada buku sejarah. Dengan ini, buku sejarah dipanggil 青史 *qīngshǐ*.

Simpulan bahasa 青霄直上 (*qīngxiāo zhishàng*), 青云直上 (*qīngyún zhishàng*), 直上青云 (*zhishàng qīngyún*), 平地青云 (*píngdì qīngyún*) dan 平步青云 (*píngbù qīngyún*) bermaksud seseorang menuju ke arah langit dan terus meningkat. Ini menerangkan kejayaan seseorang dalam kenaikan pangkat dengan mencerminkan semangat peningkatan.

Simpulan bahasa 螳螂黄雀 (*tángláng huángquè*) menunjukkan seseorang mementingkan faedah tetapi tidak mepedulikan malapetaka yang akan melanda. 螳螂 (*tángláng*) telah berjaya menangkap cengkerik tetapi tidak menyedari bahawa 黄雀 (*huángquè*) sedang berada di belakangnya dan bersedia untuk mematuknya. Keadaan ini menggambarkan seseorang yang berpandangan pendek. Seseorang itu merancang untuk menganiayai orang lain tetapi tidak menyedari bahawa terdapat pihak lain sedang berkomplot terhadapnya. Simpulan bahasa ini tercatat dalam “Wu Yue Chun Qiu” iaitu 《吴越春秋》：螳螂捕蝉，志在有利，不知黄雀在后啄之 (Belalang menangkap cengkerik, ia ingat telah beruntung, tidak tahu burung kuning mematuknya dari

belakang). Simpulan bahasa ini menjelaskan keadaan di mana makhluk saling menghadap dan bergantung antara satu sama lain. Ini telah mendedahkan kebijaksanaan manusia dalam implimentasi penggunaan sumber biologi serta langkah-langkah mengawal keseimbangan ekologi (Lin, 2000, p.213).

Pada zaman dahulu, perkataan hijau juga merujuk kepada warna biru. Penulis simpulan bahasa 青出于蓝 (*qīng chūyú lán*) iaitu Xun Zi (荀子 *Xún Zi*) menggambarkan sesuatu keadaan di mana pelajar lebih handal daripada guru hasil daripada usaha yang gigih. Dalam kata lain, generasi muda lebih berpotensi daripada generasi tua. Ini menggambarkan kebijaksanaan generasi muda. 青出于蓝 (*qīng chūyú lán*) dicatat oleh 荀子 (*Xún Zi*) dalam “Xun Zi·Quan Xue” iaitu 《荀子·劝学》：“青，取之于蓝，而青于蓝 (Indigo, diesktrak daripada biru, lebih hijau daripada biru).”

#### **4.3.1.3 Mencerminkan budaya mental masyarakat Cina zaman kuno (反映古代中华民族的心理文化)**

Pemikiran falsafah klasik (古典哲学思想 *gǔdiǎn zhéxué sīxiǎng*) merupakan salah satu budaya Cina. Ramai orang merujuknya sebagai ajaran Konfusianisme. Dalam simpulan bahasa, sesetengah pemikiran Konfusianisme diterap dan menghasilkan simpulan bahasa yang mencerminkan budaya mental orang Cina (Lin, 2000, p. 213). Budaya mental (心理文化 *xīnlǐ wénhuà*) dibahagikan kepada beberapa kategori seperti konsep etika dan moral (伦理道德观念 *lúnlǐ dàodé guānniàn*); ketekunan dan kegigihan (勤劳朴素、刻苦进取 *qín láo pǔ sù、kè kǔ jìn qǔ*); konsep bersama (群体观念 *qúntǐ guānniàn*) (Lin, 2000, p. 214).

#### 4.3.1.3.1 Konsep etika dan moral

##### 4.3.1.3.1 (a) Pembentukan sahsiah

Masyarakat Cina sejak awal lagi amat mengutamakan pembentukan etika dan moral. Salah satu nilai murni ialah bersifat terus-terang untuk menunjukkan keikhlasan dan berkelakuan jujur. Contohnya 襟怀坦白 (*jīnhuái tǎnbái*), 胸怀坦白 (*xiōnghuái tǎnbái*) dan 拾金不昧 (*shíjīn bùmèi*).

襟怀坦白 (*jīnhuái tǎnbái*) bermaksud jelas dan berterus-terang, tidak menyembunyikan sesuatu dan bersifat ikhlas. Simpulan bahasa ini dicatat oleh 王火 (*Wáng Huǒ*), tercatat dalam “Zhan Zheng Yu Ren” iaitu 《战争和人》(二) 卷二: “他爽朗而窘迫地笑了, 却襟怀坦白, 虽然脸上有红晕 (Dia senyum dengan paksa tetapi jujur, walaupun pipi kemerahan).”

胸怀坦白 (*xiōnghuái tǎnbái*) juga menunjukkan seseorang yang berterus-terang. Simpulan bahasa ini dicatat oleh 吴敬梓 (*Wú Jìng Zǐ*) dalam “Ru Lin Wai Shi” iaitu 《儒林外史》第 48 回: 到任之后, 会见大先生胸怀坦白, 言语爽利, 这些秀才们, 本不来会的, 也要来会会, 人人自以为得明师 (Selepas memegang jawatan, encik bersikap jujur, ucapan berterus-terang, anak-anak buah pada asalnya yang enggan hadir akan juga hadir, orang ramai menganggap mereka mendapat seorang pendidik yang cemerlang).

Putih (*bái*) dalam simpulan bahasa 襟怀坦白 (*jīnhuái tǎnbái*) dan 胸怀坦白 (*xiōnghuái tǎnbái*) tidak bertindak sebagai kata adjektif warna tetapi menunjukkan jelas atau berterus-terang selepas dikolokasi dengan 坦 (*tǎn*). Dalam bahasa Cina, warna

putih (白 *bái*) ialah warna cahaya matahari (Fan, 2010). Nenek moyang mendapati bahawa warna putih kelihatan paling terserlah semasa matahari bersinar. Maka, waktu siang juga bermaksud hari putih dalam konteks bahasa Cina. Dengan ini, maksud putih diperluas kepada maksud jelas dan terang. 坦白 (*tǎnbái*) ialah berterus-terang. 襟怀坦白 (*jīnhuái tǎnbái*) dan 胸怀坦白 (*xiōnghuái tǎnbái*) membawa maksud yang lebih kurang sama iaitu minda yang jelas, berterus-terang tanpa menyembunyikan sesuatu. Huraian tentang putih (白 *bái*) adalah sama sejak dahulu. Simpulan bahasa berunsur 白 (*bái*) yang dibincangkan di atas masih dikekalkan dalam masyarakat Cina.

拾金不昧 (*shíjīn bùmèi*) pula bermaksud seseorang yang bersikap jujur iaitu tidak menyembunyikan wang atau barangan yang berharga ketika menjumpainya. Simpulan bahasa ini dicatat oleh 李绿园 (*Lǐ Lǜ Yuán*) dalam “Qi Lu Ren” iaitu 《歧路灯》：“把家人名分扯倒；又表拾金不昧 (Merosakkan nama keluarga, malahan menunjukkan sikap jujur iaitu tidak menyembunyikan sesuatu).”

Selain kejujuran, masyarakat dahulu juga mementingkan toleransi, disiplin diri, hormat-menghormati, bersopan santun, menunaikan janji, ketaatan dan kesetiaan dan sebagainya dalam pembentukan etika dan moral. Konsep disiplin diri dirujuk melalui simpulan bahasa 黄花晚节 (*huánghuā wǎnjié*) dan 晚节黄花 (*wǎnjié huánghuā*) yang mengatakan seseorang berakhlak mulia dan sanggup mengekalkan kesuciannya sehingga tua. Simpulan bahasa ini dicatat oleh 韩琦 (*Hán Qí*) dalam puisi “Jiu Ri Xiao Ge” iaitu 《九日小阁》：“莫嫌老圃秋容淡，且看寒花晚节香 (Jangan biarkan cahaya musim luruh menjadi tawar, memelihara keharuman bunga sehingga akhirat).”

千金一诺 (*qiānjīn yī nuò*) dan 一诺千金 (*yī nuò qiānjīn*) tercatat dalam “Zhi Ji Bu Luan Bu Lie Zhuan” iaitu 《史记·季布栾布列传》：“得黄金百斤，不如得季布一诺 (Memperoleh beratus-ratus gram emas seperti janji dapat ditunaikan).” Simpulan bahasa ini bermaksud janji yang ditunaikan amat bernilai. Seseorang yang bersikap amanah akan menunaikan janji. Ini merupakan nilai kebudayaan antara manusia tidak kira apa-apa bidang yang diceburi.

金 (*jīn*) dalam simpulan bahasa 拾金不昧 (*shíjīn bùmèi*), 千金一诺 (*qiānjīn yī nuò*) dan 一诺千金 (*yī nuò qiānjīn*) dirujuk sebagai sesuatu yang amat bernilai. Ia dapat menonjolkan erti kata walaupun tidak digabung dengan kata di sebelahnya. 拾金不昧 (*shíjīn bùmèi*) menjelaskan kejujuran iaitu tidak menyembunyikan sesuatu yang bernilai ketika menjumpainya. 千金一诺 (*qiānjīn yī nuò*) dan 一诺千金 (*yī nuò qiānjīn*) pula bermaksud janji yang ditunaikan barulah bernilai. Seseorang yang bersikap amanah akan menunaikan janji. Ini merupakan nilai etika dalam budaya Cina. Nilai murni yang disampaikan melalui simpulan bahasa ini masih diaplikasi sehingga hari ini.

黄 (*huáng*) dikolokasi dengan 花 (*huā*) dan membentuk 黄花 (*huánghuā*). Secara literal, 黄花 (*huánghuā*) bermaksud bunga kuning, iaitu bunga kekwa. Selepas mengalami perubahan semantik, 黄花 (*huánghuā*) bertindak sebagai anak dara dalam simpulan bahasa 黄花晚节 (*huánghuā wǎnjié*) dan 晚节黄花 (*wǎnjié huánghuā*). Perempuan yang berakhlak mulia dan sanggup mengekalkan kesuciannya sehingga tua digambarkan melalui simpulan bahasa tersebut. Dalam budaya Cina, pembentukan etika dan moral juga dipapar melalui disiplin ini.

#### 4.3.1.3.1 (b) Hubungan kekeluargaan (Teras Pemikiran Konfusianisme)

Menurut Song (2012), dalam budaya tradisional Cina, orang Cina amat mementingkan perkahwinan dan dinasihati supaya mewarisi sistem kekeluargaan yang baik. Ini juga merupakan ajaran daripada nenek moyang. Jadi, perkahwinan adalah suatu komitmen bukan sahaja bagi kedua-dua suami dan isteri bahkan juga masyarakat dan keluarga. *白头到老 (báitóu dào lǎo)*, *白头偕老 (báitóu xié lǎo)* dan *白首偕老 (báishǒu xié lǎo)* mengatakan hubungan suami isteri yang baik, menggambarkan perkahwinan yang bahagia sehingga tua. *白头偕老 (báitóu xié lǎo)* dicatat oleh penulis dinasti Ming, 陆采 (Lù Cǎi) dalam karya “Huai Xiang Ji Feng Zhao Ban Shi” iaitu 《怀香记奉诏班师》：“孩儿，我与你母亲白头偕老，报告宝贵双全” mengatakan watak bersama ibu kepada anaknya hidup bersama sehingga tua.

Putih (白 *bái*) dikolokasi dengan kepala (头 *tóu*) dan (首 *shǒu*) kemudian membentuk frasa *白头 (báitóu)* dan *白首 (báishǒu)*. 白 (*bái*) bertindak sebagai kata adjektif yang menggambarkan warna rambut. Frasa *白头 (báitóu)* dan *白首 (báishǒu)* hanya menunjukkan rambut yang berwarna putih dan tidak mengandungi unsur budaya. Maknanya diperluas apabila diaplikasi dalam simpulan bahasa *白头到老 (báitóu dào lǎo)*, *白头偕老 (báitóu xié lǎo)* dan *白首偕老 (báishǒu xié lǎo)* yang masing-masing bermaksud hubungan perkahwinan yang kekal, hidup bersama sehingga tua. Dalam budaya Cina, orang Cina amat mementingkan hubungan kekeluargaan seperti mana yang diterapkan dalam ajaran Konfusianisme. Budaya ini masih dikekalkan sehingga hari ini.

#### 4.3.1.3.1 (c) Sistem hubungan persahabatan

Dalam hubungan persahabatan, kita boleh lihat melalui simpulan bahasa seperti 管鲍分金 (*guǎnbào fēn jīn*). 管鲍分金 (*guǎnbào fēn jīn*) dicatat dalam karya 司马迁 (*Sī Mǎ Qiān*) yang berjudul “Shi Ji · Guan Yan Lie Zhuan” 《史记·管晏列传》：“管仲曰：‘吾始困时，尝与鲍叔贾，分财利多自与，鲍叔不以我为贪，知我贫也。’” 管仲 (*Guǎn Zhòng*) berkata：“Saya amat miskin pada mulanya, pernah berniaga dengan 鲍叔 (*Bào Shū*). Apabila membahagikan wang, *Bào Shū* memberi lebih kepada saya dan *Bào Shū* tidak menganggap saya seorang yang tamak kerana dia tahu saya miskin.” Ini menjelaskan hubungan persahabatan yang baik antara 管仲 (*Guǎn Zhòng*) dan 鲍叔 (*Bào Shū*).

Luk (2013) mengatakan emas mewakili wang. Emas ialah nama secara kolektif bagi logam. Dalam simpulan bahasa 管鲍分金 (*guǎnbào fēn jīn*), 分 (*fēn*) bermaksud bahagi manakala 金 (*jīn*) bermaksud wang. 鲍叔 (*Bào Shū*) sanggup membahagikan wang yang lebih kepada 管仲 (*Guǎn Zhòng*) dan sendiri menerima bahagian yang lebih kecil. 鲍叔 (*Bào Shū*) menganggap persahabatan adalah lebih penting dan tidak dapat diukur oleh nilai wang.

金兰之契 (*jīnlán zhī qì*) dan 金兰之谊 (*jīnlán zhī yì*) juga menunjukkan hubungan persahabatan yang sangat baik. Pada dinasti Song, 刘义庆 (*Liú Yì Qìng*) dalam karyanya yang bertajuk “Shi Shuo Xin Yu · Xian Yuan” iaitu 《世说新语·贤媛》 mengatakan 山公与嵇阮一面，契若金兰 (Shan Gong dan Ji Ruan bertemu, persahabatan yang baik) menerangkan persahabatan yang mendalam. 金兰 (*jīnlán*)



ialah frasa yang menunjukkan persahabatan baik. Kemudian, maksud ini dinaikkan taraf daripada kawan baik menjadi adik-beradik setelah mengangkat sumpah.

#### 4.3.1.3.2 Ketekunan dan kegigihan

Orang Cina sejak awal lagi telah mengekalkan tradisi yang baik iaitu berusaha dengan gigih dan tekun. Masyarakat Cina tetap berusaha demi memanfaatkan generasi yang akan datang (Lin, 2000, p. 214). *白手起家 (báishǒu qǐjiā)* dan *白手成家 (báishǒu chéngjiā)* menerangkan usaha menubuhkan perniagaan keluarga atau kerjaya dengan tangan yang kosong atau tidak berilmu. Semangat kegigihan ini mencerminkan budaya mental yang dibawa oleh konsep pahit dahulu manis kemudian (*先苦后甜 xiānkǔ hòutián*). Tradisi budaya Cina selalu menegaskan ketekunan dan kegigihan iaitu berusaha dengan penuh gigih, tekun dan sabar untuk mengharungi segala dugaan sehingga berjaya pada suatu hari nanti.

#### 4.3.1.4 Mencerminkan budaya agama (反映佛教文化)

##### 4.3.1.4.1 Agama

Fahaman agama, ideologi dan adat resam mempengaruhi budaya sesebuah masyarakat (Lin, 2000, p. 217). Agama Buddha menekankan penghapusan nafsu kerana hal ini dikatakan sebagai punca kegelisahan dan keresahan. Simpulan bahasa *看破红尘 (kànpò hóngchén)* sesuai dalam konteks ini yang bermaksud perasaan kecewa terhadap dunia yang penuh dengan hawa nafsu. *看破红尘 (kànpò hóngchén)* dicatat oleh *李汝珍 (Lǐ Rǔ Zhēn)* pada dinasti Qing dalam “Jing Hua Yuan” iaitu 《镜花缘》第43回：“看这话头，他明明看破红尘，贪图仙景，任俺寻找，总不出来 (Menurut hujah ini, dia tidak lagi mengejar kehidupan yang dipenuhi hawa nafsu, bersifat tamak, mencari di

mana-mana sahaja tetapi masih tidak muncul)". Ahli sejarah 班固 (*Bān Gù*) dalam 《西都赋》 melihat “红尘 (*hóngchén*)” sebagai habuk yang berwarna merah. “红尘 (*hóngchén*)” ialah duniawi di mana manusia asyik mengejar segala godaan sehingga terjerumus ke dalam kehidupan yang penuh dengan nafsu.

Menurut kamus 古今汉语词典 (*Gūjīn Hànyǔ Cídiǎn*), “红尘 (*hóngchén*)” ialah duniawi yang dinyatakan oleh agama Buddha dan Taoisme (p.575). Dalam budaya agama, sami dikategorikan sebagai golongan yang mengamalkan pertapaan dan sanggup melepaskan segala yang ada di dunia ini termasuk gelaran, status, kemasyhuran, kekayaan, perasaan, godaan, nafsu dan juga keluarga. Seseorang sami mesti berfikiran suci dan selalu bersih dari segi mental dan emosi. Sami boleh digambarkan melalui simpulan bahasa 看破红尘 (*kànpò hóngchén*) yang dikatakan sebagai suatu tahap yang amat mulia yang tidak dapat dicapai oleh manusia biasa. Didapati bahawa 红 (*hóng*) di sini tidak menunjukkan warna merah selepas berlaku gabungan kata dengan 尘 (*chén*).

#### **4.3.1.5 Mencerminkan budaya yang terselit di antara nama tempat dengan budaya negara China (反映地名与中国文化)**

##### **4.3.1.5.1 Nama tempat**

Nama atau nama tempat merupakan suatu aspek budaya yang penting dalam masyarakat Cina. Sesuatu nama tempat dapat menonjolkan ciri-ciri kemunculan, rupa bentuk, budaya sosial, budaya sejarah dan sebagainya (Lin, 2000, p. 258).

Nama tempat ialah “produk” kepada budaya (Wang, 2008). Tempat kelahiran Manchu (满族 *Mǎnzú*) di sekitar 白山黑水 (*báishān hēishuǐ*) menggambarkan ciri-ciri geografi, menunjukkan sumber-sumber semula jadi, menunjukkan corak kehidupan

sosial, mencerminkan pengeluaran ekonomi, menghebahkan semangat beragama, memaparkan adat resam, menerangkan pengedaran penghijrahan, merakamkan peristiwa sejarah dan mencetuskan perubahan bahasa. Kesemua ini merupakan warisan budaya sejarah yang amat berharga kepada Manchu (满族 Mǎnzú). 白山黑水 (*báishān hēishuǐ*) tercatat dalam “Jin Shi · Shi Ji” iaitu 《金史·世纪》：“出女真地有混同江、长白山，混同江亦号黑龙江，所谓‘白山黑水’是也。(Tempat kelahiran ialah Hun Tong Jiang dan Chang Bai Shan. Hun Tong Jiang ialah Hei Long Jiang. Dengan ini terjadilah Bai Shan Hei Shui)” 白山 (*báishān*) ialah 长白山 (*Cháng Bái Shān*) manakala 黑水 (*hēishuǐ*) ialah 黑龙江 (*Hēi Lóng Jiāng*). Kedua-dua nama tempat digabungkan dan menjadi rantau timur laut di China.

Gunung 金马山 (*jīnmǎshān*) terletak di bahagian selatan Kunming (昆明 *Kūnmíng*) dan Gunung 碧鸡山 (*bìjīshān*) pula terletak di bahagian barat Kunming (昆明 *Kūnmíng*). Tempat-tempat ini merupakan tempat menyembah dewa 金马碧鸡 (*jīnmǎ bìjī*) pada dinasti Han. Simpulan bahasa 金马碧鸡 (*jīnmǎ bìjī*) atau 碧鸡金马 (*bìjī jīnmǎ*) dicatat oleh 扬雄 (*Yáng Xióng*) pada dinasti Han dalam “Shu Du Fu” iaitu 《蜀都赋》：“西有盐泉铁冶，橘林铜陵，其傍则有期牛光旄，金马碧鸡 (Barat ada garam dan peleburan besi, sebelah pula ada cahaya dewa Jin Ma Bi Ji).” Dua dewa dalam cerita dongeng masing-masing berbentuk ketulan emas dan batu jed. Ketulan emas itu kelihatan seperti kuda manakala batu jed itu kelihatan seperti ayam. Dengan ini, dewa diberi nama berdasarkan rupa bentuk iaitu 金马 (*jīnmǎ*) dan 碧鸡 (*bìjī*). Nama 金马 (*jīnmǎ*) dan 碧鸡 (*bìjī*) melambangkan suatu tanda yang baik. Nama tempat sama dengan nama dewa menonjolkan ciri-ciri perlambangan di Kunming.

#### 4.3.1.6 Mencerminkan upacara adat istiadat budaya Cina (反映中华文化的礼仪习俗)

Dalam kajian ini, upacara istiadat hanya dilihat dari segi perkahwinan dan hal pengebumian. Seperti yang dibincangkan dalam bab 2, Lin (2000) mengatakan merah merujuk kepada perkahwinan kerana ia melambangkan suasana meriah yang mengembirakan. Menurut Kommonen (2011), dalam budaya Dinasti Han, warna putih melambangkan kematian dan ia mewakili upacara pengebumian di mana orang Cina berbaju putih dan bertopi putih semasa menguruskan hal pengebumian. Ini menyokong pendapat Fan (2010) dan Xin (2006) yang mengatakan putih ialah warna dalam upacara pengebumian. Dengan ini, simpulan bahasa 红白喜事 (*hóngbái xǐshì*) dan 素车白马 (*sùchē bái mǎ*) mengandungi unsur budaya dari aspek istiadat budaya Cina.

##### 4.3.1.6.1 Upacara

红白喜事 (*hóngbái xǐshì*) dicatat oleh 杨静亭 (*Yáng Jìng Tíng*) pada dinasti Qing dalam karya “Du Men Za Yong · Shi Shang Men · Zhi Dan” iaitu 《都门杂咏·时尚门·知单》：“居家不易是长安，俭约持躬稍自宽；最怕人情红白事，知单一到便为难 (Tempat tinggal di Chang An tidak ditukar, hidup berhemah, hal kemanusiaan seperti perkahwinan dan kematian paling menakutkan dan menyukarkan).” Asal-usul sejarah simpulan bahasa ini ialah tentang kematian isteri Zhuāng Zi (庄子). Zhuāng Zi bukan sahaja tidak menangis atas kematian isteri malah memukul jubin tembikar sambil menyanyi. Ada orang menegur kelakuannya. Zhuāng Zi kemudian menjawab dengan mengatakan beliau sangat sedih dengan pemergian isteri pada mulanya. Namun, beliau mendapati isterinya tidak pernah dilahirkan sejak awal. Bukan sahaja tidak pernah dilahirkan, isterinya tidak pernah mempunyai bentuk. Bukan sahaja tidak pernah berbentuk, isterinya juga tidak pernah bertenaga. Isterinya berubah menjadi tenaga

dalam alam khayalan sahaja. Tenaga mengalami perubahan dan kemudian menjadi bentuk. Bentuk mengalami perubahan dan akhirnya bernyawa. Sekarang pula menjadi maut. Keadaan ini sama seperti kitaran empat musim. Si mati akan tidur di antara langit dan bumi dan beliau pula mengelilinginya sambil menangis. *Zhuāng Zi* menganggap situasi ini tidak diiktiraf oleh Tuhan. Maka, beliau berhenti menangis.

*素车白马* (*sùchē báimǎ*) tercatat dalam “Hou Han Shu · Fan Wu Zhuan” iaitu 《后汉书·范武传》：山阳人范武跟汝南人张劭友好，劭去世后将埋葬，武“素车白马，号哭而来。”。Cerita ini mengisahkan cerita antara dua orang kawan baik iaitu *范武* (*Fàn Wǔ*) dan *张劭* (*Zhāng Shào*). *Zhāng Shào* meninggal dunia dan akan dikebumikan kemudian. Apabila jenazahnya dialih, ternampak sebuah kereta kuda datang dengan tangisan. *素车白马* (*sùchē báimǎ*) menunjukkan kenderaan yang digunakan semasa upacara pengebumian.

Daripada contoh simpulan bahasa di atas, merah melambangkan sesuatu yang bertuah dan gembira. Perkahwinan dalam budaya Cina diibaratkan sebagai perkara merah *红喜事* (*hóngxǐshì*). Secara tradisional, pengantin masyarakat lama memakai gaun berwarna merah semasa majlis perkahwinan. Menurut Chang (2004), pengantin bukan sahaja memakai gaun berwarna merah, malahan ditutup oleh tudung merah. Pengantin lelaki pula mengikat sutera merah dan menggantung bunga merah di depan dada. Lin (2000) mempunyai pendapat yang sama dengan Chang (2004) iaitu pasangan pengantin baru memakai gaun berwarna merah, memakai bunga merah, mengedarkan kad jemputan yang berwarna merah, bilik pengantin dihiasi dengan kemerah-merahan sebagai tanda kegembiraan.

Putih merupakan warna pantang dalam amalan budaya Cina. Sejak dahulu, orang ramai berpakaian putih semasa menghadiri upacara pengebumian. Pakaian putih ialah pakaian berkabung. Upacara pengebumian dihiasi dengan warna putih. Begitu juga dengan keranda dan kereta. Simpulan bahasa 红白喜事 (*hóngbái xǐshì*) menandakan budaya upacara perkahwinan dan pengebumian dalam masyarakat timur (Guan 2008). Masyarakat barat pula melihat merah sebagai lambang cinta (Hasan, Al-Sammerai & Kadir, 2011). Kedua-dua masyarakat timur dan barat melihat istilah merah ini sebagai perkara yang menggembirakan dan bertuah.

Simpulan bahasa 红白喜事 (*hóngbái xǐshì*) masih digunakan pada masa kini sebaliknya 素车白马 (*sùchē báimǎ*) tidak lagi kelihatan pada zaman moden. Kenderaan berwarna hitam atau perak juga digunakan semasa upacara pengebumian.

黄道吉日 (*huángdào jíri*) juga berunsur budaya, tercatat dalam “Lian Huan Ji” iaitu 《连环记》四折: “今日是黄道吉日, 满朝众公卿都在银台门, 敦请太师入朝授禅 (Hari ini ialah hari yang baik, para pembesar berada di balkoni, menyambut kedatangan guru untuk memberi ajaran).” Tahyul astrologi mengemukakan enam bintang di ekliptik iaitu 青龙 (*qīnglóng*), 明堂 (*míngtáng*), 金匮 (*jīnkui*), 天德 (*tiāndé*), 玉堂 (*yùtáng*) dan 司命 (*sīmìng*). Keenam-enam bintang ini merupakan bintang yang bernasib. Apabila keenam-enam bintang ini hadir bersama, maka terbentuklah hari yang baik. Orang Cina memilih 黄道吉日 (*huángdào jíri*) untuk menguruskan hal-hal seperti majlis perkahwinan, upacara pengebumian, pembukaan syarikat, pindah rumah dan sebagainya supaya segala urusan ini dijalankan dengan lancar. Dalam adat Cina, kepercayaan karut amat berpengaruh. Contohnya, berkahwin pada hari yang tidak sesuai, maka hubungan pasangan itu susah dikekalkan; berpindah

rumah pada hari yang tidak sesuai, maka pergaduhan antara ahli keluarga selalu berlaku; melawat pesakit pada hari yang tidak sesuai, maka sendiri akan dijangkiti penyakit. Untuk menghindari segala keburukan yang akan berlaku, orang ramai memilih 黄道吉日 (*huángdào jí rì*) sebagai hari yang paling sesuai untuk menjalankan urusan-urusan tersebut.

Fan (2010) menyokong penjelasan Chang (2004) iaitu warna kuning iaitu 黄 (*huáng*) merupakan warna yang teragung dalam budaya Cina. Pada zaman Dinasti Han dan Tang, warna kuning telah menjadi warna khas untuk maharaja. Dengan ini, 黄道 (*huángdào*) ialah perjalanan yang dilalui oleh maharaja semasa mengembara. Dalam 黄道吉日 (*huángdào jí rì*), perkataan 黄 (*huáng*) sendiri tidak bermaksud kuning dan ia hanya membawa erti selepas dikoloslkan dengan 道 (*dào*). Maksud 黄道 (*huángdào*) melambangkan hari yang baik. Dengan ini, 黄道吉日 (*huángdào jí rì*) merupakan hari yang baik untuk menguruskan hal-hal seperti perkahwinan, pengebumian, pembukaan perniagaan, sembahyang, melancong, pindah rumah baru dan sebagainya. Sejak dahulu, urusan adat istiadat dalam budaya Cina seperti penyembahan dewa atau hal-hal pantang larang amat mengutamakan hari dan waktu yang sesuai. Budaya ini masih dikekalkan sehingga hari ini.

#### **4.4 Kesimpulan**

Kesimpulannya, sebanyak 13 jenis warna telah berjaya “ditapis” daripada kamus-kamus terpilih. Warna putih, emas, kuning, hijau dan merah merupakan lima jenis warna berkekerapan tinggi dalam simpulan bahasa Cina yang diperoleh dalam kajian ini. Lima jenis warna tersebut telah ditinjau dari segi makna dan dilihat melalui

aspek yang mencerminkan budaya masyarakat Cina. Selain itu, jenis perubahan makna yang dikenakan oleh sesuatu warna juga dijustifikasi.

Unsur warna dan simpulan bahasa bukan sahaja merupakan hasil pengumpulan budaya, bahkan juga elemen penting dalam bidang linguistik. Kajian tentang unsur-unsur warna yang terkandung dalam simpulan bahasa Cina dan aplikasinya adalah topik yang amat diberi perhatian. Melalui kajian, pengkaji mendapati warna-warna tersebut masing-masing mempunyai ciri-ciri tersendiri. Daripada kekerapan, terdapat beberapa jenis warna yang jarang digunakan dalam simpulan bahasa, contohnya ungu, biru, coklat dan jingga. Manakala warna seperti putih, emas, kuning dan hijau banyak diaplikasikan dalam simpulan bahasa. Dari segi makna, didapati bahawa kelima-lima unsur warna yang terkandung dalam simpulan bahasa Cina telah menunjukkan perubahan makna. Perubahan makna yang ditonjol terdiri daripada makna metafor dan perluasan makna. Dari segi budaya, simpulan bahasa yang berunsur warna mengandungi makna budaya yang unik. Unsur budaya yang terkandung dalam simpulan bahasa pula dikategorikan.

Simpulan bahasa dijadikan platform mengkaji unsur warna. Dengan ini, kita dapat memerhatikan perasaan fisiologi dan penyatuan psikologi yang dihasilkan daripada warna ke arah membentuk unsur warna yang kaya dengan konotasi. Penyelidikan yang menghubungkan kajian simpulan bahasa dengan unsur warna adalah suatu tugas yang amat bermakna. Hal ini kerana ia bukan sahaja dapat mengembangkan pemikiran dan memperluas pandangan kita, malahan mengembangkan bidang penyelidikan linguistik dengan mendalam lagi.



## BAB 5 KESIMPULAN

### 5.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan merumuskan hasil kajian berdasarkan analisis data yang telah dibuat dalam Bab 4. Pengkaji juga akan mengemukakan implikasi dari kajian ini serta cadangan lanjutan.

### 5.1 Dapatan Kajian Umum

Berdasarkan kajian dan analisis yang telah dikemukakan dalam bab-bab sebelumnya, kajian ini tertumpu kepada analisis unsur warna dalam simpulan bahasa Cina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 13 jenis unsur warna telah digunakan dalam simpulan bahasa Cina. Daripada 13 jenis warna, lima jenis warna yang mempunyai kekerapan yang paling tinggi telah dianalisis secara mendalam. Persoalan pertama adalah tentang jenis warna yang kerap digunakan dalam simpulan bahasa Cina. Hasil kajian menunjukkan bahawa warna putih, emas, kuning, hijau dan merah merupakan warna yang paling kerap digunakan dalam simpulan bahasa Cina. Kelima-lima warna tersebut mempunyai posisi masing-masing yang menyifatkan (修饰) dan memberi penjelasan (陈述) terhadap perkataan di sebelum atau selepasnya.

Dalam soalan kajian yang kedua, unsur warna dalam simpulan bahasa Cina ditinjau melalui makna, dan seterusnya mengaitkannya dengan lambang yang diwakili dan juga jenis perubahan makna yang dikenakan ke atas sesuatu warna tersebut. Melalui hasil kajian, boleh disimpulkan bahawa kelima-lima warna yang berkekerapan tinggi itu telah menunjukkan makna warna yang tidak menunjukkan makna warna tersebut.

Mereka telah menonjolkan makna metafor dan perluasan makna selepas bergabung dengan perkataan di sebelum atau selepasnya. Dari segi konotasi budaya, sesetengah unsur warna yang terselit dalam simpulan bahasa mengandungi makna budaya yang unik.

Memandangkan warna-warna dan unsur warna dalam simpulan bahasa berkaitan rapat dengan budaya masyarakat, kita mestilah memahami maksud dan konotasi budaya yang dilambangkan oleh keseluruhan simpulan bahasa agar makna yang sebenar dapat difahami. Mengkaji unsur warna dalam simpulan bahasa dapat membantu pembaca memahami makna-makna baru selepas perubahan makna berlaku ke atas sesuatu warna. Pembaca juga dapat menguasai konotasi budaya Cina kerana simpulan bahasa itu sendiri mencerminkan budaya Cina.

Konotasi budaya yang dilambangkan oleh sesuatu warna jelas dilihat melalui kajian ini. Terdapat beberapa konsep dalam sesuatu warna tidak lagi digunakan pada zaman sekarang tetapi telah diwarisi melalui penggunaan simpulan bahasa. Sebagai contoh, 白衣秀士 (*báiyī xiùshì*) dan 拖紫垂青 (*tuōzǐ chuíqīng*).

白衣秀士 (*báiyī xiùshì*) dikatakan sebagai pelajar biasa yang masih belum menjadi pegawai kerajaan. Seperti yang dibincangkan dalam Bab 4 tadi, 白 (*bái*) ialah warna putih yang melambangkan kemiskinan. Rakyat biasa dihadkan memakai baju berwarna putih sahaja. Pada masa kini, rakyat biasa tidak seperti dahulu hanya berpakaian putih. Rakyat pada masa kini bebas memakai sebarang warna. Dalam simpulan bahasa 拖紫垂青 (*tuōzǐ chuíqīng*), perkataan 青 (*qīng*) dirujuk sebagai reben berwarna hijau yang diikat oleh pegawai pada zaman dahulu. Fenomena ini tidak lagi wujud pada masa kini. Perkara-perkara ini telah membuktikan bahawa perkembangan

masyarakat telah menyebabkan perubahan terhadap maksud yang terkandung dalam simpulan bahasa Cina.

## 5.2 Implikasi Kajian

Penggunaan simpulan bahasa ini telah semakin berkurangan dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan muda dan mereka yang telah lama meninggalkan zaman persekolahan. Di samping itu, arus pembangunan dan pemodenan serta pengaruh televisyen yang banyak menggunakan bahasa asing turut menyumbang kepada fenomena ini. Oleh itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengajak para pembaca untuk mempelajari atau mengimbas kembali simpulan bahasa Cina, memahami budaya, pemikiran dan kebijaksanaan para cendekiawan dan golongan cerdik pandai pada zaman dahulu yang telah mencipta simpulan bahasa melalui pemerhatian mereka terhadap alam sekeliling. Penghargaan terhadap ciptaan simpulan bahasa sejak berkurun lamanya juga merupakan tujuan kajian ini. Tambahan lagi, orang asing yang sedang mempelajari bahasa Cina sebagai bahasa kedua dapat memahami budaya masyarakat Cina dari perspektif budaya yang disampaikan melalui simpulan bahasa.

Pembentukan unsur warna dalam simpulan bahasa Cina berkait rapat dengan budaya dan penglihatan dunia masyarakat Cina. Warna-warna yang terkandung dalam simpulan bahasa mengandungi makna metafor atau perluasan makna. Tidak dapat dinafikan bahawa kajian tentang unsur warna dalam simpulan bahasa dari aspek bahasa merupakan salah satu topik yang amat penting. Kajian ini didapati telah menyokong pendapat Fanany (2003) yang mengatakan bahawa terdapat segelintir masyarakat yang mengatakan peribahasa dan simpulan bahasa adalah penting bagi sesuatu masyarakat dalam kesusasteraan. Simpulan bahasa bukan sahaja penting bagi masyarakat Cina,

malah juga penting bagi masyarakat Melayu sehingga terdapat kamus khas yang dihasilkan dalam kedua-dua bahasa. Selain itu, terdapat banyak edisi kamus simpulan bahasa Cina yang baru boleh diperolehi di pasaran sekarang. Generasi muda dapat mempelajari simpulan bahasa dengan lebih mudah. Simpulan bahasa merupakan suatu warisan yang patut dikekalkan kerana ia mengandungi pelbagai budaya, nasihat, tauladan, insentif, dorongan, peraturan dan prinsip hidup sesebuah bangsa.

Manusia amat kreatif dalam menghasilkan simpulan bahasa dan boleh digunakan sepanjang zaman untuk sesiapa pun. Seperti yang disebut oleh Puteri Roslina (2001) dan Saidatul Nornis (2001) yang dibincangkan dalam Bab 2, simpulan bahasa digunakan sebagai nasihat, insentif, pujian, pengajaran, dorongan, ejekan, sindiran dan sebagainya. Simpulan bahasa dapat disesuaikan dengan pelbagai peringkat usia dan pangkat setiap bangsa masing-masing.

Guru-guru boleh menggunakan kaedah perbandingan antara bahasa Cina dan dialek seperti Hokkien atau Kantonis dalam proses pengajaran dan pembelajaran simpulan bahasa bagi mendekatkan minda pelajar dengan topik yang diajar supaya lebih mudah difahami. Budaya Hokkien atau Kantonis juga boleh diintegrasikan ke dalam simpulan bahasa Cina. Guru-guru juga boleh menggunakan kaedah pengajaran yang lebih menarik iaitu persembahan elektronik seperti kartun atau komik dengan menceritakan asal usul sesuatu simpulan bahasa.

Bahan bantuan mengajar dalam bentuk teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) seperti CD-Rom yang bersifat interaktif dan program televisyen pendidikan sejarah Cina perlu disediakan dan diperkenalkan kepada guru-guru dan murid-murid bagi membantu mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### **5.3 Cadangan Kajian yang Seterusnya**

Pengkaji mencadangkan bahawa penyelidik-penyelidik yang berminat membuat kajian bukan sahaja boleh meninjau unsur warna dalam simpulan bahasa Inggeris atau Melayu, malahan unsur-unsur lain yang terkandung dalam peribahasa, ungkapan, perumpamaan, kata pepatah, kiasan dan sebagainya. Hal ini demikian kerana terdapat banyak lagi unsur lain yang belum diteliti. Banyak lagi kenyataan atau realiti kehidupan dapat dilihat dan ditinjau sebagai implikasi.

### **5.4 Kesimpulan**

Penyelidikan ini mengkaji perubahan makna warna dalam simpulan bahasa Cina dan pelbagai kategori budaya yang dicerminkan oleh simpulan bahasa yang berkenaan. Didapati bahawa sesetengah simpulan bahasa yang berunsur warna tergolong dalam pelbagai kategori budaya. Warna-warna yang dikaji iaitu putih, emas, kuning, hijau dan merah telah mengalami perubahan makna dengan kewujudannya dalam simpulan bahasa.

Simpulan bahasa yang dikategorikan dalam pelbagai kategori budaya adalah menarik dan bermakna. Kategori budaya yang dicerminkan harus dikemukakan kepada generasi muda supaya dapat unsur-unsur budaya itu dapat dikekalkan dalam kehidupan.

Secara keseluruhan, kajian simpulan bahasa yang berkaitan dengan unsur warna merupakan kajian yang amat bermakna dan memberi sumbangan dalam bidang penyelidikan bahasa.

## BIBLIOGRAFI

- Adhifah Rayahu. (2012). *Peranan Warna dalam Arsitektur Sebagai Salah Satu Kebutuhan Manusia* (Master Dissertation, Universitas Indonesia). Retrieved from <http://lontar.ui.ac.id/file?file=digital/20300726-S42011-Adhifah%20Rahayu.pdf>
- Adi Kusrianto. (2009). *Berkarier Di Dunia Grafis*. Indonesia: Elex Media Komputindo.
- Argyrous, G. (2000). *Statistics for Social and Health Research with a Guide to SPSS*. London, England : SAGE Publications Ltd.
- Asmah Hj Omar. (1986). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar. (1993). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu* (Edisi ke-2). Kuala Lumpur, Malaysia : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad al-Mutawakkil. (2006) *al-Manha al-Wazī:fiyy fi: al-Fikral-Lughawiyy al-'Arabiyy al-'Uṣu:l wa al-Imtida:d*. Maktabat Da:r al-'Ama:n.
- Berlin, B., & Kay, P. (1969). *Basic Color Terms: Their Universality and Evolution*. Berkeley and Los Angeles : University of California Press.
- Cao Wei (曹炜). (2009). *Xiandai Hanyu Ciyixue (现代汉语词义学)*. Jinan Daxue Chubanshe.
- Chang Jingyu (常敬宇). (2004). *Hanyu Cihui Yu Wenhua (汉语词汇与文化)*. Beijing: Beijing Daxue Chubanshe.
- Chang Rong (常荣). (2010). 《Shuowen Jiezi》 Xi Bu Yansezi de Wenhua Tanjiu (《说文解字》系部颜色字的文化探究). *Journal Of Zhengzhou Institute Of Aeronautical Industry Management (Social Science Edition)*. 29 (1), 89-92. \
- Chen Zhipeng (陈志鹏). (2013). Qianxi Yansezi Zai Hanyu Chengyu Zhong De Yuyi Tezheng (浅析颜色词在汉语成语中的语义特征). *Journal of Literature Life (Trimonthly Publication)*, 11, 1-3. Retrieved from <http://www.xzbu.com/7/view-5416872.htm>
- Chi, R. & Hao, Y. (2013). Translation of English Idioms From the Perspective of Cultural Context. *Cross-Cultural Communication*, 9 (5), 78-81.
- Chong Geenghui (庄耿慧). (2014). *Perubahan Makna Dalam Radikal 'Nu'* (Disertasi M.M.L.S) University of Malaya , Kuala Lumpur.
- Dai, W. S. (2003). *Chengyu Zhong De Gudai Keji (成语中的古代科技)*. Tianjin, Zhongguo : Baihua Literature and Art Publishing House.

- Eberhard, W. (1986). *A Dictionary of Chinese Symbols, Hidden Symbols in Chinese Life and Thought*. London & New York : Routledge & Keagan Paul Ltd.
- Ensiklopedia Malaysia*. (1996). Kuala Lumpur, Malaysia : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fanany, I., & Fanany, R. (2003). *The Wisdom of The Malay Proverbs*. Selangor, Kuala Lumpur : Dewama Sdn Bhd.
- Fan Shiyan (范诗言). (2010). *Chengyu Yansecai Yanjiu (成语颜色词研究)* (Master Dissertation, 辽宁师范大学). Retrieved from <http://cdmd.cnki.com.cn/Article/CDMD-10165-1011023505.htm>
- Gu Haifang (顾海芳). (2002). Hanyu Yansecai De Wenhua Fenxi (汉语颜色词的文化分析). *Journal Of Shayang Teachers College*, 4, 55-58.
- Guan Jing (关静). (2008). Zhongxi Wenhua Zhong Yanse Ciyu De Bijiao (中西文化中颜色词语的比较). *Journal Of Straits Science*, 5, 52-56. Retrieved from <http://www.cnki.com.cn/Article/CJFDTotat-YJYZ200805027.htm>
- Gunarwan, Asim. (2004). *Pragmatik, Kebudayaan, dan Pengajaran Bahasa*. Disajikan pada Seminar Nasional Semantik III: Pragmatik dan Makna Interaksi Sosial. Diselenggarakan oleh Program Studi Linguistik (S2 dan S3), Program Pancasarjana, dan Fakultas Sastra dan Seni Rupa Universitas Sebelas Maret Surakarta, Sabtu, 28 August 2004.
- Hall, S. (2003). *Representation. Cultural Representations and Signifying Practices* (2<sup>nd</sup> ed). London : Sage Publications Ltd.
- Hasan, A. A., Al-Sammerai, N., & Kadir, F. A. B. A. (2011). How Colours Are Semantically Construed In The Arabic And English Culture: A Comparative Study. *English Language Teaching*, 4(3), 206-213. Retrieved from <http://search.proquest.com.ezaccess.library.uitm.edu.my/docview/889136551?accountid=42518>
- Huang Borong (黄伯荣). (1991). *Xiandai Hanyu Jiaocheng (现代汉语教程)*. Qingdao : Qingdao Chubanshe.
- Jalaluddin, Nor., Anida S. & Zaharani A. (2012). Peluasan Makna Alim: Analisis Semantik Kognitif. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 12(2) ,457-473.
- Jandt, Fred E. 2003. *An Introduction to Intercultural Communication: Identities in a Global Community*. The 4th edition. California: Sage Publications.
- Jie Haijiang & Zhang Liping (解海江&章黎平). (2004). *Hanying Yuyan Yansecai Duibi Yanjiu (汉英语言颜色词对比研究)*. Shanghai: Shanghai Cishu Chubanshe.
- Kommonen, K. (2011). Narratives On Chinese Colour Culture In Business Contexts. *Cross Cultural Management*, 18(3), 366-383. doi:<http://dx.doi.org/10.1108/13527601111152879>

- Kopacz, J. (2004). *Color In Three-dimension Design*. England : Mc Graw Hill Professional.
- Lakoff, G. (1987). *Woman Fire And Dangerous Things: What Categories Reveal About The Mind*. Chicago: Chicago University Press.
- Lam Seiw Tai. ( 2008 ). *Imej wanita dan Unsur Seksis dalam Simpulan Bahasa Cina* (Disertasi M.M.L.S) University of Malaya , Kuala Lumpur.
- Lehrer, A. (1974). *Semantic Fields and Lexical Structure*. Amsterdam.
- Li Jiashu (李家樹). (1993). *Hanyu Cihui Jianghua (汉语词汇讲话)*. Hong Kong : Xiandai Jiaoyu Chubanshe.
- Li Hongyin (李红印). (2007). *Xiandai Hanyu Yanseji Yuyi Fenxi (现代汉语颜色词语义分析)*. Beijing : Shangwu Yinshuguan.
- Li Tusheng (2009). *Hanzi yu Hanzi Wenhua (汉字与汉字文化)*. Beijing : Zhongyang Wenxian Chubanshe.
- Lin Baoqing. (2000). *Hanyu Yu Zhongguo Wenhua (汉语与中国文化)*. Beijing: Kexue Chubanshe.
- Liu, J.X. (2000). *Chinese Idioms Essence Dictionary (white)*. China : China Press.
- Liu Ling (刘玲). (2008). Hanying Secai De Lianxiang Yiyi Ji Wenhua Chayi Yanjiu (汉英色彩词的联想意义及文化差异研究). *Journal Of Kao Shi Zhou Kan*, 40. Retrieved from [http://d.wanfangdata.com.cn/Periodical\\_kszk200840163.aspx](http://d.wanfangdata.com.cn/Periodical_kszk200840163.aspx)
- Luk Ka-wai (陆家慧). (2013). *A Study Of The Colour Word "Gold" And Its Combination (Yanseji "Jin" Ji Qi Zuhe Yanjiu) (颜色词“金”及其组合研究)*. The Degree of Master of Arts. The University of Hong Kong, Hong Kong.
- Machin, D. (2009). Multimodality and theories of the visual. In Jewitt, C. (Ed.), *The Routledge Handbook of Multimodal Analysis*. London: Routledge.
- Mahnke F. H. (1996). *Color, Environment & Human Response*. United State of America: John Willey & Sons.
- Mahnke F. H., & Mahnke R. H. (1993). *Color and Light*. United State of America: John Willey & Sons.
- Mahmod Nazar Mohamed. (1990). *Pengantar Psikologi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nathesan S. (1998). Simpulan Bahasa: Satu Tinjauan dari Sudut Makna. Kuala Lumpur : *Jurnal Dewan Bahasa*, 42 (11), 985-994.



- Neo Kian Seng, Heng Buai Chin & Lee Sek Yui. (2014). *Metafora Imej-imej dalam Peribahasa Melayu dan Cina*. RMI, UiTM, Shah Alam : APB Conference Prosiding.
- Noraini Shahida Ishak & M Mascitah Mansor. (2011). *Peribahasa : Gambaran Minda Melayu Dalam Penciptaan Iklan*. Retrieved from [http://irep.iium.edu.my/7309/1/Peribahasa\\_Gambaran\\_Minda\\_Melayu\\_dalam\\_Penciptaan\\_Iklan.pdf](http://irep.iium.edu.my/7309/1/Peribahasa_Gambaran_Minda_Melayu_dalam_Penciptaan_Iklan.pdf)
- Nugroho, E. (2008). *Pengenalan teori warna*. Yogyakarta : Andi.
- Ogden, C.K. & f.A. Richard. (1972). *The Meaning of Meaning*. London: Routledge dan Kegau Paul Ltd.
- Paitoon, M. C. (2012). *SIJLL (Singapore International Journal Of Language And Literature)*, 2. Singapore : International Press.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2001). Journal Pembimbingan dan Pengembangan Bahasa, dlm *Dewan Bahasa*, 44(12), 1273-1285.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2005). Bahasa Melayu dalam Konteks Budaya dan Kuasa. dalam *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 4(2), 32-56.
- Saidatul Nornis. (2001). Peribahasa Melayu dan Cina : Serupa Tetapi Berbeza, dlm. *Dewan Bahasa*, 1(6), 34-39.
- Soenjono, D. (2003). *Psikolinguistik: Pengantar Pemahaman Bahasa Manusia*. Indonesia : Yayasan Obor.
- Song Wei (宋玮). (2012). *Chuan Cheng Zhong Guo Chuan Tong Jia Ting Wen Hua Nei Han, Jian She Dang Dai Jia Ting He Xie Wen Hua (传承中国传统家庭文化内涵, 建设当代家庭和谐文化)*. 九三学社中国人民大学支社. Retrieved from [http://www.bj93.gov.cn/sxjs/xyd/t20120906\\_214391.htm](http://www.bj93.gov.cn/sxjs/xyd/t20120906_214391.htm)
- Tengku Azeezeen Tengku Shamsudden. (2008). *Unsur Haiwan dalam Peribahasa Melayu dan Cina : Satu Perbandingan (Disertasi M.M.L.S)* University of Malaya , Kuala Lumpur.
- Wang Anying (王岸英). (2008). Mudanjiang Liuyu Manyu Diming Zhi Fanyi Kaozheng (牡丹江流域满语地名之翻译考证). *《民族翻译》*, 1, 54-70.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1991). *Budaya Ilmu: Satu Penjelasan*. Malaysia : Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Wang, L.C., & Wang, S. (2013). A Study of Idiom Translation Strategies between English and Chinese. *Theory and Practice in Language Studies*, 3(9), 1691-1697.
- Wang, X. (2012). Semantic Comparison Between Chinese and English Idioms Containing Color Words. *Canadian Social Science*, 8(5), 174-177.
- Wang Yidi (王以第). (2006). "Hongse Wenhua" De Jiazhi Ji Qi Shixian ("红色

文化”的价值及其实现) (Master Dissertation, 山东大学). Retrieved from <http://cdmd.cnki.com.cn/Article/CDMD-10422-2007040711.htm>

Wang Yike (王一柯). (2012). *Hongnan Lünnü Gujin Yisi De Chabie* (红男绿女古今意思的差别). Retrieved from <http://tushu.junshishu.com/Book21102/Content1069050.html>

Wu Kaixiu (吴开秀). (2002). The Semantic Functions of Chinese Color Words. *Journal Of ABA Teachers College*, 2, 53-55.

Xin Yuan (心缘). (2006). *Zhongguo Wenhua Jianjie (Wu): Zhongguo Chuantong Wenhua Zhong De Yanse. Diqi Jiang* [中国文化简洁(五): 中国传统文化中的颜色. 第七讲]. Retrieved from <http://www.zhengjian.org/node/37821>

Xu Suqin (许素琴). (2014). *Han Jiben Yanseci Chengyu Yanjiu* (含基本颜色词成语研究). (Master Dissertation, 南京师范大学). Retrieved from <http://archive.artnchina.com/KCMS/detail/detail.aspx?filename=1014349522.nh&dbcode=CMFD&dbname=CMFD2015>

Xu Wanhong (2004). *Gulao de Xingshi* (古老的姓氏). *Journal of Huangshan University*, 6(1).

Yang Defeng (杨德峰). (1999). *Hanyu Yu Wenhua Jiaoji* (汉语与文化交际). Beijing : Beijing Daxue Chubanshe.

Yao Pengci (姚鹏慈). (1998). Shilun Hanyu Chengyu De Changdu (试论汉语成语的长度). *Journal Of Radio & TV University (Philosophy & Social Sciences)*, 1.

Zeng Longxia (曾龙霞). (2004). Zhonghua Minzu Jingshen Yanjiu Zongshu (中华民族精神研究综述). *Forum On Chinese Culture*, 3.

Zhan Xuzuo & Zhu Liangzhi (2002). *Hanzi yu Zhongguo Wenhua* (汉字与中国文化). Xi An : Shanxi Renmin Jiaoyu Chubanshe.

Zhang Dainian (张岱年). (1986). Wenhua Chuantong Yu Minzu Jingshen (文化传统与民族精神). 《学术月刊》第12期.

Zulkifley Hamid. (1996). *Bahasa, Konsep, Fungsi dan Penguasaannya oleh Penutur*. Selangor, Malaysia : Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Laman Web

<http://kebijakandalamkehidupan.blogspot.com/2011/07/warna-dalam-budaya-cina.html>  
Dicapai pada (20/5/2014)

<http://www.academia.edu/2490827/Konseptualisasi> Dicapai pada (26/3/2014)

<http://wenku.baidu.com/view/403ca3e4f8c75fbfc77db22e.html> Dicapai pada (15/8/2014)

<http://www.xzbu.com/7/view-5416872.htm> Dicapai pada (2/4/2015)

### **Senarai Kamus**

*Chengyu Tongjian Cidian* (成语通检词典). (2013). Beijing : Zhonghua Shuju.

*Cihai* (辞海). (1999). Shang Hai : Shanghai Cishu Chubanshe.

*Gujin Hanyu Cidian* (古今汉语词典). (2004). Beijing : Shangwu Yinshuguan.

*Kamus Dewan Edisi Ketiga*. (1997). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Keempat*. (2008). Indonesia: PT Gramedia Pustaka Utama.

*Longman Dictionary of Contemporary English* (4th ed). (2003). Harlow, England: Longman.

*Oxford English Dictionary*. (2nd ed) (1989). Oxford: Oxford University Press.

*Xiandai Hanyu Cidian* (现代汉语词典) [Kamus Bahasa Cina Modern]. (2002). Beijing : Shangwu Yinshuguan.

*Xinhua Chengyu Cidian* (新华成语词典). (2011). Beijing : Shangwu Yinshuguan.

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	: Senarai Simpulan Bahasa Cina yang Berunsur Warna Putih, Emas, Kuning, Hijau dan Merah	154
Lampiran 2	: Senarai Simpulan Bahasa yang Berunsur Lebih daripada Satu Jenis Warna	160
Lampiran 3	: Simpulan Bahasa yang Mengandungi Unsur Putih, 白 ( <i>bái</i> )	162
Lampiran 4	: Lambang dan Makna Simpulan Bahasa yang Berunsur Putih, 白 ( <i>bái</i> ) dan Jenis Peubahan Semantik Putih	166
Lampiran 5	: Simpulan Bahasa yang Mengandungi Unsur Emas, 金 ( <i>jīn</i> )	173
Lampiran 6	: Lambang dan Makna Simpulan Bahasa yang Berunsur Emas, 金 ( <i>jīn</i> ) dan Jenis Peubahan Semantik Emas	174
Lampiran 7	: Simpulan Bahasa yang Mengandungi Unsur Kuning, 黄 ( <i>huáng</i> )	186
Lampiran 8	: Lambang dan Makna Simpulan Bahasa yang Berunsur Kuning, 黄 ( <i>huáng</i> ) dan Jenis Peubahan Semantik Kuning	187
Lampiran 9	: Simpulan Bahasa yang Mengandungi Unsur Hijau, 青 ( <i>qīng</i> )	192
Lampiran 10	: Lambang dan Makna Simpulan Bahasa yang Berunsur Hijau, 青 ( <i>qīng</i> ) dan Jenis Peubahan Semantik Hijau	194
Lampiran 11	: Simpulan Bahasa yang Mengandungi Unsur Merah, 红 ( <i>hóng</i> )	199
Lampiran 12	: Lambang dan Makna Simpulan Bahasa yang Berunsur Merah, 红 ( <i>hóng</i> ) dan Jenis Peubahan Semantik Merah	200

**Lampiran 1 : Senarai Simpulan Bahasa Cina yang Berunsur Warna Putih, Emas, Kuning, Hijau dan Merah**

(i) Simpulan bahasa yang berunsur warna **putih**, 白 (**bái**) :

1. 白云苍狗 (báiyún cāngǒu)	71 simpulan bahasa (21.91%)
2. 白日见鬼 (báirì jiànguǐ)	
3. 白日升天 (báirì shēngtiān)	
4. 白日做梦 (báirì zuòméng)	
5. 白手成家 (báishǒu chéngjiā)	
6. 白手起家 (báishǒu qǐjiā)	
7. 白龙鱼服 (báilóng yúfú)	
8. 白头如新 (báitóu rú xīn)	
9. 白头到老 (báitóu dào lǎo)	
10. 白头偕老 (báitóu xiélǎo)	
11. 白发苍苍 (báifà cāngcāng)	
12. 白发苍颜 (báifà cāngyán)	
13. 白衣苍狗 (báiyī cāngǒu)	
14. 白衣秀士 (báiyī xiùshì)	
15. 白驹过隙 (báijū guòxì)	
16. 白面书生 (báimiàn shūshēng)	
17. 白虹贯日 (báihóng guànrì)	
18. 白首穷经 (báishǒu qióngjīng)	
19. 白首空归 (báishǒu kōngguī)	
20. 白首偕老 (báishǒu xiélǎo)	
21. 白屋寒门 (báiwū hánmén)	
22. 白浪滔天 (báilàng tāotiān)	
23. 白璧无瑕 (báibì wúxiá)	
24. 白璧微瑕 (báibì wēixiá)	
25. 白山黑水 (báishān hēishuǐ)	
26. 白发红颜 (báifà hóngyán)	
27. 白纸黑字 (báizhǐ hēizi)	
28. 白说绿道 (báishuō lǜdào)	
29. 白眉赤眼 (báiméi chìyǎn)	
30. 白眉赤脸 (báiméi chìliǎn)	
31. 白草黄云 (báicǎo huángyún)	
32. 白白朱朱 (báibái zhūzhū)	
33. 白璧青蝇 (báibì qīngyíng)	
34. 白雪皑皑 (báixuě áiái)	
35. 齿白唇红 (chǐbái chúnóng)	
36. 不白之冤 (bùbáizhīyuān)	
37. 月白风清 (yuèbái fēngqīng)	
38. 平白无故 (píngbái wúgù)	
39. 苍白无力 (cāngbái wúli)	
40. 黑白分明 (hēibái fēnmíng)	

41. 黑白混淆 (hēibái hùnxíáo)
42. 红白喜事(hóngbái xǐshì)
43. 死乞白赖 (sǐqǐ báilài)
44. 阳春白雪 (yángchūn báixuě)
45. 青天白日 (qīngtiān báiri)
46. 黄茅白苇 (huángmáo báiwěi)
47. 黄童白叟 (huángtóng báisǒu)
48. 黑天白日 (hēitiān báiri)
49. 冯唐白首 (féngtáng báishǒu)
50. 素车白马 (sùchē báimǎ)
51. 财不露白 (cái bù lòubái)
52. 明明白白 (míngmíng báibái)
53. 胸怀坦白 (xiōnghuái tǎnbái)
54. 清浑皂白 (qīnghún zàobái)
55. 雌黄黑白 (cíhuáng hēibái)
56. 朱朱白白 (zhūzhū báibái)
57. 一穷二白 (yīqióng èrbái)
58. 一清二白 (yīqīng èrbái)
59. 不分皂白 (bùfēn zàobái)
60. 不明不白 (bùmíng bùbái)
61. 不清不白 (bùqīng bùbái)
62. 风清月白 (fēngqīng yuèbái)
63. 真相大白 (zhēnxiàng dàbái)
64. 襟怀坦白 (jīnhuái tǎnbái)
65. 半文不白 (bànwén bùbái)
66. 压倒元白 (yādǎo yuánbái)
67. 沉冤莫白 (chényuān mòbái)
68. 颠倒黑白 (diāndǎo hēibái)
69. 青红皂白 (qīnghóngzàobái)
70. 混淆黑白 (hùnxíáo hēibái)
71. 唇红齿白 (chúnhóng chǐbái)

(ii) *Simpulan bahasa yang berunsur warna emas, 金 (jīn) :*

1. 金口玉牙 (jīnkǒu yùyá)
2. 金口玉言 (jīnkǒu yùyán)
3. 金口玉音 (jīnkǒu yùyīn)
4. 金马碧鸡 (jīnmǎ bìjī)
5. 金戈铁马 (jīngē tiěmǎ)
6. 金玉之言 (jīnyù zhī yán)
7. 金玉良言 (jīnyù liángyán)
8. 金石为开 (jīnshí wéi kāi)
9. 金石可开 (jīnshí kě kāi)

10. 金字招牌 (jīnzi zhāopái)	
11. 金声玉振 (jīnshēng yùzhèn)	
12. 金针度人 (jīnzhēn dùrén)	
13. 金枝玉叶 (jīnzhī yùyè)	
14. 金瓯无缺 (jīnōu wúquē)	
15. 金城汤池 (jīnchéng tāngchí)	
16. 金科玉条 (jīnkē yùtiáo)	
17. 金科玉律 (jīnkē yùlǜ)	
18. 金迷纸醉 (jīnmí zhǐzuì)	
19. 金屋藏娇 (jīnwū cángjiāo)	
20. 金童玉女 (jīntóng yùnnǚ)	
21. 金碧辉煌 (jīnbì huīhuáng)	
22. 金榜题名 (jīnbǎng tí míng)	
23. 金蝉脱壳 (jīnchán tuōqiào)	
24. 金波玉液 (jīnbō yùyè)	
25. 金刚怒目 (jīngāng nùmù)	
26. 金谷酒数 (jīngǔ jiǔshù)	
27. 金鸡独立 (jīnjī dúlì)	
28. 金兰之契 (jīnlán zhī qì)	
29. 金兰之谊 (jīnlán zhī yì)	
30. 金吾不禁 (jīnwú bùjìn)	
31. 金相玉质 (jīnxiàng yùzhì)	
32. 金玉满堂 (jīnyù mǎntáng)	
33. 金马玉堂 (jīnmǎ yùtáng)	
34. 千金一笑 (qiānjīn yī xiào)	
35. 千金一诺 (qiānjīn yī nuò)	
36. 千金一掷 (qiānjīn yī zhì)	
37. 千金市骨 (qiānjīn shìgǔ)	
38. 千金买邻 (qiānjīn mǎi lín)	
39. 千金买骨 (qiānjīn mǎi gǔ)	
40. 千金买笑 (qiānjīn mǎi xiào)	
41. 拾金不昧 (shíjīn bùmèi)	
42. 挥金如土 (huījīn rú tǔ)	
43. 浑金璞玉 (húnjīn púyù)	
44. 火眼金睛 (huǒyǎn jīnjīng)	
45. 玉振金声 (yùzhèn jīnshēng)	
46. 纸醉金迷 (zhǐzuì jīnmí)	
47. 固若金汤 (gù ruò jīntāng)	
48. 铁马金戈 (tiěmǎ jīngē)	
49. 琼浆金液 (qióngjiāng jīnyè)	
50. 琼楼金阙 (qiónglóu jīnquè)	
51. 碧鸡金马 (bìjī jīnmǎ)	
52. 一字千金 (yī zì qiānjīn)	
53. 一饭千金 (yī fàn qiānjīn)	
54. 一刻千金 (yī kè qiānjīn)	

70 simpulan bahasa

(21.6%)

55. 一笑千金 (yī xiào qiānjīn)
56. 一诺千金 (yī nuò qiānjīn)
57. 一掷千金 (yī zhì qiānjīn)
58. 寸土寸金 (cùntǔ cùnjīn)
59. 寸土尺金 (cùntǔ chǐjīn)
60. 众口铄金 (zhòngkǒu shuòjīn)
61. 沙里淘金 (shā lǐ táo jīn)
62. 披沙拣金 (pīshā jiǎnjīn)
63. 披沙简金 (pīshā jiǎnjīn)
64. 点石成金 (diǎnshí chéng jīn)
65. 点铁成金 (diǎntiě chéng jīn)
66. 惜墨如金 (xīmò rú jīn)
67. 惜墨若金 (xīmò ruò jīn)
68. 谗口铄金 (chánkǒu shuòjīn)
69. 管鲍分金 (guǎnbào fēn jīn)
70. 璞玉挥金 (púyù huījīn)

(iii) *Simpulan bahasa yang berunsur warna kuning, 黄 (huáng) :*

1. 黄花晚节 (huánghuā wǎnjié)
2. 黄茅白苇 (huángmáo báiwěi)
3. 黄卷青灯 (huángjuàn qīngdēng)
4. 黄钟大吕 (huángzhōng dàlǚ)
5. 黄童白叟 (huángtóng báisǒu)
6. 黄道吉日 (huángdào jí rì)
7. 黄粱一梦 (huángliáng yīmèng)
8. 面黄肌瘦 (miàn huáng jīshòu)
9. 青黄不接 (qīnghuáng bùjiē)
10. 飞黄腾达 (fēihuáng téngdá)
11. 五黄六月 (wǔhuáng liùyuè)
12. 苍黄翻覆 (cānghuáng fānfù)
13. 飞黄腾踏 (fēihuáng téngtà)
14. 青黄不交 (qīnghuáng bùjiāo)
15. 姚黄魏紫 (yáohuángwèizǐ)
16. 蜚黄腾达 (fēihuáng téngdá)
17. 雌黄黑白 (cíhuáng hēibái)
18. 橙黄橘绿 (chéng huáng jú lǜ)
19. 杳如黄鹤 (yǎo rú huánghè)
20. 明日黄花 (míng rì huánghuā)
21. 命丧黄泉 (mìngsàng huángquán)
22. 碧落黄泉 (bìluò huángquán)
23. 青灯黄卷 (qīngdēng huángjuàn)
24. 一枕黄粱 (yīzhěn huángliáng)

36 simpulan bahasa  
(11.11%)



25. 白草黄云 (báicǎo huángyún)
26. 抱恨黄泉 (bàohèn huángquán)
27. 晚节黄花 (wǎnjié huánghuā)
28. 螳螂黄雀 (tángláng huángquè)
29. 信口雌黄 (xìnkǒu cíhuáng)
30. 数黑论黄 (shùhēilùnhuáng)
31. 魏紫姚黄 (wèizǐyáohuáng)
32. 妄下雌黄 (wàngxià cíhuáng)
33. 腾达飞黄 (téngdá fēihuáng)
34. 腾踏飞黄 (téngtà fēihuáng)
35. 人老珠黄 (rénlǎo zhūhuáng)
36. 口中雌黄 (kǒuzhōng cíhuáng)

(iv) *Simpulan bahasa yang berunsur warna hijau, 青 (qīng) :*

1. 青天白日 (qīngtiān báiri)
2. 青云直上 (qīngyún zhíshàng)
3. 青史传名 (qīngshǐ chuánmíng)
4. 青史留名 (qīngshǐ liúmíng)
5. 青梅竹马 (qīngméi zhúmǎ)
6. 青山绿水 (qīngshān lǜshuǐ)
7. 青出于蓝 (qīng chūyú lán)
8. 青灯黄卷 (qīngdēng huángjuàn)
9. 青红皂白 (qīnghóngzàobái)
10. 青黄不接 (qīnghuáng bùjiē)
11. 青山依旧 (qīngshān yījiù)
12. 青云之志 (qīngyún zhī zhì)
13. 青史流芳 (qīngshǐ liúfāng)
14. 青面獠牙 (qīngmiàn liáoyá)
15. 青黄不交 (qīnghuáng bù jiāo)
16. 青霄直上 (qīngxiāo zhíshàng)
17. 鼻青脸肿 (bíqīng liǎnzhǒng)
18. 山青水秀 (shānqīng shuǐxiù )
19. 丹青不渝 (dānqīng bù yú)
20. 丹青妙手 (dānqīng miào shǒu)
21. 平地青云 (píngdì qīngyún)
22. 平步青云 (píngbù qīngyún)
23. 名垂青史 (míngchuí qīngshǐ)
24. 直上青云 (zhíshàng qīngyún)
25. 碧水青山 (bìshuǐ qīngshān)
26. 碧海青天 (bìhǎi qīngtiān)
27. 黄卷青灯 (huángjuàn qīngdēng)
28. 绿水青山 (lǜshuǐ qīngshān)

35 simpulan bahasa

(10.8%)

29. 白壁青蝇 (báibì qīngyíng)	
30. 永垂青史 (yǒngchuí qīngshǐ)	
31. 名标青史 (míngbiāo qīngshǐ)	
32. 炉火纯青 (lúhuǒ chúnqīng)	
33. 妙手丹青 (miàoshǒu dānqīng)	
34. 拖紫垂青 (tuōzǐ chuíqīng)	
35. 万古长青 (wàngǔ chángqīng)	

